

9869456

PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYA

**PENGUASAAN KOSA KATA ASAS BAHASA MELAYU DI  
DALAM KALANGAN MURID TAHUN SATU DI SEKOLAH  
SIAM BAN KHORLOGAWAY, NARATHIWAT: KAJIAN KES.**

**NURHUDA@ NURUL HUDA CHEDO**

Perpustakaan Universiti Malaya



A515364473

**AKADEMI PENGAJIAN MELAYU  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR  
2012**

UNIVERSITI MALAYA  
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama : NURHUA CHEDO No. K/P :

No. Pendaftaran/Matrik : JGA050020

Nama Ijazah: SARJANA PENGAJIAN MELAYU

Tajuk Disertasi (Hasil Kerja ini):

**PENGUASAAN KOSA KATA ASAS BAHASA MELAYU DI DALAM KALANGAN MURID TAHUN 1 DI SEKOLAH SIAM BAN KHORLOGAWAY, NARATHIWAT: SATU KAJIAN KES.**

Bidang Penyelidikan : **PENGUASAAN DAN PEMEROLEHAN BAHASA MELAYU**

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa;

1. Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
2. Hasil Kerja ini adalah asli;
3. Apa-apa urusan berkaitan dengan Hasil Kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada mana-mana Hasil Kerja yang mengandungi hak cipta telah dengan sejelasnya dan secukupnya dinyatakan dan satu pengiktirafan tajuk Hasil Kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
4. Saya tidak mempunyai pengetahuan sebenar atau patut semunasabinya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hak cipta Hasil Kerja yang lain;
5. Pemunya hak cipta Hasil Kerja ini adalah Universiti Malaya (“UM”) dan apa-apa pengeluaran semula dalam apa jua bentuk atau dengan apa jua cara mekanikal atau sebaliknya adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
6. Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hak cipta Hasil kerja yang lain, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain yang diputuskan oleh UM.

.....  
.....  
Tandatangan Calon

.....  
.....  
Tarikh

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

.....  
.....  
Tandatangan Saksi

.....  
.....  
Tarikh

Nama : **DR. MUHAMMAD SAIFUL HAQ BIN HUSSIN**  
Jawatan : Pensyarah / Penyelia

## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengkaji penguasaan kosa kata asas bahasa Melayu khususnya asas bacaan dalam kalangan murid Tahun 1 di Sekolah Siam Ban Khorlogaway, daerah Sri Sakorn, wilayah Narathiwat, Selatan Thailand. Antara objektif kajian ialah untuk menganalisis kosa kata asas bahasa Melayu murid Tahun 1, mengetahui level kemahiran membaca murid-murid Tahun 1, memahami apa yang dibaca oleh murid-murid tahun 1 dan mengenalpasti faktor-faktor yang berkaitan dengan masalah penguasaan kosa kata asas murid-murid pada peringkat Tahun 1.

Kajian ini merupakan kajian awal di Sekolah Siam khususnya murid-murid Tahun 1 untuk melihat kebolehan dan tahap penguasaan bacaan asas bahasa Melayu dengan menggunakan *Modul Asas Membaca Tahun 1 (Edisi 1)* sebagai pengukur. Subjek kajian sebanyak 30 orang murid Tahun 1 berumur dalam lingkungan 7 tahun, mereka berketurunan Melayu dan bertutur menggunakan bahasa ibunda mereka iaitu bahasa Melayu dialek Pattani, namun mereka kurang berkomunikasi dalam bahasa Melayu mereka selalu berkomunikasi dalam bahasa Thai dalam kehidupan sehari-hari mereka. Subjek kajian tidak pernah belajar bahasa Melayu sebelum ini yakni mereka tidak ada asas bahasa Melayu langsung. Kajian dijalankan secara berlatih tubi bacaan dengan secara individu, berkumpulan, dan beramai-ramai. Kajian ini diuji sebanyak dua kalai iaitu ujian pra dan ujian pasca. Sebelum diuji untuk kali yang kedua (ujian semula atau ujian pasca selepas proses P&P) subjek kajian diajar sebanyak dua kali bagi setiap kemahiran, barulah subjek kajian diuji.

Penyelidik menggunakan kaedah pemerhatian terkawal, tinjauan, dan kaedah temubual subjek kajian, guru bahasa Melayu dan juga ibu bapa subjek kajian. Data yang diperoleh melalui rekod pencapaian murid dianalisis dan dirumuskan.

Keputusan kajian ke atas subjek kajian menunjukkan bahawa sebahagian besar subjek kajian dapat menguasai kosa kata asas bahasa Melayu dengan amat baik dan memuaskan pada peringkat huruf dengan memuaskan, tetapi apabila sampai ke tahap bahagian suku kata, bahagian kosa kata, bahagian frasa dan seterusnya ayat mudah didapati sebahagian besar subjek kajian yang masih tidak dapat menguasai dengan baik.

Namun demikian kajian ini membuktikan bahawa kajian ini berjaya kerana didapati 3 orang (bersamaan 10 peratus) subjek kajian yang boleh menguasai *Modul Asas Membaca Tahun 1 (Edisi 1)* dengan baik dan memuaskan mereka mendapat markah penuh iaitu 100 peratus pada peringkat ujian selepas proses P&P, yakni mereka dapat membaca dengan lancar dan dapat memahami apa yang dibaca dengan baik.

Faktor-faktor yang menghalang penguasaan subjek kajian antaranya masa yang singkat, tahap persekitaran yang kurang menarik untuk mempelajari bahasa, pengaruh bahasa Thai dan bahasa ibunda, dan sikap motivasi yang rendah terhadap bahasa melayu. Hal ini demikian merupakan masalah yang besar dan masalah ini perlu ditangani oleh semua pihak yang ada kaitan dengan subjek kajian. Diharapkan semua pihak yang terlibat dalam permasalahan ini memainkan peranan bagi menyelesaikan masalah tidak boleh membaca dalam kalangan murid.

## ABSTRACT

This study aimed at studying the acquisition of basic Malay language vocabulary, specifically the basic reading among the students of Year 1 at Siamese School Ban Khorlokaway, in the district of Sri Sakorn, Narathiwat, Southern Thailand. Among the objectives of this study is to analyse the level of ability to acquire the basic vocabulary in the language of students in their Year 1, to establish the reading skill of Year 1 students in comprehending what was being read and to verify the related attributing factors with the problems in their acquisition of basic vocabulary of the students in Year 1.

This is an initial studies done at Siamese School specifically among the Year 1 pupils to establish their competency level of the basic reading skill in Malay language carried out using the Basic Reading Module Year 1 (Edition 1) as scale. The subjects for this study were 30 Year 1 students in the age range of 7 year old, of Malay decent who use their mother tongue, that is, the Malay language in the Pattani dialect, but are not using the Malay language in their daily communication, that is in the Thai language. The subjects of this study never use Malay language before, thus they have no basic knowledge of the Malay language. The study is carried out through drill practices, individually or in batches and groups. The test were carried out twice through pre-reading and post reading activities. Before the tests were carried out during the post reading after process reading (P&P) the subjects were taught twice for all skills followed by test.

The studies was carried out through observation, reviews, and interviews carried out on subjects, the Malay language teachers and parents. Data collected through the pupils ability records were analysed and findings concluded.

The results on the tests carried out on subjects pointed out that half of the subjects studied could acquired very well at the basic Malay language vocabulary at the identification of alphabets, but a big majority of the subject studied satisfactorily acquired the phonic skills, words application, phrases and followed by sentence skills. This group could not acquire these skills satisfactorily.

However, this study proved that 3 pupils (about 10 percent) of the subjects could acquire very well the *Module 1 of Basic Reading Year 1 (Edition 1)* and this pupils achieved full marks of 100 percent at the testing stage after the P&P process, that is, they could read with ease and could comprehend very what they read.

The factors that impede their acquistion among others are short time spent, the leraning enviroment which was not suitable, the influence of the Thai Language and their mother tongue, and the low motivational drive towrds the Malay language. These said factors brought about these difficulties and thus should be overcome by all stake holders assosiated in the study carried out. It is hoped that all stake holders on learning this outcome could play prominent roles in rectifying the difficulties faced among students in their acquired reading skills.

## PENGHARGAAN

*Dengan Nama Allah Yang Amat Pemurah dan Penyayang*

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan keizinan dan limpah kurnia-Nya, dapat saya siapkan disertasi ini. Melalui ruang yang terhad ini, ingin saya rakamkan penghargaan kepada beberapa pihak yang telah memberikan kerjasama dan sumbangan.

Pertama, saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada penyelia saya, Dr. Muhammad Saiful Haq Bin Hussin, Pensyarah Kanan Jabatan Bahasa Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, diucapkan setinggi-tinggi terima kasih atas daya bimbingan dan nasihat beliau dalam menghasilkan disertasi ini.

Ribuan terima kasih diucapkan kepada Prof. Madya Dr. Ab. Razak Ab. Karim, Ketua Jabatan Bahasa Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, yang memberi dorongan dan galakan kepada saya untuk menyiapkan disertasi ini.

Begitu juga kepada para pensyarah di Akademi Pengajian Melayu, khususnya Prof. Dr. Wan Abdul Kadir Wan Yusoff, Prof. Dato' Dr. Abu Hassan Sham, Prof. Dr. Hashim Hj. Musa, Prof. Madya Dr. Ab. Razak Ab. Karim, Prof. Madya Nuwairi Hj. Kazaai, Prof. Madya Dr. Sanat Md.Nasir, Prof. Madya Dr. Hashim Ismail, Prof. Madya Dr. Nor Hisham Osman, Puan Dr. Puteri Roslina Abd.Wahid, yang telah memberikan tunjuk ajar dan nasihat sebelum penyelidikan ini dijalankan.

Kepada pensyarah Jurusan Bahasa Melayu dan Pengajian Melayu, Fakulti Kemanusiaan dan Sains Sosial, Universiti SongklaNakhon Kampus Pattani, Prof. Madya Dr. Worawit Baru (*sekarang senator wilayah Pattani*), Prof. Madya Dr. Ruslan U-Thai, Acan Wae Maji Paramal, Acan Syed Abdullah Al-Jufri, Acan Abdul Razak Panaemalae, Acan Nik Abdul Rakib bin Haji Nik Hassan, Acan Radzuan bin Abdul Kadir, Acan Ismail Saleh, Acan Nawawi Mohamad dan guru-guru bahasa atas ilmu pengetahuan tentang bahasa Melayu dan semangat besar untuk menyambungkan sarjana di sini.

Kepada teman-teman saya di Singapura, Malaysia, dan Thailand terutamanya Encik Yazid Bin Hussein, Encik Abdullah Kreedaoh, Puan Marina Ishakwan, Encik Chaiwat Meesanthan, Puan Zuzitar Abdul Samad, Cik Nik Charidja Niwae, dan Nik Tasneem Nije berbanyak-banyak terima kasih atas bantuan mereka dari langkah yang pertama saya sampai Kuala Lumpur hingga sekarang.

Kepada Cik Fathonah, Puan Radiah Abu Nor, Puan Wani, dan semua kakitangan am di Akademi Pengajian Melayu, saya ucapkan terima kasih di atas budi baik dan pertolongan yang telah dihulurkan.

Rakaman terima kasih juga diucapkan kepada ibu bapa saya yang tercinta, Hajjah Jamilah bin Hussein @ Chedo dan Haji Harun bin Wangah @ Chedo, datuk dan nenek saya yang tersayang, suamiku Ahmad Fakhruddeen bin Haji Abd. Latif @ Sa'dama', anakku yang dikasihi Muhammad Nahdee bin Ahmad Fakhruddeen @

Sa'dama' yang sentiasa sabar dan tenang, dan kerana galakan, kesanggupan, ketabahan hati dan pengorbanan mereka yang merangsangkan saya untuk berusaha hingga disertasi ini dapat saya siapkan.

Akhir sekali, ingin saya catatkan ucapan penghargaan kepada semua pihak yang telah membantu saya, baik secara langsung maupun tidak langsung dalam menghasilkan disertasi ini. Semoga kajian ini bermanfaat kepada semua pihak, khususnya cikgu bahasa Melayu, penutur dan pendukung bahasa Melayu di negara Thai dan pencinta bahasa Melayu amnya. Tidak dilupa kepada rakan-rakan yang sama-sama berusaha membentukkan suasana pendidikan. Dorongan dan sumbangan mereka dapat mempercepatkan lagi proses penyiapan disertasi ini.

Sekian, Wassalam

Nurhuda Chedo @ Sa'dama' @ Haji Harun

huda\_v@yahoo.com

127/5 M.1 Sri Sakorn,  
Daerah Sri Sakorn,  
Wilayah Narathiwat,  
96210 Thailand.

## KANDUNGAN

	Muka Surat
<b>PERKARA</b>	
PERAKUAN	
DEDIKASI	i
ABSTRAK	ii
PENGHARGAAN	iv
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv
SENARAI ISTILAH	xv
 <b>BAB I PENDAHULUAN</b>	 1
1.0 Pengenalan	1
1.1 Latar Belakang Kajian	6
1.1.1 Sejarah Selatan Thailand	6
1.1.2 Wilayah Narathiwat	9
1.1.3 Daerah/ Amphor Sri Sakorn	16
1.1.4 Latar Belakang Sekolah Siam Ban khorlogaway	18
1.1.4.1 Latar Belakang Murid Tahun 1	21
1.1.4.2 Latar Belakang Guru Bahasa Melayu	22
1.2 Sistem Pendidikan di Thailand	23
1.3 Bahasa Kebangsaan dan Bahasa Rasmi	30
1.4 Bahasa Melayu di Pattani	32
1.5 Bahasa Melayu di Sekolah dan di Universiti	34
1.6 Pernyataan Masalah	35
1.7 Objektif Kajian	37

1.8	Kepentingan Kajian	38
1.9	Bidang Kajian	41
1.10	Batasan Kajian	41
1.11	Definisi Operasional	43
1.11.1	Penguasaan	43
1.11.2	Bahan Bacaan Asas	44
1.11.3	Bahasa Melayu	44
1.11.4	Murid Tahun 1	45
1.11.5	Sekolah Siam	45
1.11.6	Selatan Thailand	46
1.12	Kajian Literatur	47
1.12.1	Kajian dalam bidang bacaan di Negara Barat	51
1.12.1.1	Kajian tentang pemerolehan dan penguasaan Bahasa kanak-kanak	54
1.12.2	Kajian dalam bidang bacaan asas di Negara Malaysia	55
1.13	Kesimpulan	69
<b>BAB II KERANGKA TEORI DAN METODOLOGI KAJIAN</b>		71
2.0	Pendahuluan	71
2.1	Reka Bentuk Kajian	71
2.2	Kerangka Teori	72
2.2.1	Kajian tentang teori Behaviourisme	72
2.2.2	Kajian tentang teori Mentalisme	76
2.3	Kerangka Konsep	87
2.4	Lokasi / Tempat Kajian	90
2.5	Populasi dan Sampel Kajian	93
2.6	Subjek Kajian	94

2.7	Kaedah Kajian	95
2.7.1	Kaedah Kepustakaan	95
2.7.2	Kaedah Pemerhatian	97
2.7.3	Kaedah Temu bual	102
2.7.4	Tinjauan	103
2.7.5	Rekod Pencapaian Murid	103
2.8	Pendekatan Kajian	104
2.8.1	Alat Kajian	104
2.8.2	Pemaklum	106
2.8.3	Ujian diagnostik	106
2.9	Tatacara Kajian	109
2.9.1	Kajian Rintis	109
2.10	Prosedur Kajian	113
2.11	Kajian Sebenar	115
2.12	Kesimpulan	116

### **BAB III KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN PENGUSAAN**

#### **KOSA KATA ASAS PERINGKAT PRA BACAAN**

3.0	Pendahuluan	117
3.1	Persembahan Dapatan (Peringkat Prabacaan)	117
3.2	Ujian Pertama	118
3.2.1	Peringkat Prabacaan (A1-A9)	120
3.3	Ujian Kedua	124
3.3.1	Peringkat Prabacaan (A1-A9)	125
3.4	Perbandingan Pencapaian Murid Ujian Pra dan Ujian Pasca	131
3.5	Kesimpulan	134

<b>BAB IV KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN PENGUASAAN KOSA KATA ASAS PERINGKAT PRA BACAAN, PERKATAAN, DAN AYAT MUDAH</b>	136
4.0 Pendahuluan	136
4.1 Persembahan Dapatan (Peringkat Prabacaan, Perkataan, dan Ayat Mudah)	138
4.2 Ujian Pertama	139
4.2.1 Peringkat Peringkat Prabacaan, Perkataan, dan Ayat Mudah Pelajaran 1 hingga pelajaran 10	140
4.3 Ujian Kedua	141
4.3.1 Peringkat Peringkat Prabacaan, Perkataan, dan Ayat Mudah Pelajaran 1 hingga pelajaran 10	142
4.4 Perbandingan Pencapaian Murid Ujian Pra dan Ujian Pasca	151
4.5 Kesimpulan	153
<b>BAB V KESIMPULAN DAN CADANGAN</b>	155
5.0 Pendahuluan	155
5.1 Ringkasan Kajian	155
5.2 Dapatan Kajian	158
5.2.1 Penguasaan dan Kefahaman Kosa Kata Asas Bahasa Melayu Pada Peringkat Prabacaan	158
5.2.2 Penguasaan Kosa Kata Asas Bahasa Melayu Pada Peringkat Perkataan dan Ayat Mudah	161
5.2.3 Implikasi Dapatan Penyelidikan	165

5.2.4 Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Penguasaan Kosa Kata Asas Bahasa Melayu Pada Peringkat Tahun 1	168
5.3 Cadangan dan Saranan Kepada Pihak-pihak Tertentu	172
5.3.1 Kementerian Pelajaran Thailand	172
5.3.2 Jabatan Pendidikan Asas	174
5.3.3 Sekolah	175
5.3.4 Guru	176
5.3.5 Ibu bapa	177
5.3.6 Murid-murid	178
5.4 Saranan Kajian Lanjut	180
5.5 Kesimpulan	180
<b>BIBLIOGRAFI</b>	184
<b>LAMPIRAN</b>	190

## SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 1.1: Bilangan Murid di Sekolah Ban Khorlogaway pada tahun 2009	21
Jadual 1.2: Bilangan Murid Prasekolah 1 Hingga Menengah Tahun 3 (2009)	21
Jadual 1.3: Pengalaman Mengajar Guru-Guru Bahasa Melayu Tahun 1	22
Jadual 2.1: Proses Penerbitan Ayat	80
Jadual 2.2: Bilangan Murid di Sekolah Ban Khorlogaway pada tahun 2009	91
Jadual 2.3: Bilangan Murid Tahun 1 Hingga Tahun 6 (2009)	91
Jadual 2.4: Keputusan Peperiksaan Akhir Tahun 2009 bagi mata pelajaran bahasa Melayu di Sekolah Siam Ban Khorlogaway	100
Jadual 3.1: Jumlah dan peratusan pencapaian penguasaan kosa kata asas (peringkat prabacaan) ujian pra	121
Jadual 3.2: jumlah dan peratusan pencapaian penguasaan kosa kata asas (peringkat prabacaan) ujian pasca	125
Jadual 3.3: Perbandingan pencapaian murid ujian pra dan ujian pasca	131
Jadual 4.1: Jumlah dan peratusan pencapaian penguasaan kosa kata asas (peringkat prabacaan, perkataan, dan ayat mudah) ujian pra	140
Jadual 4.2: Jumlah dan peratusan pencapaian penguasaan kosa kata asas (peringkat prabacaan, perkataan, dan ayat mudah) ujian pasca	142
Jadual 4.3: Perbandingan pencapaian murid dalam ujian pra dan ujian pasca	151
Jadual 5.1: Perbandingan pencapaian murid dalam ujian pra dan ujian pasca (peringkat prabacaan)	160
Jadual 5.2: Perbandingan pencapaian murid dalam ujian pra dan ujian pasca (pada peringkat perkataan dan ayat mudah)	162

<b>Carta</b>	<b>Halaman</b>
Carta 1.1 : Pembahagian penduduk di wilayah Narathiwat mengikut agama	14
Carta 3.1 : Peratus pencapaian murid ujian pra dan ujian pasca	133
Carta 4.1 : Peratus pencapaian murid ujian pra dan ujian pasca	152

**SENARAI RAJAH**

	Halaman
Rajah 1.1 Peta Selatan Thailand	7
Rajah 1.2 Peta Wilayah Narathiwat	15
Rajah 1.3 Peta Daerah Sri Sakorn	17
Rajah 1.4 Peringkat Persekolahan Harus Memberikan Masukan Kepada Peringkat Lain	63
Rajah 2.1 Cara Filter Afektif Beroperasi	84
Rajah 2.2 Kerangka Konsep	88
Rajah 2.3 Hipotesis Perolehan dan Pembelajaran Bahasa	88
Rajah 2.4 Langkah-langkah pengajaran	113

**SENARAI SINGKATAN**

TADIKA	Taman Didikan Kanak-Kanak
B1	Bahasa Pertama
B2	Bahasa Kedua
BMP	Bahasa Melayu Dialek Pattani
BT	Bahasa Thai
LAD	Alat Perolehan Bahasa (Language Aquisition Device)
KV	Gabungan huruf konsonan dan vokal
P&P	Pengajaran dan Pembelajaran
I-NET	Peperiksaan Pendidikan Islam Nasional Thailand
O-NET	Peperiksaan Pendidikan Asas Nasional Thailand
A-NET	Peperiksaan Pendidikan Tinggi Nasional Thailand

**SENARAI ISTILAH**

Anuban	Tadika
Prathom	Sekolah Rendah
Matthayom	Sekolah Menengah
Sekolah Siam	Sekolah Bantuan Kerajaan
Setun	Wilayah Satun tetapi orang Melayu disebut sebagai Setun
Amphor	Daerah

## BAB I

### PENDAHULUAN

#### 1.0 Pengenalan

Bab ini, adalah perbincangan mengenai latar belakang kajian iaitu pengkaji akan membincangkan secara ringkas Sejarah Selatan Thailand, wilayah Narathiwat, dan juga lokasi kajian iaitu daerah Sri Sakorn yang merupakan salah sebuah daerah di dalam wilayah Narathiwat. Seterusnya pengkaji akan membincangkan serba sedikit tentang sejarah penubuhan sekolah Siam Ban Khorlogaway iaitu sekolah Siäm yang dipilih dalam kajian ini. Sistem pendidikan di Thailand, bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi, bahasa Melayu di Narathiwat, bahasa yang diajarkan di sekolah dan di universiti juga akan turut dibincangkan. Dalam bab ini juga pengkaji akan membincangkan pernyataan masalah kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, bidang kajian, batasan kajian, definisi operasional, dan kajian literatur yang berkaitan dengan bacaan asas dan perolehan dan penguasaan bahasa kanak-kanak.

Bahasa ialah kebolehan semula jadi manusia yang berupa satu sistem simbol bunyi suara yang arbitari, yang dipersetujui dan digunakan oleh sekelompok manusia untuk berkomunikasi (Nik Hassan Basri bin Nik Ab. Kadir, 2003 :1).

Bahasa ialah pengucapan yang berkepentingan untuk komunikasi. Barber (1965 : 9) pula, mengatakan bahawa bahasa merupakan alat yang paling penting bagi mewujudkan kebudayaan manusia. Bagi Sapir (1949 : 11), bahasa merupakan lambang pengalaman yang sempurna, dan dalam konteks kelakuan yang sebenar,

tidak dapat dipisahkan daripada gerak laku. Bahasa juga merupakan saluran mesej yang halus.

Mangantar Simanjuntak (1982: 5), mendefinisikan ‘bahasa’ ialah satu sistem kognitif manusia yang unik yang dapat dimanipulasi oleh manusia untuk menghasilkan (menerbitkan) sejumlah ayat yang tidak terbatas berdasarkan unsur-unsur yang terbatas untuk dipakai oleh manusia, iaitu sebagai alat komunikasi dan mengkumulasi ilmu pengetahuan.

Bahasa Melayu merupakan bahasa yang amat luas kawasan penyebarannya. Bahasa ini tersebar luas dalam lingkungan negara-negara yang menjadi kawasan induk dunia Melayu, iaitu Malaysia, Singapura, Brunei Darussalam dan Republik Indonesia (Asmah Haji Omar, 2005: 2). Di Singapura, bahasa Melayu digunakan sebagai salah satu daripada empat bahasa rasmi utama selain bahasa Inggeris, bahasa Mandarin dan bahasa Tamil. Di Malaysia, Indonesia dan Brunei pula, walaupun bahasa Inggeris digunakan sebagai salah satu daripada bahasa pengantar di sekolah, namun bahasa Melayu tetap memainkan peranan sebagai bahasa rasmi (Asmah Haji Omar, 2005: 2). Bukti perakuan bahasa Melayu di Malaysia ternyata dengan termaktubnya artikel dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu, yang menyebutkan bahawa “*Bahasa Kebangsaan negara ini adalah Bahasa Melayu*” (Nik Safiah Abd. Karim, 1995: 19).

Selain menjadi bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi di keempat-empat negara tersebut, terdapat sejumlah besar penutur bahasa Melayu di luar lingkungan induk

dunia Melayu seperti di Kepulauan Sulu dan Pulau Mindanao di Filipina, daerah Champa di Vietnam Selatan serta di wilayah sempadan selatan negara Thai dan lain-lain lagi (Amat Johari, 1992: 156). Dengan kata lain, bahasa Melayu meliputi seluruh kawasan Nusantara dan layak dipanggil sebagai salah satu daripada bahasa antarabangsa seperti yang dinyatakan oleh James T. Collins (1995: 102), “Bahasa Melayu milik dunia, khazanah internasional”. Seterusnya terdapat juga catatan sejarah yang dihasilkan oleh bangsa Eropah yang membuktikan penyebaran bahasa Melayu. Misalnya Ds Francois Valentijn (dipetik dari Ismail Hussein, 1984: 44) telah menyatakan seperti berikut:

“Bahasa mereka, bahasa Melayu, bukan sahaja dituturkan di daerah pinggir laut, tetapi juga digunakan di seluruh Kepulauan Melayu dan di negeri-negeri sebelah Timur, sebagai suatu bahasa yang difahami di mana sahaja oleh setiap orang, tidak ubah seperti bahasa Perancis atau Latin di Eropah, atau sebagai bahasa Lingua Franca di Itali dan di Levant. Sungguh luas tersebarnya BM itu sehingga kalau kita memahaminya tidaklah mungkin kita kehilangan jejak, kerana bahasa itu bukan sahaja mengerti di Parsi, bahkan lebih jauh daripada negeri itu dan di sebelah timurnya sehingga Kepulauan Filipina.”

Bahasa Melayu merupakan bahasa antarabangsa yang ditutur oleh ratusan juta orang penghuni seluruh pelusuk Nusantara. Dapatan kajian menunjukkan bahawa bahasa Melayu merupakan asas dan sumber kepada bahasa masyarakat Nusantara yang telah berjaya mencipta satu budaya dan tamadun ilmu di rantau ini (Abdul Hamid Mahmood, 1991 : 5).

Bahasa Melayu juga menjadi bahasa pentadbiran dan pendidikan, bahasa komunikasi dan bahasa keilmuan. Dari segi status pula, bahasa Melayu adalah bahasa yang kelima terpenting di dunia kerana mempunyai penutur seramai kira-kira 250 juta orang (Shaharir Mohammad Zain, 2002 : 7 dan Abd. Aziz Abd. Talib, 2000 : iii).

Bahasa ialah identiti sesebuah negara atau sesuatu kaum. Bahasa sebagai unsur penyedar asal keturunan dan semangat kebangsaan. Bagi orang-orang Melayu di Thailand, bahasa Melayu dianggap sebagai bahasa ibunda dan bahasa Thai pula dianggap sebagai bahasa kedua (bukan bahasa asing) sedangkan orang-orang Thai asli beranggapan bahawa bahasa Thai adalah bahasa ibunda manakala bahasa Melayu dianggap sebagai bahasa asing bagi mereka. Hal ini terjadi kerana kebanyakan warga Melayu di Thailand adalah penutur dwibahasa (Bahasa Melayu dan Bahasa Thai) sedangkan penutur Thai adalah penutur ekabahasa iaitu bertutur dalam bahasa Thai (Paitoon M. Chaiyanara, 2003 : 139).

Bahasa Melayu di negara Thailand telah lama bertapak sejak zaman Kerajaan Langkasuka lagi. Namun begitu, penggunaan bahasa Melayu hanya terhad penggunaannya kepada lima Wilayah Sempadan Selatan Thailand sahaja, iaitu wilayah Pattani, Yala, Narathiwat, sebahagian Songkhla, dan sebahagian Satun. Majoriti penduduk lima Wilayah Sempadan Selatan Thailand beragama Islam, menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa ibunda (bahasa pertama), di samping mengamalkan adat dan kebudayaan Melayu walaupun bahasa kebangsaannya adalah bahasa Thai. Sejarah perkembangan bahasa Melayu di negara Thailand bertitik tolak dari sistem pendidikan yang bersifat tidak formal iaitu sistem pendidikan pondok. Melalui sistem pendidikan pondok ini bahasa Melayu digunakan untuk mengajar masyarakat Melayu di negara Thailand untuk mendalami ilmu agama dengan menggunakan sistem tulisan Jawi.

Pada zaman bahasa Melayu hanya diajarkan dalam sistem pendidikan pondok sahaja (sekolah tidak formal). Sebaliknya sistem pendidikan sekolah Siam (sekolah

kebangsaan Thai atau sekolah formal) tidak dibenarkan mengajar mata pelajaran bahasa Melayu. Kerajaan Thailand menggalakkan penggunaan bahasa Thai sebagai bahasa pengantar yang digunakan bagi mengajarkan setiap mata pelajaran di sekolah, dan bahasa yang dituturkan di sekolah ialah bahasa Thai. Bahasa asing yang diajarkan dalam sistem pendidikan sekolah Siam ialah bahasa Inggeris sebagai mata pelajaran asing yang wajib kerana bahasa Inggeris adalah bahasa komunikasi dan merupakan bahasa terpenting di dunia.

Kini, kerajaan Thailanad telah mengizinkan kurikulum pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan murid-murid yang berketurunan Melayu, kerana bahasa Melayu ialah bahasa ibunda mereka dan bahasa Melayu juga merupakan jati diri mereka. Hal ini adalah sangat baik kepada murid-murid berketurunan Melayu untuk mempelajari bahasa Melayu demi meningkatkan bahasa Melayu mereka dengan baik dan berkesan. Bahasa Melayu yang dilaksanakan ialah bahasa Melayu Standard (bahasa Malaysia). Dengan pendekatan ini juga di harapkan jati diri Melayu dan kehebatan bahasa Melayu tidak akan luntur dan melestarikan ketamadunan bangsa Melayu di Thailand (Jabatan Pendidikan Asas, Kementerian Pendidikan Thailand, 2009).

Oleh hal yang demikian, masalah ini menarik minat pengkaji untuk menyelidiki tentang penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan murid-murid di sekolah Siam berbanding kajian di sekolah agama Islam swasta. Lebih-lebih lagi kajian sedemikian belum lagi meluas di Thailand. Sehubungan itu, kajian terhadap konteks penguasaan bahasa Melayu adalah satu usaha yang penting bagi menilai

tahap penguasaan dalam pengajaran dan pembelajaran (P&P) dalam kalangan murid-murid.

## **1.1 Latar Belakang Kajian**

Pengkaji telah membahagikan latar belakang kajian ini kepada empat bahagian, iaitu Sejarah Selatan Thailand, Latar belakang wilayah Narathiwat, Latar belakang daerah Sri Sakorn, Latar belakang Sekolah Siam Ban Khorlogaway. Dalam latar belakang sekolah Siam pengkaji telah membincangkan latar belakang murid-murid Tahun 1 dan juga latar belakang guru bahasa Melayu di sekolah Siam Ban khorlogaway, daerah Sri sakorn, wilayah Narathiwat, selatan Thailand.

### **1.1.1 Sejarah Selatan Thailand**

Selatan Thailand pada hari ini terletak di Semenanjung Tanah Melayu, yang pada satu ketika dahulu dikenali dalam sejarah sebagai Semenanjung Emas. Kawasan Selatan yang berbentuk Semenanjung itu terletak di antara garisan lintang 11°42'-5°37' dan garisan bujur 98-102. Bentuk bumi adalah bujur memanjang yang panjangan dari Utara ke Selatan kira-kira 600 kilometer. Lebarnya pula, kawasan ini merupakan kawasan yang paling luas iaitu 250 kilometer dan paling sempit 64 kilometer iaitu di Segenting Kra ([www.Wikipedia.com](http://www.Wikipedia.com) diperolehi 20 Mei, 2009).



Rajah 1.1 : Peta Selatan Thailand.

Keluasan muka bumi di Selatan ialah 70,715.15 kilometer persegi iaitu 13.78 peratus dari keseluruhan bumi di Thailand. Dari segi kedudukan geografi politik pula, Selatan Thailand adalah bumi yang bersempadan dengan dua negara; di bahagian barat bersempadan dengan negara Myanmar (Burma), manakala di bahagian Selatan bersempadan dengan negara Malaysia, yakni muka buminya bersambungan sejauh 500 kilometer dan dipagari dengan pergunungan “Sankala Kiri”. Kawasan ini merangkumi wilayah-wilayah Satun, Songkhla, Yala, Pattani, dan Narathiwat. Wilayah Selatan sekarang mengandungi 14 wilayah. Ia boleh dibahagikan kepada dua kawasan penting iaitu kawasan Pantai Timur dan kawasan Pantai Barat. Kawasan

Pantai Timur yang bersempadan dengan Teluk Siam (*Ao-Thai*) dan Laut Cina Selatan terdiri daripada Wilayah Chumphon, Surat Thani, Nakorn Sri Thammarat, Pathalung, Songkhla, Pattani, dan Narathiwat. Kawasan Pantai Barat yang bersempadan dengan Laut Andaman terdiri daripada wilayah Ranong, Phuket, Kra'bi, Trang, dan Satun. Kedua-dua kawasan pantai ini pada umumnya mempunyai kelainan dan perbezaan dari segi kedudukan muka bumiannya.

Di Pantai Timur terdapat kawasan pantai yang luas dan jangkaannya antara 5-35 kilometer. Selain itu, terdapat juga dataran lembah yang luas serta beberapa kuala penting, seperti Kuala Swee di Chumphon, Kuala Ban Don di Suratthani, Kuala Pak Phanang di Nakorn Sri Thammarat dan Kuala Patani. Di pantai timur juga terdapat Lautan Teduh iaitu di Songkhla. Di Pantai Barat pula, kedudukan pantainya tidak teratur, terdapat banyak batu dan hutan di pinggir pantai. Permukaan pantai sempit dan airnya dalam.

Dalam sejarah terdapat beberapa buah kerajaan Purba di Selatan Thailand. Antaranya Kerajaan Tambralinga dan Kerajaan Langkasuka. Kerajaan Tambralinga berkuasa di Selatan Bahagian Atas, manakala kerajaan Langkasuka berkuasa di Selatan Bahagian Bawah.

Kerajaan Melayu Patani sudah wujud semenjak abad ke-2 Masihi. Pada waktu itu negeri Patani terkenal dengan nama Lang Yusi atau Langkasuka (Nik Anuar Nik Mahmud, 2000: 15). Berpandukan kepada catatan ahli sejarah Eropah bahawa negeri Langkasuka yang dipercayai bahawa ibu negeri pada masa itu terletak di sekitar daerah Yakrang (sebuah daerah di dalam wilayah Pattani sekarang). Patani yang

merupakan sebuah negeri yang berdaulat dan terus berkembang hingga pertengahan abad ke-14 Masihi, pada masa dahulu negeri Pattani dikenali dengan nama Langkasuka. Apabila kerajaan Sriwijaya mengembangkan kuasanya ia menakluki kawasan-kawasan di Selatan Thailand (Sawvanee Jitmoud, 1988: 65 dan Nik Anuar Nik Mahmud, 2000: 16).

Sebaik sahaja kerajaan Sriwijaya mengalami kejatuhan, kerajaan Melayu Patani muncul di Semenanjung Tanah Melayu pada abad ke-13 Masihi sampai kerajaan Majapahit di Jawa (Ismail Hamid, 1988: 13). Sejarah Melayu ada mencatatkan bahawa Patani pernah menjadi negeri lindungan Melaka pada pertengahan kurun ke-15 juga telah menerima Islam secara besar-besaran. Raja yang pertama memeluk agama Islam bernama Sultan Ismail Syah, (1500-2530). Bagindalah pengasas kerajaan Islam Patani (Mohd. Samberi A.Malek, 1994 : 1 dan Nik Anuar Nik Mahmud, 2000 : 18). Bersama-sama dengan kekuatan ekonomi negeri Patani, maka dijadikan Patani sebagai sebuah negeri yang kuat dan dihormati oleh negeri-negeri jiran pada masa itu (Nik Anuar Nik Mahmud, ibid : 19).

### 1.1.2 Wilayah Narathiwat

Narathiwat merupakan salah satu daripada wilayah-wilayah (*changwat*) di selatan Thailand yang terletak di pantai Teluk Thailand di Semenanjung Malaysia. Wilayah-wilayah yang berdekatan (dari hala barat ikut jam) adalah Yala dan Pattani. Nama Narathiwat bermakna "*Kediaman orang-orang budiman*".

Narathiwat adalah salah satu wilayah yang tergolong dalam Lima Wilayah Sempadan Selatan (*Ha Changwat Chaidaen Phak Tai*). Wilayah Narathiwat adalah wilayah yang bersempadan dengan Malaysia di bahagian selatan seperti wilayah Yala, Satun dan Songkhla, wilayah Narathiwat juga dianggap sebagai Wilayah Sempadan Selatan (*Changwat Chaidaen Phak Tai*) kerana dikelilingi oleh wilayah-wilayah sempadan yang mempunyai keserupaan dari segi agama, bahasa dan budaya.

Kawasan Narathiwat sekarang berasal dari 4 bahagian negeri-negeri pada zaman dahulu. Negeri-negeri tersebut ialah:

1. Negeri Legeh (kini dikenali sebagai wilayah Nakorn Si Tammarat), sebahagian besar dari Wilayah Narathiwat adalah berasal dari kawasan negeri Legeh. Sekarang Legeh atau sebutan bahasa Thai dengan *Rangae* adalah salah satu daerah dalam Wilayah Narathiwat. Kawasan negeri Legeh dahulu yang termuat dalam Wilayah Narathiwat adalah daerah Rangae, Chanaek, Chok-Airong, Ruso (*Jabat*), Sri Sakorn, Waeng, Sukhirin, Sungai Padi.
2. Negeri Reman (kini dikenali sebagai daerah Raman dalam wilayah Yala), ada sebahagian kawasan dalam daerah Rueso (*Jabat*) yang berasal dari tanah negeri Reman, kawasan itu ialah Temangan .
3. Negeri Sai (kini dikenali sebagai daerah Saiburi dalam wilayah Pattani), kawasan yang menjadi bekas negeri Sai atau Saiburi ialah daerah Bachok, Jeringa dan daerah Muang atau Pusat Bandar Narathiwat sekarang.
4. Negeri Kelantan, dalam sejarah Narathiwat diketepikan berkenaan dengan sebahagian kawasan dari negeri Kelantan yang telah diserapkan ke dalam Wilayah Narathiwat. Peristiwa penyerahan tanah negeri Kelantan disebut dalam sejarah Kelantan dengan berbunyi :

"Sir John Anderson, Governor of the Straits Settlements and High Commissioner for the Federated Malay States, objected to the proposed Kelantan - Legeh boundary .As a result fresh arrangement were made with the Siamese Government for the cession of the Lower part of Legeh including the headwaters of the Pergau River. In return, a small corner in the northeast of Kelantan was to be given to Siam. Eventually, on 10 March 1909, the final version of the treaty was formally signed in Bangkok by Paget and by Prince Devawongse Varoprakar, The Siamese Foreign Minister. It was duly ratified by both governments on 9 July the same year"(dipetik dalam Nik Abdul Rakib bin Nik Hassan, 2003 : 59).

Yang disebutkan "*a small corner in the northeast of Kelanta*" ialah kawasan yang sekarang termasuk Kampung Tanjong (Selatan Narathiwat), Kampung Che' Hel, Kampung Belawan (Ban Phraiwan), Kampung Tabal (Ban Tak Bai) dan Kampung Sungai Kolok, serta kawasan yang dilalui Sungai Golok, Sungai Menara, Sungai Layar, Sungai Kayu Kelat, Sungai Padi dan Sungai Elong. Tanah negeri Kelantan yang diserapkan ke dalam wilayah Narathiwat terdiri dari Daerah Tak Bai, Daerah Sungai Kolok, Sebahagian dari Daerah Sungai Padi dan sebahagian dari Daerah Waeng.

Wilayah Narathiwat mempunyai keluasan 4,475 kilometer persegi. Di sebelah timur wilayah Narathiwat bersempadan dengan Teluk Siam dan negara Malaysia, sebelah selatan pula, bersempadan dengan negeri Kelantan, negara Malaysia, di sebelah utara bersempadan dengan daerah Saiburi, daerah Mai-Kean, wilayah Pattani dan Teluk Siam, dan bersempadan dengan daerah Bannang Setar wilayah Yala di sebelah barat.

Pentadbiran Narathiwat terbahagi kepada 13 buah kawasan pentadbiran iaitu daerah (*Amphoe*), 77 mukim, 581 kampung, 14 *Thesabarn* (*Thesabarn* ialah Organisasi kerajaan yang bertadbir dan berkhidmat menyediakan kemudahan asas kepada penduduk bandar),, 1 *O.Bo.Cho.* (*O.Bo.Cho.* ialah Organisasi Pentadbiran

Peringkat Wilayah) dan 75 O.Bo.To. (O.Bo.To. ialah Organisasi Pentadbiran Peringkat Mukim). Daerah-daerah di Narathiwat ialah daerah Muang Narathiwat, Tak Bai, Bacho, Yi-ngo, Ra-ngae, Rueso, Sri Sakhon, Waeng, Sukirin, Suangi Kolok, Suangai Padi, Chanae, dan Cho-airong (Narathiwat Provincial Education Office, 2009).

Keseluruhan wilayah Narathiwat ialah kawasan bukit dan hutan dalam dua pertiga berbanding dengan kawasan keseluruhan, sesuai untuk pertanian. Kawasan pantai dan kawasan cekungan rendah merupakan kawasan yang terluas di negara Thailand yang mempunyai keluasan 283,000 hektar. Wilayah Narathiwat terdapat lima sungai utama ialah Sungai Saiburi, Sungai Bang Nara, Sungai Sungai Kolok, Sungai Tak Bai dan Sungai Tanyong Mas.

Keadaan cuaca di wilayah Narathiwat ini panas sepanjang tahun. Purata cuaca 27 Celsius. Ada 2 musim di Narathiwat iaitu musim panas pada bulan Februari hingga Julai dan musim hujan pada bulan Disember hingga bulan Januari (Tourist Information Online Co., Ltd 2009).

Majoriti penduduk di Narathiwat bekerja di sektor pertanian, iaitu petani, nelayan dan penternak. Dalam bidang pertanian kebanyakannya penduduk mengusahakan ladang getah, sawah padi, kelapa dan buah-buahan. Sektor perindustrian pula, wilayah Narathiwat mempunyai kawasan perindustrian yang terletak di daerah Muang, Rangae, Sungai Padi, Sungai Kolok, Rueso, dan Tanyong Mas. Kebanyakannya kilang di kawasan ini ialah perusahaan makanan laut, kayu getah, kain batik, dan kain tudung bawal (Narathiwat Provincial Education Office, 2009).


Majoriti penduduk Melayu di Narathiwat bertutur dalam dialek Melayu Pattani dan patuh dengan adat resam Melayu Pattani seperti penduduk di utara Malaysia. Dialek Melayu Pattani merupakan bahasa perhubungan antara individu dalam pergaulan masyarakat sehari-hari di wilayah tersebut. Di samping itu, mereka juga menggunakan bahasa Thai sebagai *lingua franca* di antara penduduk berbangsa lain (Paitoon M. Chaiyanara, 2005: 53).

Lambang wilayah Narathiwat menunjukkan sebuah kapal yang memiliki layar yang bergambarkan seekor gajah putih. Gajah putih merupakan simbol diraja Thailand dan dipaparkan di sini bagi memperingati peristiwa gajah *Phra Sri Nararat Rajakarini* yang ditangkap di wilayah ini dan diberikan kepada raja Thai sebagai hadiah.


Simbol-simbol wilayah yang lain termasuk buah dokong (*Lansium domesticum*), pokok chengal (*Neobalanocarpus heimii*) dan bunga *Odontadenia macrantha*.

Jumlah penduduk pada tahun 2009 ialah 719,930 orang, penduduk lelaki 356,481 orang dan penduduk perempuan 363,449 orang. Majoriti penduduk wilayah Narathiwat beragama Islam. Penduduk beragama Islam 82 peratus, Buddha 17 peratus dan selain itu 1 peratus beragama Kristian, Hindu, Sikh dan lain-lain. Wilayah Narathiwat mempunyai 568 buah masjid, 66 buah kuil Buddha dan 4 buah gereja Kristian (Narathiwat Provincial Education Office, 2009).

Carta 1.1 : Pembahagian Penduduk di Wilayah Narathiwat Mengikut Agama



Sumber : *Narathiwat Provincial Education Office, 2009.*



Rajah 1.2 : Peta wilayah Narathiwat

Sumber : *Narathiwat Provincial Education Office, 2009.*

### 1.1.3 Daerah / Amphoe Sri Sakorn

Daerah Sri Sakorn berasal daripada perkataan “*Sakor*” dalam bahasa Melayu dialek Pattani iaitu “*Sagor*” yang merupakan nama pokok yang batangnya keras dan bunganya berwarna merah. Pada zaman tersebut pokok sagor banyak tumbuh di kawasan ini namun sekarang pokok sagor sudah pupus.

Kampung Kholorgaway atau dalam bahasa Melayu ialah Kuala Kawil adalah kampung yang berhampir dengan kampung Siam yang berdekatan dengan daerah Rueso. Penduduk di kawasan ini adalah berbilang kaum seperti kaum Melayu, Cina, dan Siam.

Daerah Sri Sakorn mempunyai kawasan keluasan 500.287 kilometer persegi. Daerah Sri Sakorn adalah salah sebuah daerah di dalam wilayah Narathiwat. Daerah ini terletak di sebelah barat dari wilayah Narathiwat, di sebelah timur bersempadan dengan daerah Rangae dan Chanae wilayah Narathiwat, di sebelah utara bersempadan dengan daerah Rueso, di sebelah selatan bersempadan dengan daerah Chanae wilayah Narathiwat dan daerah Thanto wilayah Yala, manakala di sebelah barat bersempadan dengan daerah Than-to dan daerah Banang Setar wilayah Yala.

Jarak antara daerah Sri Sakorn dan wilayah Narathiwat 65 Kilometer. Pentadbiran daerah Sri Sakorn terbahagi kepada 6 Tambon (Mukim), 35 kampung, 6 O.Bo.To. (Organisasi Pentadbiran Peringkat Mukim), dan 1 Thesaban (ialah Organisasi kerajaan yang bertadbir dan berkhidmat menyediakan kemudahan asas kepada penduduk bandar).

Jumlah penduduk 27,322 orang, dengan penduduk lelaki sebanyak 14,165 orang dan jumlah penduduk perempuan sebanyak 13,157 orang. Majoriti penduduk di daerah Sri Sakorn beragama Islam, dan kebanyakannya bekerja di sektor pertanian iaitu petani, dan penternakan. Dalam bidang pertanian kebanyakan mereka mengusahakan ladang getah, sawah padi, kelapa, dan buah-buahan. Dalam bidang penternakan pula iaitu penternakan burung-burung, ayam, itik, lembu, kambing, biri-biri, ada yang bermiaga serta bekerja sebagai tukang jahit seperti menjahit pakaian lelaki dan perempuan, tudung wanita, kupiah dan lain-lain lagi, dan ada juga sebahagian kecilnya yang bekerja di sektor kerajaan.

Daerah Sri Sakorn mempunyai 17 buah sekolah kebangsaan peringkat rendah iaitu dari pra-sekolah hingga tahun 6 dan sebuah sekolah menengah dari Matthayom 1-6 Sangkad Krom Sa-man (sekolah aliran akademik sahaja atau dikenali sebagai sekolah Siam peringkat menengah), manakala sekolah agama Islam swasta hanya sebuah sahaja.



Rajah 1.3 : Peta Daerah Sri Sakorn.

#### 1.1.4 Latar Belakang Sekolah Siam Ban Khorlogaway

Sekolah Siam Ban Khorlogaway terletak di kampung Kuala Kawil mukim 1, jalan Jomphon phattana, daerah Sri Sakorn, wilayah Narathiwat, 96210. Sekolah ini mempunyai keluasan sebanyak 13 hektar. Sekolah ini juga merupakan Sekolah Siam (sekolah kebangsaan Thai) di bawah kuasa Pusat Pendidikan Sekolah Rendah Narathiwat 1 (*Sangkat Samnakngan Khet Puenth Karn Sek Sa Prathom Sek Sa Narathiwat Khet 1*) (sila rujuk lampiran 1 latar belakang Sekolah Siam Ban Khorlogaway dan lampiran 2 menerangkan Plan Sekolah Siam Ban khorlogaway).

Sekolah ini mempunyai bilangan murid seramai 1332 orang, murid-murid lelaki berjumlah 656, dan murid-murid perempuan berjumlah 676 orang. Sekolah ini juga mempunyai guru seramai 88 orang. Sekolah ini hanya mempunyai dua orang guru bahasa Melayu sahaja.

Sekolah ini terdiri daripada 3 peringkat iaitu peringkat pra-sekolah (Anuban), peringkat sekolah rendah (Prathom atau primari), dan peringkat sekolah menengah (Mattayom). Peringkat pra-sekolah (dikenali sebagai sekolah *Anuban*) iaitu terdiri daripada Anuban 1 hingga Anuban 2. Peringkat sekolah rendah pula, terdiri daripada Prathom 1 hingga Prathom 6. Peringkat sekolah menengah terdiri daripada Mattayom 1-3. Sekolah ini merupakan sekolah kerajaan (*Rongrian Kha yai O Kad*) yang memberi peluang untuk semua rakyat Thailand belajar percuma (*free*) dalam masa 15 tahun.

Sekolah Siam Ban Khorlogaway ditubuhkan pada 21hb. Mac tahun 2498 / 1955. En. Peruang Samran Suk selaku Guru Besar sekolah ini, sekolah ini

memulakan sesi pengajarannya pada peringkat sekolah rendah sahaja iaitu pada peringkat Prathom 1 hingga Prathom 4, pada masa itu pelajarnya hanya 80 orang sahaja.

Pada tahun 2514/ 1971 sekolah ini mula mengajarkan pada pelajar peringkat sekolah rendah 1 hingga 6 , En.Jareun Taen Kaew selaku Guru Besar sekolah. Pada tahun 2535/ 1992 sekolah ini mula mengajarkan pada pelajar peringkat sekolah menengah / Mathayom 1 mempunyai pelajar 19 orang. Sekarang En.Sulaiman Bai-Samoh selaku sebagai Guru Besar atau dikenali sebagai pengurus sekolah. Kini sekolah ini menambahkan sesi pengajarannya pada peringkat sekolah menengah / Mathayom 1 hingga 3.

Pada tahun 2551/ 2008 sekolah ini telah membuka aliran agama iaitu dengan mengajarkan dua sistem pengajaran iaitu sistem pengajaran akademik dan sistem pengajaran agama (sama dengan sistem pengajaran di sekolah agama Islam swasta)

Aliran akademik terdiri daripada 8 mata pelajaran iaitu mata pelajaran Matematik, Sains, Bahasa Thai, Sosial-Sejarah Thai, Sukan, Seni, Komputer, dan Bahasa Inggeris. Aliran agama pula terdiri daripada 8 mata pelajaran juga, iaitu mata pelajaran Al-quran, Al-Hadis, Al-Akhlas, Al-Fiqh, At-Tarikh, Al-A'kidah, Bahasa Arab, dan Bahasa Melayu. Bahasa Melayu diajarkan kepada peringkat sekolah rendah iaitu dari kelas Prathom tahun 1 hingga Prathom tahun 6, dan kelas bahasa Melayu diajarkan sebanyak 80 jam setahun atau dua jam seminggu sahaja.

Masa belajar terdiri daripada dua sesi iaitu sesi pagi dimulakan pada jam 8.30 hingga jam 12.00 tengahari, dan sesi petang dimulakan pada jam 13.00 hingga 15.30 petang. Sekolah ini mengajar lima hari seminggu iaitu hari Isnin hingga hari Jumaat, dan cuti dua hari iaitu hari Sabtu dan hari Ahad.

Sekolah ini mempunyai polisinya yang tersendiri iaitu :

- 1) Untuk membangunkan aktiviti pengajaran dan pembelajaran dengan memusatkan pelajar (Student Centre).
- 2) Untuk mendidik pelajar supaya bersifat ingin tahu dan belajar bersendirii (Self-Learning).
- 3) Untuk mendidik pelajar supaya berakhlak mulia (Akhlak Islam).
- 4) Untuk mendidik pelajar supaya dapat menggunakan teknologi maklumat yang relevan dan bijaksana.
- 5) Untuk mendidik dan mengajar demi meningkatkan kesihatan rohani dan jasmani pelajar dengan baik dan ceria.
- 6) Untuk mendidik pelajar supaya berbudaya dan beradat mengikut budaya-budaya tempatan (budaya Melayu bagi pelajar berketurunan Melayu dan budaya Thai bagi pelajar berketurunan Siam).
- 7) Untuk mendidik pelajar supaya menjaga alam sekitar dan membangunkan alam sekitar dengan bersih (Latar belakang Sekolah Ban Kholorkaway, Jabatan Pendidikan Asas, Kementerian Pendidikan Thailand, 2007) .

#### 1.1.4.1 Latar Belakang Murid Tahun 1

Jadual 1.1: Bilangan Murid di Sekolah Ban Khorlogaway pada tahun 2009

Kelas	Bilangan Murid		
	Lelaki	Perempuan	Jumlah
Pra-sekolah 1	78	91	169
Pra-sekolah 2	62	75	137
Jumlah tahap Pra-sekolah	140	166	306
Primari Tahun 1	63	80	143
Primari Tahun 2	66	60	126
Primari Tahun 3	85	80	165
Primari Tahun 4	72	73	145
Primari Tahun 5	66	63	129
Primari Tahun 6	61	68	129
Jumlah Tahap Primari	413	424	837
Menengah Tahun 1	41	36	77
Menengah Tahun 2	33	38	71
Menengah Tahun 3	29	12	41
Jumlah Tahap Menengah	103	86	189
Jumlah	656	676	1,332

Jadual 1.2: Bilangan Murid Prasekolah 1 Hingga Menengah Tahun 3 (2009)

Mengikut Bangsa di Sekolah Ban Khorlogaway, Daerah Sri Sakorn, Wilayah Narathiwat, Selatan Thailand.

Bangsa	Bil. Murid Sekolah	Bil. Murid Tahun 1
Melayu	1,332	143 (10.73 %)

Murid di sekolah kajian ini terdiri daripada bangsa Melayu beragama Islam (lihat jadual 1.2), penduduk tempatan kawasan. Murid Tahun 1 mewakili 10.73 peratus (143 orang) daripada jumlah keseluruhan murid Sekolah Ban Khorlogaway.

Kebanyakannya dari kawasan kampung yang berhampiran dengan sekolah, ada sebahagian kecil sahaja yang tinggal di kampung yang agaknya jauh kira-kira 15 kilometer iaitu kampung Air Cucoh. Murid-murid yang belajar di sekolah ini berasal dari kampung Air Tae-Tae, Kampung Baru, Kamping Air-Yaeng, Kampung Dusun Macang, Kampung I-nor, Kampung Panan, Kampung Sakupa. Kebanyakan daripada ibu bapa mereka bekerja sebagai petani, dan sebilangan kecil bekerja sebagai peniaga, dan kakitangan kerajaan seperti guru.

#### **1.1.4.2 Latar Belakang Guru Bahasa Melayu**

Pada masa ini bilangan tenaga pengajar sekolah ini sebanyak 88 orang, iaitu 26 orang lelaki dan 62 orang perempuan, 2 orang ialah guru mata pelajaran bahasa Melayu, yang berasal dari Daerah Sri Sakorn, wilayah Narathiwat (guru tempatan).

Jadual 1.3 : Pengalaman Mengajar Guru-Guru Bahasa Melayu Tahun 1

Guru	Pengalaman Mengajar (Tahun)
A	4 tahun
B	7 tahun

Daripada hasil temubual kajian rintis ke atas dua orang guru mata pelajaran bahasa Melayu, didapati bahawa mereka berasal dari daerah Sri Sakorn, wilayah Narathiwat, dan masing-masing mempunyai pengalaman mengajar selama 4-7 tahun.

Dari segi kelayakan akademik, seorang guru mata pelajaran bahasa Melayu mempunyai kelulusan Ijazah Sarjana Muda (jurusan Bahasa Inggeris) di Universiti

Perguruan (Universiti Rajhabat Yala), dan seorang guru mata pelajaran bahasa Melayu mempunyai kelulusan Ijazah Sarjana Muda dari Universiti Gunung Jati, Yog Jakarta, Indonesia. Kedua-dua orang guru tersebut tidak lulus jurusan bahasa Melayu namun mereka lulus peringkat Sanawiyah di Sekolah Swasta Agama Islam. Mereka telah mendapat latihan perguruan secara formal di maktab perguruan tempatan (iaitu Universiti Rajhabat Yala).

## 1.2 Sistem Pendidikan di Thailand

Sistem pendidikan di Wilayah Sempadan Selatan Thailand (WSST); Pattani, Yala, Narathiwat, Songkhla, dan Satun ini merupakan wilayah-wilayah yang dikategorikan dalam daerah pendidikan Dua (*Khet Kan Seksong*) oleh bahagian pentadbiran pendidikan, Kementerian Pendidikan Thailand. Sistem pendidikan di Daerah Pendidikan Dua ini berlainan sedikit dengan sistem pendidikan di daerah lain oleh kerana perbezaan di antara agama, bahasa, dan kebudayaan (Worawit Baru, 1990: 37). Sistem pendidikan di kawasan tersebut dibahagikan kepada dua aliran iaitu pendidikan Siam dan pendidikan agama Islam.

### 1.2.1 Sistem Pendidikan Siam

Sistem pendidikan Siam ini merupakan sistem asal yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Thailand untuk rakyatnya di seluruh negara. Sistem ini juga telah digunakan di Patani. Ia terbahagi kepada empat peringkat iaitu peringkat

Anuban (pra-sekolah), peringkat sekolah rendah, peringkat sekolah menengah dan peringkat maktab dan universiti.

Kementerian Pendidikan Thailand telah mewajibkan rakyat Thai untuk menerima pendidikan hanya pada peringkat pra-sekolah sehingga peringkat menengah bawah sahaja. Perkara ini telah diisyaratkan oleh Kementerian Pendidikan Thailand iaitu semua kanak-kanak yang berumur 5 tahun diwajibkan menghadiri kelas mulai peringkat pra-sekolah sehingga peringkat menengah bawah (Kementerian Pendidikan Thailand, 1990). Sementara pendidikan pada peringkat selanjutnya iaitu sekolah menengah atas sehingga peringkat universiti tidak diwajibkan oleh kerajaan. Tempoh masa yang dihabiskan pada setiap peringkat pengajian adalah seperti berikut:

1. Peringkat Anuban (pra-sekolah) 2 tahun.
2. Peringkat Prathom (sekolah rendah) 6 tahun.
3. Peringkat Matthayom (sekolah menengah) 6 tahun iaitu peringkat sekolah menengah rendah 3 tahun dan peringkat sekolah menengah atas 3 tahun.
4. Peringkat maktab atau universiti 4 tahun.

Pada setiap peringkat pengajian ibu bapa dan kanak-kanak tersebut dapat memilih untuk menghantar anak mereka ke sekolah yang telah disediakan oleh kerajaan atau ke sekolah swasta yang mengajar agama Islam. Kedua-dua sekolah tersebut terdapat kelainan iaitu pada peringkat pra-sekolah didapati sekolah kerajaan tidak ada pelajaran yang berkait dengan agama Islam sementara di sekolah swasta pula, agama Islam diberikan pendidikan dalam mata pelajaran umum dan juga mata pelajaran agama. Melatih kanak-kanak mempraktikkan perkara yang disuruh dalam

ajaran Islam di Sekolah ini dalam kehidupan harian mereka. Semua pelajaran disampaikan dalam bahasa Thai.

Pada peringkat sekolah rendah juga ada perbezaan antara sekolah rendah kebangsaan Thai (atau Sekolah Siam) berbanding sekolah rendah swasta agama Islam. Perbezaan tersebut ialah di sekolah rendah kebangsaan Thai, pendidiknya terdiri daripada dua golongannya iaitu guru yang beragama Budha dan sedikit daripada guru yang beragama Islam. Sementara di sekolah rendah swasta agama Islam, semua pendidiknya terdiri daripada guru yang beragama Islam. Begitu juga mata pelajaran yang diterapkan di sekolah rendah kebangsaan, terdapat mata pelajaran agama Islam hanya satu mata pelajaran sahaja. Sementara itu di sekolah rendah swasta agama Islam terdapat mata pelajaran bahasa Melayu dan beberapa mata pelajaran agama Islam yang diterapkan serta dimantapkan lagi perkara yang perlu dilakukan oleh kanak-kanak Islam dalam kehidupan harian. Semua mata pelajaran disampaikan dalam bahasa Thai dan diwajibkan pelajar menggunakan bahasa Thai sebagai bahasa pengantar di kawasan sekolah.

Pada peringkat sekolah menengah rendah dan sekolah menengah atas juga sama seperti peringkat yang lain iaitu ibu bapa dan penjaga bebas memilih sekolah untuk menghantar anaknya sama ada sekolah menengah yang telah disediakan oleh kerajaan atau sekolah menengah swasta agama Islam. Pada peringkat ini terdapat perbezaan yang amat ketara di antara sekolah menengah kerajaan berbanding sekolah menengah swasta agama Islam. Sekolah menengah kerajaan memfokuskan pengajian hanya kepada mata pelajaran akademik sahaja dan menyediakan mata pelajaran agama Islam khusus pelajar yang beragama Islam hanya satu mata pelajaran sahaja.

Pelajar yang memilih untuk belajar di sekolah menengah kerajaan besar kemungkinan mereka belajar bercampur dengan pelajar agama Budha dan bagi pelajar wanita bebas memilih untuk berpakaian menutup aurat ataupun tidak. Bahasa Thai merupakan bahasa pengantar di sekolah jenis ini.

Sementara di sekolah menengah swasta agama Islam memfokuskan pengajian kepada dua jenis iaitu pengajian akademik dan pengajian agama Islam. Pelajar yang memilih untuk belajar di sekolah swasta agama Islam perlu menghadapi mata pelajaran yang lebih banyak berbanding pelajar yang belajar di sekolah menengah kerajaan iaitu mata pelajaran akademik, bahasa Thai dan bahasa Inggeris di samping itu juga mereka dikehendak belajar mata pelajaran agama Islam, bahasa Arab dan bahasa Melayu. Di bahagian pelajaran agama mereka belajar sebanyak 5 mata pelajaran sehari. Perkara ini merupakan kelebihan bagi pelajar yang memilih belajar di sekolah swasta agama Islam yang membolehkan mereka bebas memilih untuk menyambung pelajarannya di peringkat universiti nanti sama ada muhul mengikuti bidang akademik atau bidang agama Islam, sama ada di universiti dalam negara atau di luar negara. Disebabkan sekolah swasta agama Islam ini, mereka dapat menguasai bahasa Thai, bahasa Inggeris, bahasa Arab dan juga bahasa Melayu.

Ini disebabkan sekolah menengah swasta agama Islam hanya menerima pelajar yang beragama Islam sahaja dan diwajibkan kepada setiap pelajar muslimah supaya memakai uniform yang telah disediakan (uniform yang boleh menutup aurat). Bahasa yang digunakan di sekolah jenis ini dibahagikan kepada dua jenis bahasa iaitu dengan menggunakan bahasa Thai sebagai bahasa pengantar ketika belajar di

bahagian akademik dan menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar ketika belajar di bahagian agama Islam.

Peringkat akhir iaitu peringkat maktab atau universiti, pelajar-pelajar yang ingin melanjutkan pengajian di maktab atau universiti di dalam negara Thailand disyaratkan untuk menduduki peperiksaan untuk menguji tahap kemampuan masing-masing. Pelajar yang lulus peperiksaan dapat masuk ke dalam universiti selama 4 tahun.

### **1.2.2 Pendidikan Ilmu Agama Islam**

Oleh kerana majoriti penduduk di empat Wilayah Sempadan Selatan Thailand (WSST ialah wilayah Narathiwat, Pattani, Yala, Songkhla, dan Setun atau Satun) merupakan penduduk yang beragama Islam, bahasa Arab dan bahasa Melayu tidak dapat diasingkan lagi dalam sistem pendidikan di Wilayah Sempadan Selatan Thailand. Menurut Nureeda Salaemae (2000: 13-15), sistem pendidikan agama Islam dibahagikan kepada empat peringkat iaitu peringkat tadika, peringkat Ibtidaiyah, peringkat Mutawassitah dan peringkat Sanawiyah.

Di sekolah tadika, kanak-kanak menerima pendidikan ilmu agama, asas bahasa Arab dan Bahasa Melayu. Bahasa Melayu dialek Pattani merupakan bahasa pengantar di sekolah ini. Kelas dijalankan di sekolah yang dibina daripada ‘pengorbanan’ atau derma wang dan tenaga ahli kampung di tempat masing-masing. Kelas dijalankan mengikut persefakatan orang kampung masing-masing. Ada yang setuju untuk menjalankan kelas tadika pada waktu petang setiap Isnin sehingga

Jumaat sebaik sahaja kanak-kanak habis pengajian di sekolah rendah dan ada juga yang menjalani kelas pada hari Sabtu dan Ahad iaitu hari yang kanak-kanak cuti daripada belajar di sekolah rendah kerajaan. Majoriti kelas tadika dikendalikan oleh guru-guru sukarelawan yang tamat pengajian agama daripada pondok atau di sekolah swasta agama Islam. Kanak-kanak diwajibkan untuk berpakaian menutup aurat mengikut corak yang telah di tentukan.

Selepas tamat sekolah tadika, kebanyakan penjaga menghantar anak mereka untuk melanjutkan pelajaran agama Islam di peringkat Ibtidaiyah sama ada di pondok ataupun di sekolah swasta agama Islam. Di peringkat Ibtidaiyah, pelajar menggunakan masa selama 4 tahun, seterusnya belajar di peringkat Mutawassitah selama 3 tahun dan peringkat Sanawiyah selama 3 tahun. Dalam Nureeda Salaemae (*ibid*), antara mata pelajaran yang di sampaikan ialah bahasa Melayu, bahasa Arab, dan ilmu agama Islam yang terdiri daripada mata pelajaran Tauhid, Al-Quran, Tafsir, Fiqh, Hadis, Akhlak dan Sejarah Islam. Pengurusan Pendidikan Agama Islam terletak di bawah tanggungjawab Pejabat Perkembangan Pendidikan Agama Islam dan Budaya, Daerah Pendidikan Dua dengan kerjasama Pejabat Jawatankuasa Pendidikan Swasta, Jabatan Akademi, Kementerian Pendidikan Thailand (*Laporan Kementerian Pendidikan Thailand, 1980-1997*). Bahasa Melayu dialek Pattani sebagai medium bahasa ketika mengendalikan pengajaran agama Islam di sekolah swasta agama Islam. Majoriti kelas dikendalikan oleh guru-guru yang tamat pengajian agama Islam dari dalam dan juga di luar negara.

Melihat daripada sistem pendidikan di Pattani, terdapat bahawa bahasa Melayu (baku) tidak banyak didedahkan kepada kanak-kanak Melayu. Bahasa

Melayu hanya satu mata pelajaran sahaja di dalam pengajian daripada peringkat tadika sehingga akhir Sanawiyah.

Penggunaan bahasa Melayu pula terhad kepada bahasa Melayu dialek Pattani sahaja. Kini anak-anak Melayu di Wilayah Sempadan Selatan Thailand (WSST) kebanyakannya sudah jauh ketinggalan daripada dunia Melayu kerana secara keseluruhan mereka tidak pandai bercakap dan bertulis dalam bahasa Melayu. Fenomena ini menyebabkan mereka sukar untuk berkomunikasi dan berinteraksi dengan dunia Melayu khususnya. Melalui kuasa politik, bahasa Melayu di Wilayah Sempadan Selatan Thailand tidak mampu berkembang ke arah yang lebih positif, malah menunggu hari untuk dikuburkan jika situasi begini berterusan. Kini, bahasa Thai merupakan bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara Thailand. Melalui dasar nasional kerajaan Thai, masyarakat Melayu di Wilayah Sempadan Selatan Thailand secara keseluruhan didedahkan dengan penggunaan bahasa Thai sama ada melalui sistem pendidikan, pentadbiran, pergaulan semasa membuat urusan di pejabat kerajaan, media dan lain-lain.

Dengan situasi yang telah dinyatakan menyebabkan komuniti Melayu di Wilayah Sempadan Selatan Thailand yang termasuk guru-guru bahasa Melayu didedahkan kepada penggunaan dua bahasa, iaitu penggunaan bahasa Melayu dialek Pattani ketika berada di rumah, di dalam masyarakat bersama jiran tetangga dan penggunaan bahasa Thai ketika membuat urusan rasmi.

### **1.3 Bahasa Kebangsaan dan Bahasa Rasmi**

Berdasarkan tipologi dasar bahasa yang dikemukakan oleh Fishman (1971), negara Thailand bolehlah diklasifikasikan sebagai sebuah negara yang memiliki bahasa Thai sebagai bahasa Kebangsaan dan bahasa Rasmi tunggal, dan tergolong dalam jenis B, iaitu sebuah negara memiliki satu bahasa yang mempunyai tradisi agung yang melebihi bahasa-bahasa lain yang bermastautin dalam masyarakat.

Bahasa Thai merupakan satu-satunya bahasa kebangsaan dan bahasa Rasmi di Thailand. Hal ini telah dinyatakan dengan jelas oleh Worawit Baru, (1999: 169) Menurut beliau,

“...Bahasa Thai diperuntukkan fungsinya sebagai bahasa Kebangsaan, bahasa Rasmi dan bahasa pengantar pendidikan negara Thailand. Semua urusan pertadbiran negara dijalankan dengan menggunakan bahasa Thai. Bahasa Thai juga berperanan sebagai bahasa berdifusi luas. Oleh hal yang demikian, bahasa Thai diberi nilai-nilai tertentu, misalnya nilai sentimen, nilai pentadbiran, nilai ekonomi, dan rasional dan sebagainya... (Worawit Baru, 1999: 169).”

Bahasa Thai standard, yakni yang dijadikan sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa Rasmi negara merupakan bahasa yang dituturkan oleh penduduk yang mendiami kawasan Tengah negara Thailand. Di negara Thailand hanya bahasa Thai yang digunakan sebagai bahasa pengantar pendidikan dari peringkat awal persekolahan sehingga ke peringkat universiti. Hal ini, menjadikan seolah-olah bahasa lain langsung tidak mendapat tempat.

Pongsri Lekawatana (1994: 271), telah menyatakan dan menggambarkan dasar bahasa di negara Thai dan kedudukannya sebagai ekabahasa seperti berikut:

*“...The impression that Thailand is a nation of one language is Probably created by the unstated language policy. There is no mention of the country's official language in any of several versions the Thai Constitution. The fact that all official documents especially the Constitutions are in Thai indicate beyond doubt that is the official language. The existence of bilingual communities is not officially recognized and standard Thai taught as a subject and medium of instruction in public and private schools in all part of the country's...( Pongsri Lekawatana, 1994: 271).”*

Negara Thai tidak mempunyai sebuah intitusi khas yang menjaga urusan berhubung kebahasaan, seperti Dewan Bahasa dan Pustaka. Hal ini telah dijelaskan oleh Noss (1984: 74) yang mengatakan,

*“...Thailand has no central government organization that deal directly with language policy, planning, development and implementation, but rather a large number of government agencies which are, to a greater or lesser extent, responsible for language matters...( Noss, 1984: 74).”*

Noss et.al (1984) juga menghuraikan berbagai-bagai kementerian dan agensi di Thailand yang memainkan peranan dalam membuat rumusan dasar bahasa, perancangan dan perlaksanaannya, iaitu:

- a) Kementerian Pertahanan
- b) Kementerian Dalam Negara
- c) Kementerian Pendidikan
- d) Biro Hal-ehwal Universiti
- e) Majlis Pendidikan Kebangsaan, dan
- f) Institusi Diraja

Melalui kementerian dan agensi-agensi tersebut, Thailand telah dapat merealisasikan dasar bahasa dan kedudukannya yang hanya mempunyai bahasa Thai sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi tunggal dan bahasa-bahasa lain dianggap sebagai bahasa asing. Bahasa tersebut merupakan bahasa ibunda kumpulan minoriti terbesar di negara itu seperti bahasa Cina (umum yang asalnya pendatang)

dan bahasa Melayu sebagai bahasa kumpulan minoriti kedua terbesar (umum peribumi wilayah Selatan Thai adalah diketagorikan sebagai bahasa Asing).

#### **1.4 Bahasa Melayu Di Pattani**

Konsep bahasa Melayu dalam pengertian orang Islam di Selatan Thailand agak luas daripada pengertian yang sering digunakan umum. Hal ini kerana penduduk di Selatan Thailand tidak memisahkan bahasa Melayu dengan bangsa Melayu. Menurut Dr.Worawit Baru (1999:185-188), “Semakin kuat kerajaan Thailand menjalankan penggunaan bahasa Thai terhadap orang Melayu, maka semakin tebal perasaan setia terhadap bahasa Melayu dalam kalangan orang Melayu (Islam Pattani). Menurut beliau lagi salah satu dasar kerajaan Thailand ialah menghalang serta menghapuskan istilah orang Melayu di Thailand. Tujuannya adalah untuk menghapuskan bahasa Melayu di negara ini (*Thailand*)”.

Fakta sejarah membuktikan bahawa orang Pattani kebanyakannya berketurunan Melayu, tidak berminat untuk berbahasa Thai. Mereka menggunakan bahasa Melayu secara meluas. Menurut Worawit Baru (ibid: 69), oleh sebab kerajaan Pattani menjadi kerajaan yang kukuh dan makmur, maka Pattani menjadi kerajaan yang dapat mengembangkan pengaruhnya dalam bentuk budaya, politik, dan ekonomi selama lebih daripada satu abad.

Kerajaan Pattani telah menjadi tempat penting dalam sejarah dunia Melayu. Pattani juga turut menjadi pusat menyebarkan bahasa Melayu melalui pendidikan

pondok. Pondok di Pattani bukan sahaja menjadi tumpuan para pelajar dalam negeri, malah pelajar-pelajar dari luar negara juga menjadi tumpuan bersama-sama dengan masyarakat bukan keturunan Melayu. Dengan itu pondok berperanan penting dalam menyebar dan mempertingkatkan taraf bahasa Melayu.

Dari segi sejarah penggunaan bahasa Melayu digunakan dalam kalangan masyarakat Islam di wilayah Pattani. Ini terbukti sejak kewujudan kerajaan Melayu Langkasuka dan Tambralingga pada awal abad Masihi. Bahasa Melayu berasal daripada rumpun bahasa Austronesia dan proses penyebaran awalnya bermula daripada bahasa Melayu Sanskrit di Sumatera. Ini ketika kerajaan Melayu Sriwijaya menguasai bumi Semenanjung telah berkembang dalam kalangan penduduk negara Kota Langkasuka dan Tambralingga bersama-sama dengan perubahan tamadun yang tercapai pada masa itu.

Sepanjang tempoh tersebut kemunculan kerajaan Melayu Islam Pattani telah mencapai tahap kegemilangan dalam kalangan para pedagang yang menyebarkan Islam. Walau bagaimanapun kawasan ini menjadi sebahagian daripada negara Siam. Sejak itu, kepentingan bahasa Melayu Pattani semakin diabaikan oleh pentadbiran pusat di Bangkok. Langkah menghapuskannya telah menerima tentangan yang hebat daripada masyarakat Melayu Pattani apabila percubaan dibuat menerusi pelancaran Akta Pelajaran Siam pada tahun 1923. Oleh sebab bahasa Thai telah menjadi bahasa rasmi negara, maka setiap rakyat dipaksa menggunakanannya.

Penggunaan bahasa Melayu Pattani yang mempunyai persamaan dengan bahasa Melayu longat atau dialek Melayu Kelantan, kini semakin berkurangan kerana

tekanan kuasa pemerintah. Melalui media massa generasi muda, terutama yang menghadapi kelemahan bahasa mungkin tidak mengetahui sebenarnya mereka turut terpengaruh dengan pendedahan dan penonjolan rencana serta rancangan media massa yang menjadi agenda tersirat kerajaan Thai. Ini menyebabkan mereka berasa megah dan memuliakan bahasa asing dalam perbualan sesama sendiri tanpa menghargai jati diri Melayu melalui keunggulan dan ketinggian bahasa ibunda.

### **1.5 Bahasa Melayu Di Sekolah dan Di Universiti**

Oleh sebab bahasa Melayu telah menjadi bahasa pengantar pendidikan dalam kalangan masyarakat Islam sejak zaman kerajaan Melayu Pattani, maka pada dasarnya bahasa Melayu telah digunakan dalam sistem pendidikan agama Islam di Selatan Thailand lebih kurang 500 tahun dahulu. Setelah kawasan tersebut dengan rasminya menjadi kawasan Siam (1909), melalui perjanjian Bangkok pengajaran bahasa Melayu di wilayah-wilayah tersebut juga dipengaruhi oleh sistem politik kerajaan Siam atau Thailand.

Menurut Worawit Baru (1999), ketika zaman kerajaan Phibul Songkram, iaitu kerajaan negara Thailand pada tahun 1984 hingga 1985, bahasa Melayu telah mendapat tempat dalam sistem pendidikan nasional, iaitu diajarkan di sekolah-sekolah kerajaan. Namun selepas itu, bahasa Melayu tidak lagi dimasukkan dalam sistem pendidikan nasional. Hal ini kerana, selepas itu kerajaan Thailand menjalankan dasar asimilasi melalui pendidikan.

Sekarang kedudukan bahasa Melayu telah diakui oleh kerajaan Thailand sebagai bahasa daerah. Menurut Ilyas Mahyudin(1995: 602),

“...dukungan terhadap bahasa ini telah pun diberikan dengan membuka kesempatan bagi orang Melayu untuk belajar bahasa Melayu, mulai dari peringkat TADIKA sampai peringkat Universiti. Pada peringkat TADIKA, bahasa Melayu diajar sebagai mata pelajaran asasi, di samping bahasa Arab, hal ini sesuai dengan sukanan pelajaran yang ditetapkan kerajaan. Adapun di sekolah-sekolah Swasta Agama Islam, namun pada peringkat Menengah Agama, bahasa Melayu menjadi mata pelajaran elktif. Sedangkan pada peringkat Atas Agama, bahasa Melayu tidak diajar, bagaimanapun pada umumnya, sekolah-sekolah Swasta Agama Islam ini masih mengajarkan bahasa Melayu pada peringkat Atas Agama, mestipun tidak ditetapkan dalam kurikulum kerajaan...( Ilyas Mahyudin, 1995: 602).”

Walau bagaimanapun, bahasa Melayu yang diajar di sekolah dan di Universiti agak berbeza dengan bahasa Melayu yang digunakan dalam pertuturan sehari-hari. Di universiti, kursus bahasa yang ditawarkan adalah bahasa Melayu Standard, iaitu bahasa Melayu yang formal seperti yang diajarkan di sekolah-sekolah di Malaysia.

## **1.6 Penyataan Masalah**

Di negara Thailand bahasa Melayu bukanlah bahasa yang ditutur oleh orang ramai, sebaliknya bahasa Melayu merupakan salah satu bahasa yang dituturkan oleh kaum Melayu yang menghuni di sebahagian kawasan Selatan Thailand. Bahasa Melayu merupakan bahasa ibunda bagi penduduk yang berketurunan Melayu, bahasa Melayu adalah jati diri orang Melayu, dan bahasa Melayu juga boleh dikatakan menjadi salah satu bahasa komunikasi yang utama bagi penduduk di kawasan Wilayah Sempadan Selatan Thailand (wilayah Pattani, Yala, Narathiwat, Songkhla, dan Satun). Bahasa Melayu yang digunakan juga adalah bahasa Melayu dialek.

Ahmad Omar Chapakia (2002) menegaskan hal ini seperti berikut :

“Masyarakat Melayu di Selatan Thailand khususnya di tiga wilayah (Pattani, Yala, dan, Narathiwat) berjuang dan bergerak aktif dalam perjuangan kelangsungan bahasa Melayu. Perjuangan ini dapat dilihat pada peranan ulama Pattani dan institusi pendidikan yang terdiri daripada pondok, madrasah, tadika, dan juga institusi pengajaran tinggi sama ada kerajaan ataupun swasta”.

Keadaan dan kewibawaan bahasa Melayu sering tergugat, tidak menjamin masa depannya malah terpaksa mengalami zaman gerhana yang agak getir. Namun, bahasa Melayu di Thailand dapat dipertahankan kedudukan dan kewibawaannya sebagai bahasa perantaraan dalam kalangan orang Melayu yang majoriti 80 peratus menghuni di Wilayah Sempadan Selatan Thailand (Abdulroya Panaemalae, 1995).

Oleh hal yang demikian permasalahan sebenar yang mendominasi permasalahan yang lebih kompleks adalah merupakan masalah tidak boleh membaca pada peringkat asas dalam kalangan murid-murid Tahun 1. Hal ini menyebabkan murid-murid Tahun 1 tidak dapat menguasai bahasa Melayu dengan baik untuk peringkat yang seterusnya. Mengikut Cikgu Siti Aminah Adam (temubual pengkaji bersama Cikgu Siti Aminah Adam, guru bahasa Melayu di Sekolah Siam Ban Khorlogaway, daerah Sri Sakorn, wilayah Narathiwat pada 29 November 2009) beliau menyatakan bahawa keputusan peperiksaan murid-murid Tahun 1 kurang memuaskan yakni didapati ada sebilangan murid-murid Tahun 1, 2, 3, 4, 5, dan Tahun 6 yang masih belum pandai membaca walaupun kemahiran ini telah diajar kepada mereka ketika di kelas Prathom Tahun 1 (Primai 1) selama 1 tahun (2 semester). Ada sebilangan murid-murid ini masih belum dapat mengenal huruf-huruf abjad, vokal dan konsonan, dan suku kata serta ayat mudah. Akibat daripada tidak dapat menguasai kemahiran ini, murid-murid ini gagal dalam peperiksaan mata pelajaran

bahasa Melayu. Hal ini merupakan masalah yang sangat besar dan tidak boleh dinafikan serta perlu diperbaiki dengan cara yang baik dan berkesan.

Lantaran itulah, kajian ini akan berfokus kepada masalah penguasaan bahan bacaan asas bahasa Melayu, dan mengenal pasti tahap kebolehan membaca dan memahami apa yang dibaca oleh murid-murid Tahun 1. Ia tujuan untuk menyelesaikan masalah tidak boleh membaca, tidak boleh menguasai bahan bacaan asas, dan masalah tidak memahami apa yang dibaca murid-murid Tahun 1 dalam konteks pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu di Sekolah Siam (sekolah kebangsaan peringkat rendah).

## 1.7 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mencapai objektif yang berikut:

1. Untuk menganalisis kosa kata asas bahasa Melayu murid-murid Tahun 1.
2. Untuk mengetahui level kemahiran membaca murid-murid Tahun 1.
3. Untuk memahami apa yang dibaca oleh murid-murid Tahun 1.
4. Untuk mengenalpasti faktor-faktor yang berkaitan dengan masalah penguasaan kosa kata asas murid-murid pada peringkat Tahun 1.

## 1.8 Kepentingan Kajian

Bahasa Melayu baku merupakan bahasa yang amat penting bagi orang Melayu di Wilayah Sempadan Selatan Thailand (WSST) kerana bahasa Melayu baku adalah sebagai bahasa asing yang kedua selepas bahasa Inggeris menurut Puan Farida Sulaiman (Suruhanjaya Kementerian Pendidikan Thailand, 2009) beliau menjelaskan bahawa bahasa Melayu baku memainkan peranan seperti bahasa ilmu agama dan akademik, bahasa Melayu ialah bahasa yang digunakan oleh negara-negara di Nusantara. Pada tahun 2011 bahasa Melayu baku juga akan menjadi bahasa asing yang ketujuh dalam Peperiksaan Admission (*Admission Exam*) ialah peperiksaan untuk kemasukan ke peringkat universiti) selain daripada, bahasa Perancis, bahasa German, bahasa Cina, bahasa Jepun, bahasa Arab dan bahasa Sanskrit. Hal ini demikian untuk memberi peluang kepada anak-anak Melayu yang dapat menguasai bahasa Melayu supaya mereka dapat memilih bahasa Melayu sebagai bahasa pilihan mereka supaya mereka mendapat markah yang tinggi dan lulus Peperiksaan Admission untuk kemasukan ke peringkat universiti dengan mudah dan sekaligus akan menambah jumlah anak-anak Melayu di universiti.

Ketua Setiausaha Pendidikan Asas, Puan Kassama Worawan Na Ayuthdaya (Kementerian Pendidikan Thailand, 2009) telah meluluskan kurikulum pengajian Islam Perintah Lembaga Pendidikan Asas 1012/ 2552 (2009). Beliau mengumumkan untuk menggunakan kurikulum pengajian Islam di sekolah kerajaan Thailand bersama dengan kurikulum akademik bersepada tahun 2551/ 2008 demi konsisten dengan identiti dan budaya orang Melayu bagi memenuhi keperluan ibu bapa dan masyarakat di Wilayah Sempadan Selatan Thailand.

Pengkaji telah mewawancara dengan Pengurus Sekolah Ban Khorlogaway En. Sulaiman Baisamok (pada 15 hb. Jun 2009), dan beliau menyatakan bahawa pelajar-pelajar dari tahun 1 hingga tahun 6 di sekolah ini sangat lemah dalam bahasa Melayu baku, terutamanya dari segi membaca dan bertutur. Mereka hanya dapat bertutur dalam bahasa Melayu dialek Pattani sahaja, manakala dari segi penulisan dan membaca pula mereka kebanyakannya hanya dapat menulis dan membaca dalam tulisan Jawi berbanding dengan tulisan Rumi. Hal ini demikian kerana guru mereka yang mengajar bahasa Melayu tidak berkelulusan dalam bidang bahasa Melayu. Hal ini menjadikan pelajar-pelajar di sekolah ini dan menjadikan mereka kurang berkebolehan dalam berkomunikasi dengan menggunakan bahasa Melayu baku dan penguasaan menulis dan membaca dalam tulisan Rumi.

Pengkaji menyedari bahawa masalah ini merupakan masalah yang tidak boleh diabaikan dan perlu diselesaikan dengan cepat dan berkesan. Pengkaji ingin membuat kajian berkenaan penguasaan bacaan asas demi meningkatkan kebolehan pelajar-pelajar di sekolah ini dan mengatasi masalah tidak boleh membaca dalam kalangan pelajar-pelajar tersebut. Namun dalam kajian ini pengkaji hanya memfokuskan kepada bacaan asas (kosa kata asas bahasa Melayu) tahun 1 sahaja. Apabila pelajar-pelajar dapat menguasai asas bacaan bahasa Melayu pada peringkat tahun 1 dengan mudah akan menyebabkan pelajar-pelajar dapat menguasai bacaan pada peringkat seterusnya dengan lebih baik.

Salah satu punca murid tidak boleh membaca kerana mereka belum menguasai kemahiran asas bacaan permulaan, yakni mengenal huruf abjad sama ada bentuk, nama dan bunyi huruf tersebut. Langkah pengesanan awal sangat perlu agar

kesukaran yang dihadapi dalam proses penguasaan kemahiran bacaan dapat dikurangkan. Seterusnya, peluang untuk mereka mencapai tahap kebolehan membaca yang sejajar dengan umur mental mereka dapat dipercepatkan (Muhammad Saiful Haq Hussin, 2008 : 6).

Kepentingan kemahiran membaca pada peringkat awal pernah dinyatakan oleh Dorothy Rubin (1980)(dalam Muhammad Saiful Haq Hussin, 2008 : 6). Mengikut Rubin (1980), kepentingan belajar membaca pada darjah yang awal tidak boleh dipertikaikan kerana semakin lama seseorang kanak-kanak itu berada di dalam keadaan tidak boleh membaca, semakin kuranglah peluang naik kelas atau mencapai tahap kebolehan membaca walaupun dibantu dengan kelas yang terbaik.

Kajian tentang masalah penguasaan bahan bacaan asas dalam bahasa Melayu dalam kalangan murid-murid Tahun 1 dapat membantu dan mencari satu penemuan yang terbaru dengan tujuan untuk menangani kelemahan penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan murid-murid Tahun 1. Tambahan pula, tidak banyak kajian yang berkaitan dengan perolehan dan penguasaan bahasa (Melayu) dalam kalangan kanak-kanak Tahun 1 khususnya di negara Thailand yang dilakukan oleh pengkaji bahasa. Keadaan ini berpunca daripada tanggapan bahawa keadaan ini tidak begitu serius, kerana mata pelajaran bahasa Melayu bukanlah mata pelajaran yang diwajibkan lulus. Harus disedari bahawa masalah yang timbul pada peringkat awal ini jika tidak dikesan dan dikawal dengan rapi, akan menimbulkan masalah yang lebih besar pada masa akan datang. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menambahkan lagi kajian yang berkaitan dengan tahap perolehan dan penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan murid-murid Tahun 1 di Sekolah Siam, Selatan Thailand.

### **1.9 Bidang Kajian**

Kajian ini merupakan bidang pemerolehan bahasa atau psikolinguistik. Dalam kajian ini, pengkaji akan menjurus pemerolehan atau penguasaan bahan bacaan asas bahasa Melayu. Bahan bacaan asas iaitu bahan yang digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan murid-murid Tahun 1 di sebuah Sekolah Siam Ban Khorlogaway (sekolah kebangsaan peringkat rendah), di daerah Sri Sakorn, wilayah Narathiwat, Selatan Thailand.

### **1.10 Batasan Kajian**

Kajian yang dijalankan ini hanya terbatas kepada perolehan dan penguasaan bahan bacaan asas bahasa Melayu dalam kalangan murid-murid Tahun 1 di Sekolah Siam Ban Kholorkaway (sekolah kebangsaan peringkat rendah, di daerah Sri Sakorn, wilayah Narathiwat, Selatan Thailand). Kajian ini dijalankan selama lebih kurang 6 bulan iaitu pada panggal pertama dan panggal kedua sesi 2010-2011(sila rujukan dalam lampiran 12 hlm.231). Kajian yang telah dijalankan amat terhad kerana masa yang diperuntukkan untuk kelas mata pelajaran bahasa Melayu hanya 1 jam seminggu sahaja. Jadi pengkaji terpaksa menanti masa murid-murid betul-betul lapang barulah pengkaji dapat menjalankan kajian dengan subjek kajian. Hakikatnya subjek kajian belajar dalam dua aliran, iaitu aliran agama dan alairan akademik yakni mereka belajar 8 jam sehari pada sesi pertama ialah mulai dari jam 8.20 pagi hingga jam 11.30 tengahari dan sesi kedua dimulakan pada jam 13.00 petang hingga 15.50 petang.

Pengkaji memilih subjek kajian dengan menggunakan soalan diagnostik terhadap sampel kajian sebanyak 80 orang murid Tahun 1 yang bertujuan untuk menguji dan menentukan kelompok murid-murid tersebut kepada 3 kelompok. Murid-murid Tahun 1 ini terdiri daripada 30 orang yang terlibat sebagai subjek kajian mewakili daripada empat kelas, iaitu subjek kajian dikategorikan kepada tiga tahap iaitu tahap cerdas sebanyak 10 orang, tahap sederhana 10 orang dan tahap lambat 10 orang. Murid-murid Tahun 1 ini adalah kanak-kanak yang normal, dan subjek kajian terdiri daripada lelaki dan perempuan dalam lingkungan umur 7 tahun. Subjek kajian tidak pernah belajar bahasa Melayu (Baku) yakni tidak ada asas mempelajari bahasa Melayu (Baku) secara formal namun, mereka dapat menguasai dan berkomunikasi dalam bahasa Melayu dialek Pattani (Bahasa Melayu dialek Pattani hampir serupa dengan bahasa Melayu dialek Kelantan) tetapi ada sebahagian dipengaruhi bahasa Thai iaitu bahasa ibunda mereka.

Dalam kajian ini pengkaji hanya membataskan kajian perolehan dan penguasaan bahan bacaan asas bahasa Melayu secara khusus dari sudut fonologi dan morfologi iaitu (i). bahagian huruf (huruf besar, huruf kecil, dan, vokal), (ii). bahagian suku kata (suku kata terbuka kv+kv, suku kata tertutup kv + kvk, cantuman suku kata v+kvk, suku kata tertutup kvk+kvk), (iii). Bahagian perkataan (perkataan kvk, perkataan kvk+kvkk, perkataan berimbuhan (*suku kata kompleks*), perkataan diftong, vokal berganding dan konsonan bergabung), (iv). Bahagian frasa (frasa yang mengandungi 2 hingga 3 perkataan, penggunaan frasa di dalam ayat), (v). Bahagian ayat (ayat yang mengandungi perkataan berganda, membetulkan ayat, menyusun ayat mudah, dan kefahaman bacaan).

## 1.11 Definisi Operasional

### 1.11.1 Penguasaan

Menurut Krashen (1981:1), terdapat dua cara bagi orang dewasa memupuk kecekapan bahasa terutama dalam menguasai bahasa kedua. Dua cara tersebut ialah pertama pemerolehan dan kedua pembelajaran. Pemerolehan berlaku di bawah sedar, secara tidak formal, iaitu sama dengan proses seorang kanak-kana memproses bahasa yang diperoleh secara tidak langsung. Pembelajaran pula, berlaku secara sedar, suasana formal (di dalam kelas), mempunyai sukanan pelajaran yang ditetapkan dan berkesudahan dengan mengetahui sesuatu.

Penguasaan dalam konteks kajian ini ialah proses pembelajaran dalam kalangan murid-murid Tahun 1 dalam bahasa Melayu dari aspek pemerolehan asas bacaan bahasa Melayu Tahun 1. Penguasaan pula merujuk kepada tahap pemerolehan bahasa Melayu yang dikuasai oleh murid. Ini merangkumi huruf abjad, suku kata, frasa, dan ayat yang sesuai dengan tahap umur, mental, fizikal dan keupayaan para murid Tahun 1. Dalam hal ini selaras dengan teori dalam bidang pendidikan yang menyatakan bahawa kanak-kanak tersebut mestilah berada dalam keadaan mental dan psikomotor dan afektif untuk menerima pembelajaran secara formal.

### **1.11.2 Bahan Bacaan Asas**

R.Bahous and N.Bacha (2004: 69) menyatakan bahawa bahan merupakan segala sumber bahan yang memudahkan pengajaran dan pembelajaran bahasa, termasuklah bahan-bahan cetakan seperti buku teks, buku-buku aktiviti, lembaran kerja, dan sebagainya, dan juga bahan-bahan yang tidak dicetak seperti kaset, DVD, persembahan secara langsung, mempamerkan, bahan yang berasaskan komputer yang bersifat audio-visual dan sebagainya.

Bahan bacaan asas dalam konteks kajian ini ialah “Modul Asas Membaca Tahun 1(Edisi 1)” yang dibina oleh Dr. Muhammad Saiful Haq Hussin. Dalam proses pembelajaran bahasa Melayu bahan bacaan asas “Modul Asas Membaca Tahun 1(Edisi 1)” merupakan unsur penting yang tidak boleh diasingkan dengan pembacaan murid-murid. Bahan bacaan asas “Modul Asas Membaca Tahun 1(Edisi 1)” yang sesuai dengan tahap keupayaan murid-murid akan membolehkan penguasaan kemahiran asas bacaan mereka dengan baik.

### **1.11.3 Bahasa Melayu**

Bahasa Melayu mengikut lakaran sejarah ialah sejenis bahasa Melayu-Polinesia di bawah keluarga bahasa Austronesia yang telah digunakan di wilayah Indonesia, Malaysia, dan persekitarannya sejak melebihi 1,000 tahun lagi. Bahasa Melayu ialah bahasa kebangsaan Malaysia, Indonesia, dan Brunei, serta juga salah satu bahasa rasmi di Singapura. Di Indonesia, bahasa Melayu kini dipanggil bahasa Indonesia, dan di Malaysia, bahasa Melayu juga dipanggil bahasa Malaysia. Selain daripada keempat-empat negara tersebut, bahasa Melayu juga dituturkan oleh

penduduk-penduduk Melayu di Thailand Selatan, Filipina, Kemboja, Vietnam, Sri Lanka dan Afrika Selatan.

Bahasa Melayu ialah bahasa yang digunakan oleh orang Melayu sebagai bahasa pertama (B1). Dalam konteks kajian ini, bahasa Melayu yang dimaksudkan ialah bahasa Melayu yang menjadi satu mata pelajaran yang diajarkan di peringkat *primary* iaitu Tahun 1 di sebuah Sekolah Siam Ban (atau kampung) Kholorkaway (sekolah kebangsaan peringkat rendah, di daerah Sri Sakorn, wilayah Narathiwat, Selatan Thailand). Bahasa Melayu Standard juga merupakan Bahasa Kedua (B2) kepada pelajar Melayu di sekolah ini.

#### **1.11.4 Murid Tahun 1**

Murid Tahun Satu (peringkat *primary*/ sekolah rendah) yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah murid-murid yang sedang belajar bahasa Melayu dalam kelas 1 (dalam bahasa Thai ialah Prathom Sek Sa 1) yang berumur dalam lingkungan umur 7 tahun khususnya bagi murid-murid yang berketurunan Melayu dan bahasa ibundanya ialah dialek Melayu Pattani. Murid-murid yang mengikuti kelas bahasa Melayu Tahun 1 ini terdiri daripada murid-murid yang tidak pernah mempelajari bahasa Melayu (Baku) secara formal. Mereka ini juga bertutur dalam bahasa Melayu dialek Pattani sebagai bahasa pertama.

#### **1.11.5 Sekolah Siam**

Sekolah Siam ialah sekolah kebangsaan kerajaan, merupakan sekolah yang dibantu oleh kerajaan dengan sepenuhnya sama ada dari segi kewangan, alat bantu

mengajar, alat-alat untuk pembelajaran, buku-buku teks, dan pakaian. Mengikut akta 49 (2550/2007) semua rakyat Thailand mempunyai hak untuk belajar dengan percuma dalam tempoh 15 tahun (iaitu dari peringkat prasekolah hingga peringkat sekolah menengah atas/ matthayom 6). Bantuan yang diberi oleh kerajaan ialah yuran pengajian, alat-alat pengajaran dan pembelajaran, pakaian sekolah dan buku-buku teks.

Sekolah Siam ialah sekolah yang mengajar mata pelajaran akademik dan vokasional, dan ada sebahagian aliran agama, iaitu mata pelajaran agama Islam dan Buddha. Mata pelajaran bahasa Melayu diajarkan dalam aliran agama kerana bahasa Melayu digunakan sebagai bahasa agama (diajarkan hanya 1 jam seminggu sahaja iaitu 40 jam setahun). Sekolah ini diajarkan bahasa Melayu Baku (Malaysia).

#### **1.11.6 Selatan Thailand**

Selatan Thailand yang dimaksudkan dalam kajian ini ialu kawasan yang meliputi wilayah Pattani, Narathiwat, Yala, Setun dan sebahagian di wilayah Songkhla. Menurut Abdulroya Panaemalae (1995: 59), memberi maksud Wilayah Sempadan Selatan Thailand pada mulanya dikenali dengan panggilan “Empat Wilayah Selatan” yang meliputi wilayah Pattani, Yala, Narathiwat, Setun, dan sebahagian dari wilayah Songkhla (Senggora). Kebelakangan ini nama itu dianggap kurang sesuai dan tepat oleh pemerintah, lalu diganti dengan nama “Wilayah Sempadan Selatan Thailand”.

Penguasaan kosa kata asas bahasa Melayu dalam kalangan murid Tahun 1 di sekolah Siam Ban Khorlogaway, daerah Sri Sakorn, wilayah Narathiwat, Selatan Thailand, dalam kontek kajian ini bertujuan untuk menganalisis kosa kata asas bahasa Melayu. Ia juga bertujuan untuk mengetahui level kemahiran membaca murid-murid Tahun 1, memahami apa yang dibaca oleh murid-murid Tahun 1, dan juga mengenal pasti faktor-faktor yang berkaitan dengan masalah penguasaan kosa kata asas bahasa Melayu dalam kalangan murid-murid Tahun 1. Murid-murid Tahun 1 yang berumur dalam lingkungan 7 tahun yang mempunyai kebolehan membaca yakni kanak-kanak normal. Murid-murid Tahun 1 mereka belajar bahasa Melayu sebagai bahasa kedua (B2).

Sekolah Siam merupakan sekolah bantuan kerajaan. Sekolah Siam ini sangat menarik untuk dijalankan kajian ini kerana sebelum ini tidak terdapat penyelidik yang mengkaji tentang penguasaan kosa kata asas bahasa Melayu dalam kalangan murid Tahun 1 di sekolah Siam dan juga di Selatan Thailand khususnya di Selatan Thailand bawah atau dikenali sebagai Wilayah Sempadan Selatan Thailand (WSST termasuklah wilayah Yala, Pattani, Narathiwat, Songkhla, dan Satun).

## 1.12 Kajian Literatur

Kajian tentang pemerolehan bahasa telah bermula sejak pertengahan dan lewat kurun ke-16 lagi (Zulkifly, 1990: 326-331). Pada tahun 1787, Tiederman telah memulakan kajianya dan diikuti oleh Preyer dan Sully pada 1882 dan 1885. Pada abad ke-20, lebih ramai sarjana yang mengkaji pemerolehan bahasa telah muncul seperti Skinner (1928). Beliau telah memperkenalkan “Teori Pelaziman Operan” dan

Braine (1963) pula telah meperkenalkan “Teori Konteksal Generalisasi” ini diikuti oleh golongan Mentalis seperti Noam Chomsky 1959, Bever, dan Fodor, dan Weskei 1965 yang menegaskan bahawa pemerolehan bahasa adalah disebabkan keupayaan semulajadi. Chomsky dalam bukunya yang bertajuk *Syntactic Structures*, (1957) telah melakukan kajian tentang perkembangan bahasa kanak-kanak.

Selepas itu, barulah banyak kajian pemerolehan bahasa yang telah dijalankan seperti Brown (1965), Burling (1970), Slobin (1971), Fisherman (1970) dan Piaget (1926,1952), Sinclair (1969, dan 1965), Wood (1981), Berstein (1961), Riessman (1962), K. Nelson (1973) dan lain-lain. M.CCarthy (1929) dalam bukunya *The Language Development of PreSchool*, beliau mengkaji perkembangan bahasa kanak-kanak daripada pelbagai latar belakang dan status di taman asuhan dan pratadika di Minneapolis. Beliau menjalankan kajian dengan mengkaji IQ dan perkembangan bahasa kanak-kanak berlainan jantina yang berumur antara 2 tahun hingga 6 tahun. Beliau mengkaji pemerolehan bahasa bilingualisme kanak-kanak di Poland, Itali, Slovakia, German, Finland, Switzerland, Norway, dan Esperanto. Dapatan kajian beliau menunjukkan kanak-kanak perempuan daripada golongan atasan atau profesional mempunyai IQ atau mental yang lebih tinggi berbanding dengan golongan bawahan.

Chomsky dalam bukunya ‘*Syntactic Structure*’ (1957) berpendapat bahawa kanak-kanak memperolehi sejumlah besar bahasa pertama hasil daripada pendedahan sejak daripada kecil sehingga menemukan tatabahasa secara implisit. Kanak-kanak akan menggunakan bentuk-bentuk ayat yang didengar mereka untuk mencapai kebolehan berkomunikasi. Justeru, dua aspek kebolehan komunikatif

kanak-kanak ialah pengetahuan bahasa dan pengetahuan tentang dunia. Aspek pengetahuan bahasa ialah aspek fonologi, sintaksis, dan semantik. Aspek pengetahuan dunia pula merupakan aturan-aturan menggunakan bahasa dalam dunia itu agar ujaran yang digunakan sesuai, kreatif, dan gramatis dalam lingkungan linguistik dan sosiolinguistik. Keupayaan ini termasuk aspek bertutur dan memahami apabila komunikasi berlaku.

Skinner (1957) meluaskan teori behaviorisnya bagi menghuraikan pembelajaran bahasa. Beliau berpegang pada prinsip bahawa pembelajaran berlaku dengan adanya rangsangan dan gerak balas. Kajian beliau dibuat berdasarkan eksperimen terhadap binatang, iaitu menggunakan burung merpati. Kesimpulan didapati adanya unsur rangsangan dan tindak balas yang mewujudkan tindakan pengukuhan. Ini merupakan asas dalam proses pembelajaran. Melalui teori tersebut menjelaskan bahawa pembelajaran bahasa merupakan satu aktiviti kebiasaan yang didapati dari proses pengulangan sesuatu aktiviti. Aliran ini menekankan bahagian luar bahasa merupakan kalimat-kalimat yang diperoleh menurut *Stimulus-Response (S-R)* dan dihasilkan secara mekanis.

Bahasa ialah satu pola tingkah laku khusus dan berkembang mengikut jadual biologinya dalam memperoleh bahasa kanak-kanak dan bukan akibat rangsangan dan tindak balas. Hipotesis tempoh kritikal yang dikemukakan oleh Skinner (1957) mengatakan terdapat alat perolehan bahasa yang terdapat di hemisfera kiri otak bagi manusia yang normal. Justeru, dalam satu jangka masa yang tertentu atau ketika masa terbaik untuk berkembang, kanak-kanak perlu didedahkan sepenuhnya kepada

penguasaan bahasa. Sekiranya masa terlangkau, pemerolehan bahasa kanak-kanak boleh terhalang dan mungkin lambat berlaku.

Pemerolehan bahasa merupakan satu bentuk kajian terhadap pertumbuhan bahasa kanak-kanak yang merujuk kepada proses atau akibat pembelajaran satu aspek bahasa yang tertentu seperti fonologi, morfologi, sintaksis, dan semantik yang akhirnya akan melibatkan proses pembelajaran bahasa pada keseluruhannya. Pemerolehan bahasa merujuk kepada kemampuannya sendiri yang berbeza daripada sistem orang dewasa.

Schlesinger (1971), telah mendefinisikan pemerolehan bahasa sebagai satu proses penguasaan rumus-rumus realisasi yang memetakan konsep semantik dalaman ke dalam ujaran-ujaran bahasa. Ada dua jenis rumus realisasi yang perlu diperolehi, iaitu rumus-rumus kedudukan dan rumus-rumus kategori (Juriah bin Long, 1993, dipetik daripada Nor Ismaliza bte Ismail, 2009: 16). Mangantar Simanjuntak (1987) menegaskan bahawa pemerolehan bahasa ialah proses-proses yang berlaku dalam otak kanak-kanak sewaktu memperolehan bahasa ibundanya. Oleh itu, terdapat perbezaan antara pemerolehan dan pembelajaran bahasa. Ini kerana pendapatnya, pembelajaran berlaku selepas selesai memperoleh bahasa ibudanya. Tegasnya, pemerolehan bahasa melibatkan bahasa pertama, manakala pembelajaran melibatkan mempelajari bahasa kedua atau bahasa asing.

Awang Mohd. Amin (1979), berpendapat bahawa pemerolehan bahasa merupakan cara-cara kanak-kanak menguasai bahasa ibundanya atau bahasa pertama, iaitu bahasa yang pertama kali didedahkan kepadanya sejak ia dilahirkan kedunia.

Pemerolehan bahasa juga bermaksud bagaimana kanak-kanak dapat menguasai bahasa pertama tanpa melalui proses pembelajaran yang formal dan intensif.

Krashen (1985: 1), berpendapat bahawa pemerolehan berlaku di bawah sedar, yakni sama dengan proses seorang kanak-kanak memproses bahasa yang diperoleh secara langsung. Pembelajaran pula berlaku secara sedar dan berkesudahan dengan mengetahui sesuatu. Bagi Krashen, tumpuan secara sedar kepada peraturan bahasa merupakan ciri pembeza konsep pemerolehan bahasa dengan pembelajaran bahasa. Pemerolehan (bawah sedar) dikaitkan dengan pertimbangan “perbuatan” merasa sama ada peraturan yang digunakan *sound right or feel right* atau tidak.

Kesimpulannya, pemerolehan bahasa kanak-kanak diperoleh sejak mereka dilahirkan. Pendedahan dengan bahasa pertama oleh persekitaran mereka serta perkembangan kognitif membantu mereka berbahasa dan menguasainya tanpa melalui proses pembelajaran yang formal.

#### **1.12.1 Kajian dalam Bidang Bacaan di negara Barat**

Tokoh-tokoh bahasa di barat yang telah menjalankan kajian dalam bidang bacaan permulaan, berpendapat bahawa kanak-kanak pra sekolah dan yang sedang belajar di ‘grade’ I, II, dan III di sekolah rendah cepat membaca jika mereka sudah mengenal huruf-huruf abjad dan bunyi-bunyinya terlebih dahulu. Mereka juga mendapati IQ atau ukuran darjah kecerdasan dan kebijaksanaan bertutur kanak-kanak itu, tidak dapat menentukan bahawa kanak-kanak itu akan dapat belajar membaca dengan cepat. Kebolehan mereka mengenal huruf dan bunyinya sahaja yang boleh

dijadikan sebagai ukuran sama ada mereka akan dapat membaca dengan cepat, iaitu setelah diajar membaca secara formal.

Satu kajian oleh James S. Chall (Chall, J.S. 1967: 146) dilakukan ke atas 48 orang kanak-kanak miskin di grade dua, bagi meninjau jika ada perkaitan di antara pengetahuan mereka dalam bidang huruf dan fonik dengan kebolehan mereka membaca. Kajian ini telah menghasilkan pertalian-pertalian yang tinggi iaitu  $r = .91$  di antara pengetahuan dalam bidang fonik dengan kebolehan lisan, dan  $r = .92$  di antara pengetahuan dalam bidang fonik dan kebolehan membaca tanpa bersuara. Forman (Chall, J.S. 1967: 147) menjelaskan kajiannya ke atas 82 orang kanak-kanak yang lemah membaca dari gred empat dan beliau mendapati perkaitan yang agak tinggi juga ( $r = .58$ ) di antara pengetahuan mereka dalam bidang fonik dengan kebolehan mereka membaca.

Jeanne Chall (1967: 150), mengulas tujuh belas kajian yang berkaitan dengan perkara ini, dan beliau telah membuat kesimpulan iaitu:

- 1- Kanak-kanak akan dapat membaca dengan cepat jika mereka telah mengenal huruf-huruf abjad terlebih dahulu
- 2- Kanak-kanak akan dapat membaca dengan cepat jika mereka telah boleh membunyikan sebilangan daripada huruf-huruf abjad dan membezakan bunyi-bunyi yang sama dengan yang berlainan.
- 3- Pengetahuan dalam bidang huruf dan bunyinya yang ada pada kanak-kanak itu boleh menentukan kebolehan mereka belajar membaca, dan bukan IQ.
- 4- Kanak-kanak masih perlu mempelajari bunyi-bunyi huruf-huruf abjad di ‘grade’ III dan seterusnya.

- 5- Hasil kajian menunjukkan ada pertalian yang tinggi di antara pengetahuan kanak-kanak itu dalam huruf-huruf dan bunyinya dengan kebolehan mereka membaca secara mekanikal.

Kanak-kanak yang baru memasuki sekolah rendah adalah daripada yang telah menerima dan yang belum menerima pengajaran secara formal dan tidak formal dalam bidang mengenal huruf dan bunyinya. Sebelum belajar membaca kanak-kanak ini perlu diperkuuhkan pengetahuannya dalam bidang huruf dan bunyinya. Mereka perlu diajar mengenalnya sebagai persediaan untuk menerima pengajaran bacaan secara formal. Selagi mereka belum mengenalnya, selagi itu mereka belum bersedia bagi mengikut pengajaran bacaan itu. Kebolehan membaca dalam bidang pelajaran seolah-seolah tiang kepada rumah atau akar kepada pokok. Jika kanak-kanak itu belum boleh membaca sukar baginya menerima pelajaran-pelajaran yang lain. Rumah itu akan runtuh jika tiangnya tidak tegap lagi dan pokok-pokok tidak akan hidup jika akar-akarnya mati. Kanak-kanak perlu berpegang dan berpandu kepada kemahiran-kemahiran asas dalam bacaan seperti mana pokok berharapkan kepada akar-akarnya yang sihat untuk tumbuh. Mungkin masa yang lebih lama diperlukan bagi mengajar mereka mengenal kemahiran-kemahiran ini dan ini tidak patut dibimbangkan. Pelajaran-pelajaran yang diajar akan dapat diterima dan berfaedah apabila mereka sudah boleh membaca dengan sendiri.

### 1.12.1.1 Kajian Tentang Pemerolehan dan Penguasaan Bahasa Kanak-kanak

Antara kajian-kajian tentang pemerolehan dan penguasaan bahasa kanak-kanak yang telah dijalankan oleh tokoh-tokoh barat iaitu Carro (1961), Layton (1979), Prudeaux (1984), dan Reeder (1987).

Carro (1961), dalam tulisannya yang bertajuk "*Language Development in Children*", menyatakan bahawa murid-murid lebih dipengaruhi oleh dialek ibundanya dan sistem bahasanya yang tersendiri (dipetik dalam Muhammad Saiful Haq Hussin 2010 : 23).

Layton (1979), dalam bukunya bertajuk "*The Psychology of Learning To Read*", menyatakan perkaitan antara belajar, mengajar dan cara-cara membaca. Fokus utama ialah bacaan berdasarkan psikologi. Beliau turut melihat perkaitan dan perkembangan bahasa pada peringkat kanak-kanak. Beliau turut membincangkan sebab murid-murid harus membuat persediaan untuk membaca, dan cara emosi mempengaruhi membaca seseorang murid.

Di samping itu, beliau membincangkan teori psikologi yang berkaitan dengan teori perolehan membaca. Beliau mengatakan kesan belajar dan ingatan dapat membantu kita, sebab sesetengah murid-murid dapat membaca dengan baik.

Prudeaux (1984), menjelaskan kajian yang ada kaitan dengan teori psikolinguistik. Prudeaux menjalankan kajian ini di makmal. Beliau serba sedikit menyentuh perihal perolehan dan penguasaan bahasa. Beliau menyatakan murid

normal akan mempelajari bahasa dengan mudah dan cepat. Perolehan dan penguasaan bahasa di kalangan murid-murid ialah proses semula jadi dan normal dalam kehidupan mereka. Perolehan dan penguasaan bahasa memberikan maklumat yang penting kepada pengkajian linguistik.

Reeder (1987), menjalankan kajian psikolinguistik tentang cara murid-murid mempelajari sifat-sifat linguistik dalam situasi perbualan. Murid-murid membezakan ayat dengan menggunakan strategi pragmatik.

Reeder menggunakan penilaian paradigma frasa prafeasa untuk melihat kesan struktur kontekstual terhadap jawapan yang diberikan oleh murid-murid pra sekolah. Dalam kajian ini permainan ‘puppet’ digunakan bagi mengajak murid-murid berinteraksi (*ibid* : 23-24).

Kajian psikologi yang dijalankan di Barat banyak membantu meningkatkan kajian psikologi di Malaysia dan juga di Thailand.

### **1.12.2 Kajian dalam Bidang Bacaan Asas Bahasa Melayu di Malaysia**

Tidak banyak kajian mengenai penguasaan bacaan asas bahasa Melayu di peringkat Tahun 1 dilakukan. Antara kajian tentang kemahiran bacaan asas bahasa Melayu yang telah dijalankan akan dibincangkan di bawah ini. Kajian-kajian tersebut meliputi berbagai-bagai aspek bahasa:

Atan bin Long (1970), telah membuat penyelidikan berhubung dengan pengajaran permulaan bacaan Bahasa Malaysia kepada murid-murid Melayu yang normal berumur di antara 6 hingga 7 tahun. Beliau telah cuba membuat perbandingan di antara dua kaedah yang dinamakan kaedah tradisional dan kaedah moden. Setelah dikaji dan diujinya beliau membuat beberapa saranan dan cadangan. Beliau mencadangkan supaya dalam beberapa pelajaran permulaan bahan bacaan mestilah terdiri dari seluruh perkataan yang bermakna supaya dapat menyuburkan minat murid. Sebaliknya beliau mengkritik kaedah abjad dan kaedah pandang-dan-sebut. Kaedah abjad baginya memakan masa yang lama dan akan membosankan murid-murid. Kaedah pandang-dan-sebut pula tidak sesuai bagi mengajar bacaan Bahasa Malaysia kerana katanya penyebutan sesebuah perkataan merupakan satu tugas yang amat berat dan mengelirukan murid.

Kajian yang pernah dilakukan oleh Zaidah Bt. Hj.Othman (1978), yang bertajuk "*Satu Kajian Mengenai Kemahiran Asas Bacaan Murid-Murid Darjah II Dari Segi Huruf, Suku Kata dan Gabungan Bunyi-Bunyi Suku Kata*". Dalam kajian ini beliau menumpukan perhatian kepada lima aspek kemahiran asas bacaan dan kebolehan membaca iaitu: menamakan huruf-huruf abjad dan hubungannya dengan kebolehan membaca, membunyikan huruf-huruf abjad dan perkaitannya dengan kebolehan membaca, membaca dan membunyikan suku kata-suku kata dalam perkataan dan pertaliannya dengan kebolehan membaca, seterusnya menggabungkan bunyi-bunyi suku kata dan hubungannya dengan kebolehan membaca, dan akhirnya kebolehan membaca terus (tanpa mengeja bersuara) perkataan-perkataan dan ayat-ayat.

Kajian beliau difokuskan kepada murid-murid darjah II sebanyak 96 orang dari dua buah sekolah kebangsaan di Petaling Jaya. Sekolah-sekolah yang dipilih adalah sekolah campuran yang berbeza taraf kedudukannya dari segi kemajuannya dan tempatnya.

Hasil kajian beliau, menunjukkan perbezaan yang nyata di antara murid-murid dari Sekolah Kebangsaan Sri Petaling dengan murid-murid dari Sekolah Kebangsaan Petaling dalam pencapaian-pencapaian ujian-ujian yang telah dijalankan oleh mereka. Perbezaan ini menunjukkan adanya pengaruh dari situasi sekolah, keadaan latar belakang murid-murid dan alam persekitaran mereka. Pencapaian yang lebih baik diperolehi oleh murid-murid dari Sekolah Kebangsaan Sri Petaling yang terletak di Tengah kawasan perumahan keluarga dari kelas-kelas pertengahan dan atasan. Keadaan latar belakang murid-murid yang menghadiri sekolah ini adalah faktor penting yang pencapaian mereka itu. Kebanyakan mereka adalah daripada keluarga yang sosio-ekonominya pertengahan dan tinggi. Sikap ambil berat dan ambil tahu dalam pelajaran mereka oleh ibu bapa, menjadi satu pendorong yang kuat bagi mereka berusaha belajar dan juga guru-guru mereka lebih berwaspada dan kreatif. Segala kemudahan yang diperolehi ini menghasilkan alam persekitaran yang agak sempurna bagi membantu pembelajaran bacaan dari peringkat awal lagi.

Sebaliknya, Sekolah Kebangsaan Petaling pula terletak di pinggir kawasan bandaran Petaling Jaya dan Wilayah Persekutuan. Kebanyakan murid-murid yang belajar di sekolah ini adalah dari keluarga kaum buruh yang kedudukan sosio-ekonomi keluarga mereka, sikap ibu bapa mereka terhadap pelajaran mereka dan persediaan-persediaan yang diterima oleh mereka diluar sekolah tidaklah begitu baik.

Mereka hanya berharap kepada sekolah untuk memperolehi bahan-bahan bacaan bertulis dan kepada guru-guru mereka untuk mendapatkan tunjuk ajar yang diperlukan.

Kajian beliau menunjukkan bahawa murid-murid yang telah mengenal bentuk huruf-huruf abjad dan bunyinya didapati boleh membunyikan suku kata-suku kata dengan betul. Sebilangan kecil yang telah mengenal bentuk huruf-huruf abjad tetapi tidak boleh mengetahui bunyi-bunyinya, mereka juga didapati tidak boleh membunyikan kebanyakan suku kata dengan betul. Kebanyakan murid pula tidak dapat membunyikan huruf-huruf abjad satu persatu tetapi dapat membunyikan suku kata (gabungan beberapa huruf abjad) dengan betul.

Hasil kajian beliau memperlihatkan tiga masalah penting yang perlu dititikberatkan tatkala merancangkan pelajaran-pelajaran bacaan permulaan bahasa Malaysia pada peringkat awal bagi murid-murid yang normal dan bagi pengajaran imbuhan. Masalah-masalahnya ialah:

1. Masalah strategi mengenal bunyi perkataan,
2. Masalah kefahaman makna perkataan terutama bagi murid-murid yang bahasa ibundanya bukan bahasa Melayu, dan
3. Masalah terlupa atau lemah dalam ingatan (Zaidah Bt.Otman, 1978 : 147).

Hasil kajiannya menunjukkan bahawa dalam pembelajaran bacaan Bahasa Malaysia di peringkat awalnya terdapat beberapa kelemahan dalam aspek-aspek seperti :

1. menamakan huruf-huruf abjad,
2. membaca dan membunyikan suku kata-suku kata, dan
3. menggabungkan bunyi-bunyi suku kata.

Berdasarkan kepada kelemahan-kelemahan ini beliau seterusnya membuat beberapa cadangan iaitu :

1. Murid-murid yang lemah dalam kebolehan membaca perlulah diberi latihan mengenal bentuk-bentuk huruf dan membunyikannya. Ini akan menolong murid-murid membunyikan suku kata dan seterusnya membunyikan perkataan-perkataan.
2. Bagi murid-murid yang lemah dalam mengenal bunyi suku kata berpadu, penyelidik mencadangkan supaya kaedah campuran digunakan seperti terdapat dalam "Sukatan Pelajaran Bahasa Malaysia Untuk Sekolah Rendah". Murid-murid mula-mula dilatih dengan bunyi suku kata lepas seperti bunyi 'ba', 'bi', 'bu', 'be', 'bo' dengan contoh-contoh perkataannya. Kemudian beralih pula dengan melatih tubi murid-murid dengan bunyi suku kata berpadu seperti 'ba', 'ban', 'bas', 'bar' seperti kumpulan suku kata bebas sebelumnya.
3. Mengenai kelemahan dalam menyuarakan perkatan-perkataan bertulis secara spontan dan perkara terlupa akan bunyi suku kata yang telah disebut dahulunya, penyelidik mencadangkan supaya menghadkan latihan kebolehan membunyikan suku kata kepada peringkat awal kanak-kanak belajar membaca dan kebiasaan mengeja nama huruf dalam setiap suku kata diganti dengan hanya membunyikan suku kata itu sahaja. Contohnya perkataan 'tali', murid cuma membunyikan suku kata 'ta' tanpa mengeja 'ta', dan begitu juga bagi suku kata 'li', kemudian menggabungkan bunyi keseluruhannya menjadi 'tali'.

4. Untuk mengelak sebutan salah disebabkan murid-murid lemah menyebut perkataan berkenaan, penyelidik mengesyorkan supaya guru bahasa mengambil masa untuk mendengar murid-murid lemah menyebut perkataan seorang demi seorang atau dalam kumpulan kecil yang tidak lebih dari tiga orang murid.
5. Menyentuh tentang kaedah penyampaian penyelidik berpendapat bahawa kaedah suku kata dalam pengajaran permulaan perlu dibaiki kerana ada bukti-bukti menunjukkan bahawa kaedah suku kata yang tersusun rapi boleh mendatangkan hasil yang baik kerana Bahasa Malaysia itu terbentuk daripada gabungan bunyi-bunyi suku kata.

Ishak Haron (1979), telah menjalankan satu penyelidikan tentang beberapa kaedah mengajar murid-murid membaca di peringkat awal. Hasil daripada kajian beliau itu didapati bahawa Kaedah Gabungan (Kaedah Elektik), iaitu dengan cara mencuba memasukkan ciri-ciri yang baik daripada kaedah fonik dan kaedah seluruh perkataan. Penemuan beliau ini berasaskan kepada:

1. Sistem ejaan bahasa Melayu adalah bersifat ‘alphabetic’ dan fonemik, yakni ada hubungan yang erat di antara simbol/ huruf dan bunyinya.
2. Suku kata perkataan-perkataan dalam bahasa Melayu adalah jelas (jika dibandingkan dengan bahasa-bahasa lain, misalnya dengan bahasa Inggeris).
3. Ciri-ciri yang baik daripada kaedah fonik dan kaedah seluruh perkataan boleh digabungkan.
4. Murid-murid Melayu yang baru melangkah masuk ke Tahun 1. rata-ratanya telah pun mempunyai dan menguasai perbandaharaan kata bahasa Melayu yang mencukupi untuk terus membaca.

Berdasarkan sifat-sifat yang istimewa dalam sistem ejaan bahasa Melayu dan struktur perkataan dan ayat Melayu, kita boleh mencipta kaedah mengajar membaca bahasa Melayu yang tersendiri, sesuai dan mudah dipelajari oleh kebanyakan murid-murid Melayu.

Sofiah Hamid (1981) telah membuat kajian selama dua bulan untuk membuat perbandingan dua pendekatan “*Terus Membaca*” dan pendekatan “*Abjad Suku Kata*” di peringkat awal darjah satu. Melalui analisis data yang dibuat, kajiannya membuktikan bahawa pendekatan “*Abjad Suku Kata*” adalah lebih berkesan daripada pendekatan “*Terus Membaca*”. Penemuan kajiannya juga telah membuktikan bahawa dalam pengajaran bacaan bahasa Malaysia di peringkat awal, kemahiran-kemahiran asas bacaan perlu diperkuuhkan sebelum murid-murid itu diajar membaca ayat. Seterusnya beliau menyenaraikan kemahiran-kemahiran asas seperti berikut :

1. menama dan membunyikan huruf-huruf abjad dalam suku kata,
2. menghubungkan huruf dengan bunyinya dalam suku kata,
3. membunyikan suku kata dalam perkataan, dan
4. menggabungkan bunyi-bunyi suku kata-suku kata dalam perkataan

Kajian yang pernah dilakukan oleh Khamis Maarof pada tahun 1984, yang bertajuk “*Satu Percubaan Untuk Mengukur Kebolehan Membaca Murid-Murid Di Peringkat Darjah Dua*” bertujuan untuk mengukur kebolehan membaca bagi murid-murid di peringkat tahun dua tahap pertama dalam program Kurikulum Baru Sekolah Rendah. Kajian beliau juga turut menumpukan perhatian kepada dua aspek kemahiran asas bacaan iaitu :

- (a). Bacaan dan kefahaman secara lisan, dan
- (b). Bacaan dan kefahaman secara bertulis.

Kajian beliau dapat dirumuskan bahawa dalam pengajaran dan pembelajaran bacaan Bahasa Malaysia di peringkat awal perkara-perkara penting yang harus diambil perhatian ialah :

- (a). Mengenal bentuk-bentuk huruf dan bunyi-bunyinya,
- (b). Menggabungkan huruf-huruf dan bunyinya yang membentuk suku kata-suku kata lepas dan berpadu,
- (c). Mengesan dan membaca suku kata-suku kata di dalam perkataan-perkataan,
- (d). Memperkuuhkan kemahiran membaca dan memahami melalui gabungjalin pelajaran bacaan secara lisan dengan kerja-kerja bertulis di dalam sesuatu pelajaran yang dirancang,
- (e). Menyusun dan memeringkatkan bahan-bahan pengajaran mengikut tahap pencapaian murid-murid yang diajar,
- (f). Menggunakan alat-alat bantu yang sesuai seperti gambar-gambar, kad-kad huruf, suku kata dan perkataan-perkataan. Alat-alat ini akan membantu dan mempercepatkan proses penguasaan kemahiran-kemahiran asas membaca.

Abdul Aziz Abdul Talib (1985), telah menjalankan satu ujian diagnostik yang menganalisis masalah mengenal abjad di kalangan 1,215 orang murid yang didapati membaca pada peringkat bimbingan dan 4,158 orang didapati membaca dalam peringkat kecewa daripada keseluruhan sampel sebanyak 16,806 orang. Sampel ini

terdiri daripada murid-murid yang belajar di Tahun 1 hingga Tahun 6 (KBSR & KLSR) di 287 buah sekolah yang berbahasa pengantar bahasa Melayu, bahasa Cina dan bahasa Tamil.

Mangantar Simanjuntak (1985), menegaskan bahawa peringkat persekolahan harus memberikan masukan kepada peringkat lain, iaitu dari bawah ke atas seperti yang ditunjukkan dalam rajah di bawah (Rujuk Rajah 1).

Turut ditegaskan ialah pengajaran membaca dan menulis sebagai komponen penting dalam kurikulum 3M dan TADIKA. Pengajaran ini harus mempunyai kesinambungan dua arah dengan kurikulum 3M sekolah rendah. Lagi pun antara satu tahap dengan satu tahap yang lain itu mempunyai kesinambungan yang tidak dapat dipisahkan secara terang dan nyata, kerana saling berkaitan antara satu sama lain.



*Sumber : Mangantar Simanjuntak (1985: 3)*

Rajah 1.4 : Peringkat Persekolahan harus memberikan masukan kepada peringkat lain.

Pendekatan yang diterangkan oleh Mangantar Simanjuntak ialah pendekatan psikolinguistik yang dikaitkan dengan pembelajaran bahasa oleh murid-murid di TADIKA. Beliau melihat pengajaran membaca mempunyai perkaitan dengan pemerolehan dan penguasaan bahasa murid-murid. Penemuan utama beliau ialah perolehan bahasa dan keupayaan membaca seseorang murid bermula sejak dilahirkan; dan murid-murid akan mempelajari dunia melalui pancaindera mereka. Dasar perolehan dan penguasaan bahasa dan bacaan, iaitu berbahasa dan membaca tidak mungkin berlaku tanpa pengetahuan tentang dunia ini.

Mangantar Simanjuntak turut membincangkan teori dan pendekatan psikolinguistik yang bersesuaian untuk digunakan dalam pembacaan pada peringkat permulaan. Beliau mengesyorkan supaya guru-guru mewujudkan satu persekitaran yang menyeronokkan bagi murid-murid agar mereka dapat belajar tanpa merasa terkongkong.

Kajian yang dilakukan oleh Nani Bt. Menon pada tahun 2000, dalam tajuk *"Keberkesanan kaedah gabungan bunyi kata dalam kebolehan awal bacaan di kalangan kanak-kanak pra-sekolah"* Tesis Sarjana, Fakulti Ekologi Manusia: Universiti Putra Malaysia. Kajian beliau bertujuan tuntuk menentukan keberkesanan awal bacaan kaedah Gabungan Bunyi Kata iaitu model pendekatan bawah ke atas. Kajian beliau dijalankan ke atas 32 kanak-kanak prasekolah berumur lima tahun yang terdiri 19 kanak-kanak dari kumpulan eksperimen iaitu kumpulan yang diberikan rangsangan awal bacaan dan 13 kanak-kanak sebagai sampel kumpulan yang tidak diberi rangsangan awal bacaan. Kaedah ini mengandungi beberapa ujian termasuklah

ujian kenal huruf, membaca suku kata, membaca perkataan dan ayat mudah serta ujian membaca rangkai kata.

Hasil kajian beliau menunjukkan bahawa keberkesanan awal bacaan di antara pra ujian dan pos ujian kedua-dua kumpulan kawalan dan eksperimen telah menunjukkan perbezaan yang signifikan ke atas ujian suku kata dengan keputusan memadam suku kata ( $F_{2,28}=7.06$ ,  $p<0.05$ ), membunyikan suku kata ( $F_{2,28}=20.88$ ,  $p<0.05$ ). Ujian membawa perkataan menunjukkan keputusan ujian baca cantumkan suku kata jadi perkataan menunjukkan nilai ( $F_{2,28}=9.9$ ,  $p<0.05$ ), ujian baca dan padankan perkataan yang sama ( $F_{2,28}=19.09$ ,  $p<0.05$ ), dan ujian cari perkataan yang sama juga menunjukkan nilai ( $F_{2,28}=21.52$ ,  $p<0.05$ ) dan ujian cari perkataan yang sama menunjukkan nilai ( $F_{2,28}=13.71$ ,  $p<0.05$ ). Keputusan ujian membaca ayat iaitu membaca ayat mudah menunjukkan nilai ( $F_{2,28}=14.15$ ,  $p<0.05$ ), dan ujian baca rangkap ayat menunjukkan nilai ( $F_{2,28}=10.65$ ,  $p<0.05$ ). Keputusan ujian tersebut menunjukkan peningkatan yang signifikan di peringkat pos ujian ke atas kebolehan awal bacaan kanak-kanak.

Hasil kajian beliau menunjukkan program awal bacaan kaedah gabungan bunyi kata mempunyai kesan langsung terhadap kemahiran membaca suku kata, perkataan dan ayat. Kanak-kanak yang diberi rangsangan bacaan telah meningkatkan tahap kebolehan bacaan dari tahap 0 (pra bacaan) ke tahap 1 (awal bacaan). Kaedah ini juga dapat meningkatkan kebolehan membaca ayat ke tahap optimal (Nani Bt. Menon, 2000: iii-v).

Kajian dilakukan oleh Muhammad Saiful Haq Bin Hussin, 2001 yang bertajuk “*Masalah Penguasaan Kosa Kata Asas Bahasa Melayu dalam Kalangan Murid Tahun 1 di Sekolah Kebangsaan*”. Dalam kajian ini beliau meninjau masalah penguasaan bahasa Melayu yang wujud pada peringkat Tahun 1, iaitu sewaktu murid menerima asas pendidikan formal di sekolah. Kajian yang dijalankan oleh beliau ialah di Sekolah Kebangsaan Morak yang terletak di dalam daerah Tumpat, Kota Bharu, Kelantan. Subjek kajian terdiri daripada murid berbangsa Melayu kesemuanya. Murid tersebut berada dalam lingkungan umur 7 tahun. Sebanyak 20 peratus bersamaan 30 orang pelajar daripada keseluruhan murid Tahun 1 (sesi 2001) yang berjumlah 148 orang, telah dijadikan subjek kajian.

Hasil kajian didapati bahawa kumpulan cerdas menurun sebanyak 43.4 peratus bersamaan 13 orang murid angka ini menunjukkan perbezaan yang paling ketara dan kumpulan sederhana pula meningkat pertambahannya sebanyak 40.0 peratus bersamaan 12 orang murid, manakala kumpulan lambat pula tidak menunjukkan sebarang perbezaan dengan peratusannya sebanyak 10.0 peratus bersamaan dengan 3 orang murid.

Hasil kajian membuktikan bahawa murid dapat menguasai kosa kata asas dalam bahasa Melayu pada peringkat huruf dengan memuaskan, tetapi apabila sampai ke bahagian suku kata, bahagian kosa kata, bahagian frasa dan seterusnya bahagian ayat didapati penguasaan murid tadi menjadi lebih bermasalah. Masalah ini dapat dilihat dalam usaha mereka menguasai kemahiran yang melibatkan suku kata tertutup (*kvk*) berbanding dengan kefahaman mereka terhadap suku kata terbuka (*kv*). Namun

demikian ada juga murid tersebut yang dapat menguasai bahagian tersebut dengan baik.

Hal ini membuktikan bahawa murid hanya dapat mengenali, memahami, dan menulis huruf. Pada peringkat yang lain murid ini gagal memahami dan menguasai kosa kata yang abstrak sifatnya. Oleh itu didapati murid ini hanya mampu menguasai kosa kata yang dianggap mudah, senang dan bersifat konkret untuk dikuasai oleh mereka.

Pada peringkat perkataan juga didapati murid agak lemah untuk menguasai perkataan yang mengandungi suku kata tertutup (*kvk +kvkk*) dan perkataan yang mengandungi lebih daripada dua suku kata. Pencapaianya agak lebih baik dalam menguasai kosa kata yang mengandungi diftong, vokal berganding dan gugusan konsonan. Hal ini demikian kerana perkataannya diwakili oleh perkataan yang konkret dan dibantu dengan gambar sebagai bahan rangsangan.

Roziah bt. Abd. Hamid (2005), kajian beliau bertajuk "*Meningkatkan Kemahiran Membaca Murid-Murid Tahun 1 Dengan Latih-Tubi Menggunakan Suku Kata Dan Gambar*". Kajian beliau bertujuan untuk meningkatkan kemahiran membaca murid-murid Tahun 1 digunakan kad suku kata dan gambar, untuk merancang tindakan bagi mengatasi masalah membaca, dan akhirnya untuk menilai keberkesanan penggunaan kad suku kata dan gambar dalam meningkatkan penguasaan kemahiran membaca dengan lancar.

Dapatan kajian beliau mendapati bahawa tahap pencapaian dan penguasaan pelajar terhadap kemahiran membaca dengan menggunakan kad suku kata dan gambar telah dapat ditingkatkan. Dalam ujian pra, peratusan yang diperolehi bagi 1 suku kata ialah 50 peratus, dua suku kata ialah 20 peratus, dan tiga suku kata adalah 0 peratusan. Dalam ujian pasca pula, peratusan bagi ujian satu suku kata telah meningkat kepada 90 peratusan, dua suku kata ialah 60 peratus, dan tiga suku kata 20 peratus. Ini menunjukkan peningkatan yang agak memberangsangkan. Ketika beliau menjalankan kajian terdapat pelbagai rintangan yang terpaksa dihadapi. Antara masalahnya ialah kekangan masa, pelajar yang buta huruf, tidak boleh membatang perkataan, mudah lupa apa yang telah dibaca dan tidak memberi tumpuan terhadap aktiviti yang dijalankan.

Menurut Azizah Bt. Zain pada tahun 2007(*on-line*), dalam kajiannya bertajuk “*Penggunaan Bacaan Berulang Dapat Mempertingkatkan Kelancaran dan Kefahaman dalam Kalangan Kanak-Kanak Prasekolah*”. Kajian beliau bertujuan mengenal pasti kesan penggunaan bacaan berulang dalam mempertingkatkan kelancaran dan kefahaman dalam kalangan kanak-kanak pra sekolah. Seramai 40 orang kanak-kanak prasekolah dari dua buah prasekolah daerah yang telah dipilih untuk dijadikan sampel dalam kajian eksperimen ini. Kanak-kanak dibahagikan secara rawak kepada dua kumpulan iaitu kumpulan kawalan dan rawatan. Ujian kelancaran dan kefahaman dijalankan dengan menggunakan Tahap Penilaian Kelancaran dan Tahap Penilaian Kefahaman dalam pra ujian dan pos ujian. Data dianalisis menggunakan statistik diskriptif, inferensi dan perbandingan min. Dapatan kajian beliau menunjukkan kelancaran sampel dari kumpulan rawatan meningkat selepas menggunakan kaedah bacaan berulang. Penilaian Tahap Kefahaman

kumpulan kawalan dan rawatan juga menunjukkan berlaku perbezaan peratus peningkatan dengan lebihan peratus pada kumpulan rawatan. Analisis ujian T berpasangan menunjukkan terdapat perbezaan min yang signifikan antara kumpulan kawalan dan rawatan pada pos ujian untuk Penilaian Tahap Kefahaman.

Dapatan kajian beliau menunjukkan tahap kefahaman kanak-kanak semakin meningkat. Ini berdasarkan dapatan daripada pos ujian yang dijalankan dengan menggunakan soalan yang sama semasa pra ujian. Walaupun kumpulan kawalan turut menunjukkan peningkatan namun peningkatan adalah lebih tinggi di kumpulan rawatan melalui ujian T. Kefahaman adalah penting dan merupakan faktor mengapa seseorang itu membaca seperti yang dinyatakan oleh Anderson (2004), kefahaman adalah memahami apa yang dibaca dan merupakan tujuan utama dalam membaca.

### **1.13 Kesimpulan**

Kesimpulannya, dalam bab ini pengkaji menerangkan latar belakang kajian, sistem pendidikan di Thailand, bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi, bahasa Melayu di Pattani, bahasa yang diajar di sekolah dan di universiti, menentukan empat objektif kajian, permasalahan kajian, menerangkan kepentingan kajian, bidang kajian, batasan kajian serta menerangkan definisi konsep yang digunakan dalam kajian ini. Pengkaji juga menerangkan beberapa perkara penting yang berkait rapat dengan kajian yang dijalankan.

Secara keseluruhan, kajian ini ingin melihat dan mengenal pasti tahap penguasaan bacaan asas bahasa Melayu dalam kalangan murid Tahun 1 Sekolah Siam Ban Khorlogaway, daerah Sri Sakorn, wilayah Narathiwat, berpandukan alat kajian iaitu rekod pencapaian murid berdasarkan *Modul Asas Membaca Tahun 1(Edisi 1)* (sila rujuk lampiran 9 halaman 225) yang dihasilkan oleh Dr. Muhammad Saiful haq Hussin). Modul Asas Membaca Tahun 1 Edisi 1 merupakan modul yang begitu sesuai dengan tahap permulaan dan mudah difahami untuk murid-murid Tahun 1 kerana murid-murid tersebut adalah murid-murid yang tidak ada langsung asas bacaan bahasa Melayu.

## BAB II

### KERANGKA TEORI DAN METODOLOGI KAJIAN

#### 2.0 Pendahuluan

Reka bentuk kajian amat penting dalam setiap penyelidikan. Reka bentuk kajian yang sesuai dengan tujuan dan objektif kajian akan menghasilkan dapatan kajian yang benar dan akan memberi kesan yang positif kepada pengkaji-pengkaji lain yang merujuk hasil kajian tersebut. Setelah merancang, meneliti dan menyediakan kaedah pengajaran dan pembelajaran bacaan asas bahasa Melayu serta bahan (ujian diagnostik untuk menilai tahap kebolehan murid-murid Tahun 1, rekod pencapaian murid ujian pra dan juga pasca) untuk pengujian penguasaan bacaan asas dalam kalangan murid-murid Tahun 1 di Sekolah Siam Ban Khorlogaway, Daerah Sri Sakorn, wilayah Narathiwat, Selatan Thailand. Pengkaji telah mengenal pasti reka bentuk kajian, kerangka teori, lokasi kajian, sampel, subjek kajian, kaedah kajian, pendekatan kajian, tatacara kajian, kajian rintis, prosedur kajian dan kajian sebenar yang bersesuaian dengan objektif kajian seperti yang telah ditentukan di dalam bab terdahulu.

#### 2.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini adalah berbentuk penyelidikan dengan membuat pengajaran dan pengujian di sebuah sekolah Siam Ban Khorlogaway, Daerah Sri Sakorn, wilayah Narathiwat, Selatan Thailand (peringkat sekolah rendah) yang telah dikenalpasti.

Tujuannya adalah untuk melihat tahap kebolehan penguasaan dan masalah penguasaan kosa kata asas dalam kalangan murid-murid Tahun 1, dan seterusnya mencari jalan penyelesaian untuk mengatasi masalah tersebut.

## 2.2 Kerangka Teori

Setiap penyelidikan perlu disertakan dengan kerangka teori bagi meletakkan asas penyelidikan. Bagi penyelidikan ini, pengkaji akan mengaplikasikan dua teori yang berkaitan hubungannya dengan perolehan dan penguasaan bahasa, iaitu teori Behaviourisme dan Teori Mentalisme.

### 2.2.1 Kajian Tentang Teori Behaviourisme

Psikologi merupakan satu bidang yang kuat mempengaruhi bidang pembelajaran bahasa. Teori psikologi ini menyelidik tabiat dan tingkah laku. Di sini pengkaji akan menyentuh teori behaviourisme yang bersangkutan dengan implikasi pembelajaran bahasa. Aliran behaviourisme menganggap bahawa pembelajaran sebagai perubahan dalam tingkah laku. Teori pembelajaran mereka pada umumnya berfokuskan kepada perubahan dalam tingkah laku yang dapat diperhatikan.

Dalam kurun ke-19, aliran kajian psikologi di Amerika mula bergerak berpisah daripada pemikiran sarjana di Eropah. J.B. Watson (1878-1958) professor psikologi di universiti John Hopkins mengarang bukunya, *Psychology From The Stand point of a Behaviorist* (1919). Dalam kajiannya, dia hanya mengkaji lakuan dan tidak mementingkan pengalaman sedar. Lakuan padanya hanyalah gerak-gerak

otot dan tidak lebih daripada itu. Penafianya terhadap sesuatu yang subjektif menyebabkan dia dapat membuat kajian terhadap perkara-perkara yang sedar. Inilah sumbangan yang besar, iaitu penolakannya terhadap pembezaan jasad dan fikiran. Inilah yang ramai dipegang oleh ramai ahli psikologi lakuan. Walau bagaimanapun, semua ahli psikologi menumpukan perhatian kepada objektif lakuan ini, selalu mengkaji binatang, suka menganalisis mengikut rangsangan dan gerak balas, dan memberi penumpuan kepada pembelajaran sebagai pusat pengkajian.

E.R. Guthrie yang menjadi professor psikologi di Universiti Washington dalam bukunya "*The Psychology of Learning*" (1935) berpendapat bahawa, pembelajaran itu berlaku dengan adanya rangsangan dan diikuti dengan gerak balas. Dengan kata lain, yang dimaksudkannya ialah kalau sesuatu keadaan tertentu, maka semasa kita berada dalam keadaan seperti itu pada masa yang lain, maka kita akan melakukan gerak balas yang sama. Apabila ada rangsangan dan tindak balas, maka berlakulah pembelajaran. Ternyata bahawa kenyataan seperti ini ada kurangnya dari segi pembelajaran.

Katakanlah seseorang itu diberikan teka mencari gambar-gambar yang tersembunyi, dia membuatnya dengan betul, maka apabila diberi teka mencari gambar-gambar tersembunyi yang lain dia akan berbuat demikian juga. Tetapi kalau dia tidak dapat mencarinya, maka teka mencari gambar-gambar tersembunyi itu akan ditinggalakannya. Dia telah memberikan gerak balas yang sama seperti dahulu. Adakah dia telah belajar sesuatu dala hal ini?

Skinner ialah ahli psikologi yang masyhur dan terkenal dalam bidang pembelajaran bahasa, beliau merupakan seorang ahli behaviouris dari Universiti Harvard. Skinner juga berpegang kepada teori behaviuorisme, iaitu pembelajaran berlaku kalau sekiranya ada rangsangan dan gerak balas. Dalam hal ini beliau menjalankan eksperimen dengan menggunakan binatang. Salah satunya ialah dengan menggunakan merpati. Merpati itu dikurung di dalam kotak. Di dinding koak itu ada suis. Apabila suis itu dipauk terbukalah suatu lubang yang mengeluarkan makanan. Ini bermakna, merpati itu mematuk sebagai satu rangsangan dan setelah rangsangan dilaksanakan merpati itu akan mendapat balasan makanan. Keadaan ini tidak jauh berbeza dengan daripada apa yang disebut oleh Watson dan Guthrie, tetapi apa yang berbeza ialah tentang konsep pengukuhan. Pengukuhan ini dianggap oleh Skinner sebagai asas pembelajaran.

Mengikut Skinner lagi, ada dua jenis pembelajaran. Kedua-duanya berlainan kerana ada dua jenis lakuan. Pertama ialah lakuan responden, iaitu gerak balas yang automatis dan tetap. Misalnya, kita dilahirkan dengan banyak gerak balas, dan kita mempelajari sesuatu yang baru itu dengan secara pembiasaan. Lutut akan terangkat kalau diketuk oleh doktor. Itu merupakan satu lakuan yang ada rangsangan (ketuk) dan ada gerak balas (kaki terangkat). Ini adalah lakuan responden yang berlaku secara automatis.

Kedua ialah lakuan operan. Bagi Skinner kebanyakannya lakuan ialah jenis operan. Lakuan responden tadi ialah gerak balas daripada rangsangan, tetapi lakuan operan berlaku mengikut lingkungan atau keadaan. Rangsangannya tidak semestinya menerbitkan gerak balas tertentu, seperti berjalan, bercakap, bekerja dan sebagainya.

Misalnya, lakukan menelan makanan bukan sahaja kerana rangsangan terlihat makanan tetapi juga rasa lapar, lingkungan sosial, dan beberapa lingkungan atau suasana yang berlainan. Belajar melalui lakukan operan itulah yang dikatakan pensyaratannya, tetapi lain daripada gerak balas otot secara automatik.

Skinner dalam bukunya *Verbal Behavior* (1957), telah membincangkan proses pembelajaran bahasa dengan lebih lanjut dengan menggunakan unsur rangsangan dan gerak balas dan suatu suasana pengukuhan yang terlibat dalam menghasilkan pembelajaran secara maksimum. Pengukuhan menambah kemungkinan berlaku gerak balas. Menurutnya, “lakukan bahasa ialah suatu lakukan yang diperkuuh oleh seseorang pendengar dan berkembang menurut prinsip yang sama dengan lakukan operan yang lain. Dalam beberapa keadaan tertentu, penutur itu juga menjadi pendengarnya sendiri dan memperkuuhkan lakukan bahasanya sendiri”.

Dari sinilah terbitnya kaedah latih tubi, iaitu rangsangan dan gerak balas dalam sesuatu pelajaran bahasa itu disenaraikan menurut polanya, iaitu lakukan yang boleh dikaji dari segi rangsangan dan gerak balas. Latih tubi itu akan menimbulkan tabiat yang dapat dikukuhkan dan akan lekat dipelajari sebagai tabiat.

Semenjak Skinner, ramai lagi ahli psikologi yang mengkaji bagaimana pembelajaran bahasa berlaku. Kebanyakan mereka mengkaji bagaimana murid-murid mempelajari bahasa dan implikasinya terhadap pengajaran bahasa. Antara kajian ini ialah usaha R. Brown, yang dijelaskan dalam bukunya “*A First Language: The Early Stages*” (1974). Beliau telah mengkaji perkembangan bahasa kanak-kanak dari segi pembentukan ayat. Banyak lagi usaha lain yang membaiki konsep Skinner dan ada

implikasinya terhadap kaedah-kaedah pengajaran bahasa. Sejak Skinner, ramai lagi sarjana lain yang telah membuat kajian lanjut tentang behaviuorisme, sehingga muncul pula golongan neobehaviuorisme.

### 2.2.2 Kajian Tentang Teori Mentalisme

Pemerhatian terhadap bahasa murid-murid melalui penghayatannya ke atas peraturan bahasa telah membuktikan bahawa, bahasa itu adalah hasil daripada proses pemikiran. Perkaitan antara bahasa dan fikiran merupakan teras fikiran aliran Mentalis yang dipelopori oleh Chomsky (1967), beliau dengan keras menafikan pendapat behaviuorisme ini. Dalam penafiannya itu, Chomsky menyatakan bahawa teori behaviuorisme itu hanya sebuah dongeng. Baginya behaviuorisme tidak memberi tempat kepada “taraf akal yang lebih maju yang ada pada manusia”. Behaviuorisme tidak mengendahkan kemampuan otak manusia terhadap pembelajaran bahasa. Cara murid-murid mempelajari bahasa mungkin lebih bermanfaat kepada pengajaran dan pembelajaran bahasa. Dalam mengkaji bagaimana murid-murid mempelajari bahasa, maka tidaklah dapat dinafikan bahawa, murid-murid banyak mempelajari lakuhan berbahasa atau bukan bahasa melalui “pengamatan atau peniruan secara tidak sedar terhadap apa yang dibuat oleh orang dewasa atau murid-murid lain”. Murid-murid tidak belajar hanya melalui perancangan bahasa yang rapi daripada ibu bapa mereka.

Pada umumnya orang beranggapan bahawa kanak-kanak lebih mudah menguasai bahasa jika dibandingkan dengan orang dewasa. Dalam hal ini terdapat satu hipotesis yang menyatakan bahawa semasa seseorang itu masih kanak-kanak ada

sesuatu peringkat dalam hidupnya yang dikatakan sebagai “waktu kritikal”. Konsep “waktu kritikal ini sering dikaitkan dengan Lenneberg. Lenneberg (1867: 175) mendakwa bahawa “pembelajaran bahasa secara alamiah melalui pendedahan sahaja” dapat berlaku pada waktu kritikal, iaitu kira-kira pada tahap umur antara dua tahun hingga baligh. Sebelum seseorang kanak-kanak itu berumur dua tahun, pembelajaran bahasanya terhad kerana kekurangan kematangan otak. Selepas baligh bahasa harus diajarkan dan dipelajari melalui pendedahan dengan usaha yang sedar dan berat. Beliau berpendapat juga bahawa hal ini disebabkan oleh waktu biologi yang telah ditetapkan itu.

Noam Chomsky dan rakan-rakan yang sealiran dengannya menganggap bahawa manusia sejak lahirnya sudah mempunyai kebolehan untuk menguasai sistem perhubungan yang digunakan oleh manusia, iaitu bahasa. Kebolehan ini dimiliki oleh manusia kerana mereka mempunyai alat yang dikenal sebagai Alat Perolehan Bahasa (Language Aquisition Device), yang turut membezakan antara manusia dengan haiwan.

Teori pembelajaran ini beranggapan bahawa murid-murid terdedah kepada sesuatu bahasa itu untuk merumus dan membentuk hukum nahu bahasa tersebut. Sekiranya tidak ada pendedahan, maka penguasaan bahasa itu tidak akan berlaku kerana Alat Perolehan Bahasa (LAD) tidak mendapat sebarang bahan untuk diproses (Abdullah Hassan 1983: 260).

Pada peringkat membesar, murid-murid itu pandai mengeluarkan ayat-ayat yang belum begitu pandai mengeluarkan ayat-ayat yang belum pernah didengarnya

dahulu, atau memahami ayat-ayat tersebut. Kebolehan ini menunjukkan ada proses penting yang tidak bersangkut paut dengan maklumat balik daripada lingkungan atau rangsangan. Jadi, teori Skinner yang menyatakan pembelajaran itu berlaku mengikut perancangan lakukan berbahasa melalui pengukuhan itu sama sekali ditolak, dengan alasan tersebut berdasarkan kepada “sebenarnya dalam pemerolehan bahasa, adalah jelas bahawa pengukuhan, pengamatan secara tidak sedar dan sifat ingin tahu semula jadi (lengkap dengan kecenderungan kuat untuk meniru) adalah faktor-faktor penting. Ia berkaitan dengan kemampuan yang istimewa yang ada pada pelajar itu untuk membuat generalisasi, hipotesis dan memproses maklumat dalam beberapa cara yang khusus dan amat kompleks, yang tidak dapat kita diskripsikan atau cuba memahaminya, yang sebahagian besarnya mungkin ingat, atau mungkin akan berkembang melalui satu cara pembelajaran melalui pendewasaan sistem sarafnya”.

(Abdullah Hassan 1996: 65)

Aliran yang menentang kaedah pengajaran berdasarkan fahaman behaviuorisme yang dijelaskan di atas terbahagi kepada dua jenis. Pertama guru-guru bahasa sendiri yang sentiasa menentang akan sebarang perubahan dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran. Hal ini timbul daripada perasaan terancam oleh perkembangan baru ini dan ditolak sebelum kaedah baru diberi perhatian yang sewajarnya. Penolakan sebarang yang baru ini hanyalah satu sikap yang ingin mengekalkan *status quo* sahaja. Kedua, ialah aliran transformasi yang mempunyai teori yang berlainan tentang sifat bahasa itu sendiri dan proses bagaimana bahasa itu berkembang di kalangan murid-murid. Pendapat-pendapat baru itu banyak memberi sumbangsan terhadap aliran struktur, dalam proses menjadi dwibahasa atau mempelajari bahasa kedua. Aliran transformasi ini memberi sumbangsan yang

berkesan dalam pembelajaran bahasa kalau dibandingkan dengan fahaman struktur. Aliran ini mempunyai pengaruh yang besar dalam perancangan bahan mengajarkan bahasa.

Aspek bahasa yang diterangkan dengan lebih berkesan oleh aliran transformasi ialah kreatif bahasa itu sendiri. Misalnya, dalam mempelajari bahasa, apa yang berlaku ialah pelajar bukan sekadar mempelajari senarai panjang ayat-ayat sahaja tetapi lebih daripada itu. Bahasa bukan hanya terdiri daripada jumlah rumusan tatabahasa yang boleh dilihat atau dihafal sahaja. Murid-murid sebenarnya telah mempelajari suatu proses daya kreatif yang membolehkan wujudnya perkembangan. Jadi, bagi aliran struktur, pembelajaran bahasa itu melibatkan kebolehan murid-murid menggunakan rumusan-rumusan tersebut. Aliran transformasi menyatakan bahawa pembelajaran bahasa ialah proses menyerap rumusan-rumsan tatabahasa itu bersama-sama kemahiran tatabahasa yang sedia ada pada manusia itu. Kemahiran ini bersifat inat atau tersembunyi dan tercetus apabila pembelajaran bahasa itu bermula. Ini adalah pendekatan mentalisme, yang bertentangan dengan pendekatan behaviuorisme atau mekanikal.

Selama ini belum pernah disentuh perkara yang kita maksudkan dengan istilah yang bahasa itu kreatif dan menyebabkannya boleh dipelajari. Sebenarnya tidak ada bahasa yang betul-betul sama antara satu sama lain, tetapi benar kalau dikatakan tidak ada dua bahasa yang betul-betul berbeza. Bagi orang ramai, mereka melihat apa yang nyata iaitu dua bahasa itu memanglah berlainan sama sekali. Apabila dilihat struktur dalaman bahasa itu, maka ternyata ada persamaannya. Persamaan inilah yang menyakinkan kita bahawa bahasa itu boleh dipelajari.

Aliran Mentalis memang bersandarkan kepada tingkah laku manusia. Bukti-bukti empirik yang ditunjukkan adalah berdasarkan pembelajaran bahasa murid-murid dan ciri-ciri kesejagatan bahasa yang memerlukan struktur minda yang tersembunyi. Oleh itu, bahasa dikatakan kreatif dan boleh dipelajari. Dengan ini bahasa bersifat sebagai sesuatu yang kreatif dari segi pengajaran dan pembelajarannya. Kita boleh menggunakan unsur-unsur yang terhad yang ada dalam sesuatu bahasa itu, dan menghasilkan ungkapan yang lebih besar, misalnya dengan menggabungkan kata-kata, kita dapat menerbitkan jumlah ayat yang tidak terhingga banyaknya. Seseorang penutur itu mampu membentuk beribu-beribu ayat baru yang tidak pernah diucapkannya atau didengarnya dahulu, semata-mata setelah menguasai sistem tatabahasanaya.

Jadual 2.1 : Proses penerbitan Ayat

Zaiton	membawa	buah			kawannya
Nordin	menghantar	raga			kakaknya
Rizal	memberi	buku	itu	kepada	bapanya
Ali	membaling	bola			abangnya

Sumber: Dipadankan daripada Abdullah Hassan (1989: 68)

Dengan membaca dari kiri ke kanan bagi setiap kemungkinan ayat, kita akan dapat menerbitkan 256 ayat. Dengan menambah satu lagi kata bagi setiap baris dalam jadual di atas, maka bilangan ayat yang boleh diterbitkan menjadi 625 ayat. Kalau ditambah satu ruang lagi dengan /semalam/, /pagi tadi/, /tadi/ dan /sekejap tadi/, maka bilangan ayat yang boleh diubah bentuknya (aktif menjadi pasif) seperti “Ali membaling bola itu kepada abangnya semalam menjadi, bola itu dibaling oleh Ali kepada abangnya semalam”, maka bilangan ayat akan menjadi dua kali ganda, iaitu

6250 ayat. Ini adalah satu contoh yang amat kecil, dengan menggunakan lapan belas kata dan dua bentuk ayat. Jadi, pembelajaran bahasa itu bukan sahaja dipelajari tabiat automatis dalam membentuk ayat-ayat tadi, tetapi juga mempunyai kebolehan untuk mentafsiran segala macam bentuk ayat yang didengar atau dibacanya. Tegasnya manusia terpaksa mempelajari sistem terhad bahasa itu, iaitu tatabahasa sesuatu bahasa itu, supaya membolehkannya mempelajari dan menggunakan bahasa itu secara kreatif dan hidup.

Jadi, sistem struktur itulah yang dipelajari. Semua bahasa mempunyai sistem strukturnya. Bentuk struktur itulah yang berbeza daripada satu bahasa kepada satu bahasa yang lain. Pola struktur yang berlaku itu adalah kecil jumlahnya dan boleh dipelajari, tetapi kekreatifannya adalah tidak terhad.

Dakwaan ini selari dengan pendapat Chomsky (1980), sebagai pengasas LAD beliau melihat minda sebagai modular, dan LAD sebagai satu daripada berbagai-bagai alat mental yang berinteraksi dengan input-input linguistik untuk menghasilkan kecekapan berbahasa. Dari kaca mata Chomsky, LAD telah wujud dalam minda kanak-kanak sebelum dia menerima input linguistik dari persekitarannya. LAD diperpengaruhi linguistik-linguistik sejagat dan menerbitkan tatabahasa yang dikira sebagai output (dipetik dalam Muhammad Saiful Haq Hussin 2010 : 35-37).

Teori Monitor yang telah diperkenalkan oleh Stephen D. Krashen adalah daripada Teori Mentalis. Menurut Krashen melalui Teori Monitor, “Perolehan” berlaku di bawah sedar, yakni sama dengan cara seorang kanak-kanak memproses bahasa yang diperolehinya secara tidak langsung (Krashen 1985: 1).

“Pembelajaran” pula, berlaku secara sedar dan berkesudahan dengan mengetahui sesuatu bahasa (*ibid*). Bagi Krashen, perolehan bahasa terjadi apabila terdapat interaksi yang bermakna hasil daripada komunikasi yang semula jadi. Menurut beliau lagi, bahasa boleh diperoleh dalam bilik darjah jika ada komunikasi dua hala seperti berdialog, main peranan dan bentuk-bentuk interaksi yang bermakna. Krashen mengenal pasti pembelajaran (secara sedar) berdasarkan pertimbangannya terhadap peraturan tatabahasa. Perolehan (bawah sedar) dikaitkan dengan pertimbangan “perbuatan merasa” (Krashen et al. 1978: 73-92).

Pendekatan seperti ini nampak kabur kerana sukar diketahui sama ada sesuatu sampel kajian benar-benar menggunakan peraturan tatabahasa atau perbuatan merasa. Bagi Krashen (1982: 15), pembelajaran hanya mempunyai satu fungsi sahaja, iaitu sebagai monitor. Pada asasnya, perolehan-perolehan merupakan hasil yang diperoleh melalui komunikasi, dan monitor berperanan mengubahsuai perolehan-perolehan supaya menepati norma-norma sesuatu bahasa sasaran. Krashen berpendapat, pengetahuan sedar tentang peraturan bahasa tidak membantu perolehan. Pengetahuan sedemikian sekadar membolehkan individu menggilap struktur bahasa yang diperolehinya melalui komunikasi. Pengajaran bahasa sepatutnya berorientasikan komunikasi, bukannya pembelajaran tentang peraturan bahasa. Dalam hal ini juga Monitor boleh mengubah pertuturan yang dihasilkan melalui perolehan.


Melalui Hipotesis Susunan Semula Jadi pula, Krashen (1985: 1) menyatakan bahawa manusia memperoleh peraturan-peraturan bahasa dalam satu susunan yang boleh diramal. Terdapat peraturan bahasa yang terbit lewat. Susunan ini berbeza daripada peraturan bahasa yang diajar di dalam bilik darjah. Susunan perolehan

bahasa yang semula jadi ini dianggap sebagai hasil daripada sistem bahasa yang telah diperoleh murid, dan bebas daripada penggunaan monitor atau tatabahasa yang beroperasi secara sedar.

Melalui Hipotesis Input pula Krashen (1985: 2), menyatakan semasa sedang menguasai struktur linguistik yang baru; murid melalui fasa penguasaan bahasa semula jadi dengan cara beransur-beransur. Hipotesis Input mengemukakan usul bahawa manusia memperoleh bahasa dengan menerima input yang dapat difahaminya. Manusia dikatakan menerima input yang bermula dari  $i$ , yakni tahap penguasaan semasa yang miliki, ke  $i + 1$ , dan berganjak ke tahap selanjutnya di sepanjang fasa-fasa penguasaan bahasa yang semula jadi itu dengan memahamai input asas yang mengandungi  $i + 1$ . Walaupun Krashen menyifatkan konsep ini sebagai yang terpenting dalam perolehan bahasa kedua (B2), namun hipotesis ini boleh juga diaplikasikan ke atas perolehan bahasa pertama (B1). Ini kerana, pertama, pertuturan adalah hasil perolehan bahasa, bukannya penyebab perolehan bahasa. Ujaran tidak dapat diajar dengan secara langsung ; tetapi terbit dengan sendiri, hasil pembinaan bahasa melalui pemahaman tentang input. Kedua, jika input yang difahami itu mencukupi, tatabahasa akan dibekalkan dengan spontan. Hal ini bermakna guru bahasa tidak perlu mengajar struktur tatabahasa yang selanjutnya kerana struktur tersebut akan dibekalkan dengan spontan jika pelajar cukup memahami sesuatu input bahasa. Dengan sendirinya, tatabahasa bahasa sasaran akan diperoleh (Krashen 1985: 2).

Selanjutnya Hipotesis Filter Afektif pula menyatakan, sesuatu perolehan bahasa memerlukan input yang lengkap. Walau bagaimanapun, input yang lengkap

belum dapat memenuhi syarat untuk berjaya menguasai sesuatu bahasa sasaran. Faktor-faktor afektif juga memainkan peranan yang penting. Hipotesis Filter Afektif mengatakan input yang dapat difahami tidak akan digunakan oleh penutur B2 jika terdapat sekatan mental yang menghalang input itu daripada digunakan dengan sepenuhnya (Krashen 1982: 3). Hal ini digambarkan pada rajah 2.1 di bawah (dipetik dalam Muhammad Saiful Haq Hussin, 2010 :39-40).



Rajah 2.1 : Cara Filter Afektif Beroperasi

Filter Afektif bertindak sebagai dalang atau pemangkin kepada perolehan bahasa. Jika Filter menurun, input akan sampai kepada LAD (*Language Acquistion Device*) atau alat perolehan bahasa lalu menjadi kecekapan bahasa. Jika Filter menaik input akan tersekat dan tidak akan sampai kepada LAD. Yang demikian, kecekapan bahasa tidak akan diperoleh. Di sini jelas bahawa faktor-faktor afektif boleh bertindak memudah atau mengendalikan penghantaran input kepada LAD (Krashen 1982: 32). Untuk memperoleh sesuatu bahasa, murid-murid didedahkan kepada input-input bahasa. Sebagai contoh, apabila filter menaik, murid-murid faham

apa yang dilihat dan didengarnya, tetapi input tersebut tidak akan sampai kepada LAD jika murid-murid tidak diberi motivasi, keyakinan atau terlampau memikirkan tentang kegagalan. Filter akan menurun apabila murid-murid berhasrat untuk menjadi ahli kumpulan penutur sesuatu bahasa sasaran.

Berdasarkan empat hipotesis yang telah diutarakan oleh Krashen tadi, maka Teori Monitor telah lahir sebagai satu teori yang kukuh sebagai satu teori bahasa. Hipotesis perolehan-perolehan bahasa memberi tumpuan kepada cara murid-murid memproses bahasa berdasarkan pertimbangan secara sedar atau tidak sedar. Kebolehan individu mengubah output sesuatu sistem bahasa yang diperolehnya dikaitkan dengan hipotesis monitor. Hipotesis ini memberikan implikasi yang penting kepada pengajaran bahasa kerana andainya yang mengatakan untuk memahami sesuatu bahasa maka yang harus diutamakan ialah komunikasi, bukannya pembelajaran tentang peraturan bahasa.

Akhirnya kita dapati bahawa kepercayaan Chomsky tentang tatabahasa sejagat akan sama dengan kepercayaan Krashen jika diperhitungkan beberapa andaianya, iaitu; Pertama, murid-murid atau orang dewasa merancangkan tatabahasanya dengan menggunakan LAD. Kedua, untuk menghasilkan input bahasa sasaran murid-murid perlu mendesak LAD agar menggunakan tatabahasa sejagat yang diperoleh sejak kecil. Krashen (1985: 24) mendakwa perbezaan maksud “perolehan-perolehan bahasa” sama dengan perbezaan maksud “untuk mengetahui akan kewujudan sesuatu berdasarkan pancaindera atau sebaliknya”; seperti ang dikemukakan oleh Chomsky pada tahun 1975. Jelaslah di sini bahawa konsep Chomsky tidak mempunyai batas sempadan dengan konsep yang dikemukakan oleh


Krashen. Konsep tersebut dikaitkan dengan penggunaan deria baik secara sedar atau tidak sedar (Chomsky 1975: 165). Krashen pula mengaitkan “perolehan” dengan bawah sahaja.

Sebagai rumusannya kita dapat bahawa ahli-ahli psikolinguistik menyatakan bahawa, perolehan dan penguasaan bahasa adalah satu proses memasukkan bahasa ke dalam otak murid-murid melalui pencaindera. Proses ini memberikan pengalaman berbahasa yang sangat berguna kepada murid-murid tersebut. Proses perolehan dan penguasaan bahasa ini berlaku kepada murid-murid sejak lahir tanpa diajar dan tanpa disedari oleh murid-murid itu. Yang perlu dalam proses tersebut ialah pendedahan sebanyak mungkin kepada bahasa murid-murid dalam lingkungan kehidupannya. Murid-murid akan mengalami kesukaran menguasai bahasa sesudah ia meningkat umur 13 tahun. Namun begitu ada juga yang berpendapat masalah ini dihadapi apabila murid-murid berumur 14 tahun. Selepas umur tersebut murid-murid tidak lagi menguasai bahasa secara perolehan tetapi melalui proses pembelajaran yang merupakan usaha yang agak berat.

Walaupun kita menerima kewujudan alat perolehan bahasa LAD yang tersembunyi, sebagai guru bahasa kita perlukan kepada bukti lebih lanjut bahawa alat ini boleh digunakan bukan sahaja dalam pembelajaran bahasa ibunda tetapi juga bahasa-bahasa asing. Tidak keterlaluan kalau kita bertanya bahawa kebolehan perolehan dan penguasaan bahasa berkekalan setelah bahasa pertama dipelajari, atau proses-proses yang berainan digunakan dalam pembelajaran bahasa-bahasa selanjutnya. Dalam hal ini guru bahasa tidak perlu merasa dipaksa sama ada untuk memilih pendekatan atau pendirian terhadap Behaviourisme atau Mentalisme.

### 2.3 Kerangka Konsep


Pengkaji telah membentuk suatu kerangka konsep yang boleh pakai dalam kajian ini. Rajah 2.2 menunjukkan bahawa pembelajaran ialah proses melakukan berbagai-bagai gerak balas yang disebabkan oleh sesuatu rangsangan, hasil daripada proses pemikiran yang berlaku di dalam minda. Bahan-bahan rangsangan yang bersistematis dan menarik akan menarik minat murid-murid untuk mempelajari dan meningkatkan tahap penguasaan bacaan asas dengan baik. Cara-cara dan teknik-teknik persembahan bahan rangsangan juga memainkan peranan dalam menyampaikan isi-isi pelajaran supaya proses P&P bacaan asas bahasa Melayu berlaku dengan lancer dan berkesan. Pembentukan kemahiran hasil daripada rangsangan dan pemikiran murid-murid setelah melalui halangan bahasa kemudian dapatlah murid-murid menguasai kemahiran dan tidak menguasai kemahiran yang telah dipelajarinya. Proses P&P terdapat gangguan bahasa atau halangan bahasa yang menjadi faktor utama dan halangan bahasa ini ialah gangguan bahasa Thai (BT) dan bahasa ibunda atau bahasa Melayu dialek Pattani (BMP). Gangguan ini menyebabkan murid-murid keliru, dan tidak dapat menguasai bacaan asas bahasa Melayu dengan baik dan berkesan (sila lihat rajah 2.2).



Rajah 2.2 : Pembentukan kemahiran hasil daripada kaitan di antara rangsangan, pemikiran, dan halangan bahasa.

(Sumber : diubahsuai daripada Muhammad Saiful Haq Hussin 2008).

Dalam rajah 2.3 di bawah hipotesis perolehan dan pembelajaran bahasa memberi tumpuan kepada cara murid-murid memproses bahasa berdasarkan pertimbangan secara sedar atau tidak sedar. Kebolehan individu menerima input bahasa yang diperolehnya dikaitkan dengan hipotesis monitor, yang memberikan implikasi yang penting kepada pengajaran bahasa.



Rajah 2.3 : Hipotesis Perolehan dan Pembelajaran Bahasa  
(Sumber : Muhammad Saiful Haq Hussin, 2008:8)

Lantaran itulah didapati bahawa murid bukan sahaja mempelajari sesuatu bahasa itu melalui pembelajaran formal semata-mata. Pembelajaran secara formal akan memberikan input kepada murid melalui pendekatan, kaedah dan teknik yang diterapkan secara langsung oleh guru dalam usaha memberikan pengajaran untuk

menguasai sesuatu kemahiran. Namun perolehan pula boleh berlaku sama ada melalui pengajaran guru atau hasil daripada pergaulan dan komunikasi murid. Dengan itu, sewajarnyalah proses pengajaran bahasa itu memberi pertimbangan kepada faktor psikoliguistik.

Pengkaji memberi penekanan terhadap fungsi Monitor yang akan memberi impak dalam menjayakan proses pembelajaran bahasa kedua (dalam konteks kajian ini ialah proses P&P Asas Membaca). Dalam kerangka konsepsi ini, murid yang mempelajari bahasa kedua perlu melalui proses pembelajaran terlebih dahulu iaitu peringkat prabacaan, yakni pelajar tersebut perlu berada di dalam kelas dan mengikuti pengajaran guru.

Pada peringkat pertama, guru memberikan input (mengajar, memberi penerangan ke atas *Modul Asas Membaca Tahun 1 (Edisi 1)* kepada murid-murid. Seterusnya, murid-murid perlu memainkan peranan bagi memastikan tiga faktor dipraktikkan. Tiga perkara tersebut ialah pertama, memperuntukkan “masa” yang cukup untuk mengulang kaji pelajaran atau membuat latihan yang diberikan oleh guru. Kedua, murid-murid tersebut perlu “fokus” sama ada semasa proses pembelajaran berlaku atau semasa mengulang kaji atau membuat latihan. Ketiga, murid-murid perlu mengetahui “tatabahasa” bahasa yang hendak dipelajarinya, dalam kajian ini murid perlu tahu bunyi huruf-huruf vokal dengan betul, padanan suku kata, kata dan seterusnya hingga ke peringkat ayat-ayat mudah.

Di samping tiga faktor di atas, murid juga perlu mempunyai motivasi, sikap dan keyakinan diri yang positif. Hal ini secara automatik akan menurunkan filter. Apabila filter menurun maka input akan sampai kepada LAD (kefahaman murid).

Sekiranya proses penguasaan bahasa ini (dari peringkat “input”, “faktor”, “filter” dan “LAD”), berjalan lancar maka murid akan dapat menguasai atau memperoleh suatu kecekapan bahasa. Dalam konteks kajian ini, kecekapan bahasa yang dikuasai ialah penguasaan, kemahiran dan pemahaman Asas Membaca.

## 2.4 Lokasi / Tempat Kajian

Sekolah Siam Ban Khorlogaway (*ໂຮງໝຽນບ້ານຄອດອກາວ ຈຳກອຍສີສັກ ຈັງຫວັດນະເຂົາວສ ໄຫດກາຮືກນາປະຈອນສຶກນາ ນະເຂົາວສ ເມດ 1*) terletak di kampung Kuala Kawil mukim 1, Jalan Jomphon Phattana, daerah Sri Sakorn, wilayah Narathiwat, 96210. Sekolah ini mempunyai keluasan 13 hektar. Sekolah ini juga merupakan Sekolah Siam (sekolah kebangsaan Thai) di bawah kuasa Pusat Pendidikan Sekolah Rendah Narathiwat 1 (*Sangkat Samnakngan Khet Puenthi Karn Sek Sa Prathom Sek Sa Narathiwat Khet 1*).

Sekolah ini mempunyai bilangan murid seramai 1,332 orang, murid-murid lelaki berjumlah 656, dan murid-murid perempuan berjumlah 676 orang. Sekolah ini juga mempunyai guru seramai 88 orang. Sekolah ini hanya mempunyai dua orang guru bahasa Melayu sahaja.

Sekolah ini terdiri daripada 3 peringkat iaitu peringkat pra-sekolah (Anuban), peringkat sekolah rendah (Prathom atau primari), dan peringkat sekolah menengah

(Mattayom). Peringkat pra-sekolah (dikenali sebagai sekolah *Anuban*) iaitu terdiri daripada Anuban 1 hingga Anuban 2. Peringkat sekolah rendah pula, terdiri daripada Prathom 1 hingga Prathom 6. Peringkat sekolah menengah terdiri daripada Mattayom 1-3. Sekolah ini merupakan sekolah kerajaan (*Rongrian Kha yai O Kad*) yang memberi peluang untuk semua rakyat Thailand belajar percuma (*free*) dalam masa 15 tahun.

Jadual 2.2 : Bilangan Murid di Sekolah Ban Khorlogaway pada tahun 2009

Kelas	Bilangan Murid		
	Lelaki	Perempuan	Jumlah
Pra-sekolah 1	78	91	169
Pra-sekolah 2	62	75	137
Primary Tahun 1	63	80	143
Primary Tahun 2	66	60	126
Primary Tahun 3	85	80	165
Primary Tahun 4	72	73	145
Primary Tahun 5	66	63	129
Primary Tahun 6	61	68	129
Menengah Tahun 1	41	36	77
Menengah Tahun 2	33	38	71
Menengah Tahun 3	29	12	41
Jumlah	656	676	1,332

Jadual 2.3 : Bilangan Murid Tahun 1 Hingga Tahun 6 (2009) Mengikut Bangsa di Sekolah Ban Khorlogaway, Daerah Sri Sakorn, Wilayah Narathiwat, Selatan Thailand.

Bangsa	Bil. Murid Sekolah	Bil. Murid Tahun 1
Melayu	1,332	143

Murid di sekolah kajian terdiri daripada bangsa Melayu (lihat jadual 2.2), penduduk tempatan. Murid Tahun 1 mewakili 10.73 peratus daripada jumlah keseluruhan murid Sekolah Ban Khorlogaway. Kebanyakannya dari kawasan kampung yang berhampiran dengan sekolah, ada sebahagian kecil sahaja yang tinggal di kampung yang agaknya jauh kira-kira 15 kilometer iaitu kampung Air Cucoh. Murid-murid yang belajar di sekolah berasal dari kampung Air Tae-Tae, Kampung Baru, Kamping Air-Yaeng, Kampung Dusun Macang, Kampung I-nor, Kampung Panan, Kampung Sakupa. Kebanyakan daripada ibu bapa mereka bekerja sebagai petani, dan sebilangan kecil bekerja sebagai peniaga, dan kakitangan kerajaan seperti guru.

Aliran akademik terdiri daripada 8 mata pelajaran iaitu mata pelajaran Matematik, Sains, Bahasa Thai, Sosial-Sejarah Thai, Sukan, Seni, Komputer, dan Bahasa Inggeris. Aliran agama pula, terdiri daripada 8 mata pelajaran juga, iaitu mata pelajaran Al-quran, Al-Hadis, Al-Akhlek, Al-Fiqh, At-Tarikh, Al-A'kidah, Bahasa Arab, dan Bahasa Melayu. Bahasa Melayu diajarkan kepada peringkat sekolah rendah iaitu dari kelas Prathom tahun 1 hingga Prathom tahun 6, dan kelas bahasa Melayu diajarkan sebanyak 80 jam setahun atau dua jam seminggu sahaja.

Masa belajar terdiri daripada dua sesi iaitu sesi pagi dimulakan pada jam 8.30 hingga jam 12.00 tengahari, dan sesi petang dimulakan pada jam 13.00 hingga 15.30 petang. Sekolah ini mengajar lima hari seminggu iaitu hari Isnin hingga hari Jumaat, dan cuti dua hari iaitu hari Sabtu dan hari Ahad.

Sekolah ini mempunyai polisinya tersendiri iaitu :

- 1). Untuk membangunkan aktiviti pengajaran dan pembelajaran dengan

memusatkan pelajar (Student Centre).

- 2). Untuk mendidik pelajar supaya bersifat ingin tahu dan belajar bersendirii (Self-Learning).
- 3). Untuk mendidik pelajar supaya berakhhlak mulia (Akhlak Islam).
- 4). Untuk mendidik pelajar supaya dapat menggunakan teknologi maklumat yang relevan dan bijaksana.
- 5). Untuk mendidik dan mengajar demi meningkatkan kesihatan rohani dan jasmani dengan baik dan ceria.
- 6). Untuk mendidik pelajar supaya berbudaya dan beradat mengikut budaya-budaya tempatan (budaya Melayu bagi pelajar berketurunan Melayu dan budaya Thai bagi pelajar berketurunan Siam).
- 7). Untuk mendidik pelajar supaya menjaga alam sekitar dan membangunkan alam sekitar dengan bersih

## **2.5 Populasi dan Sampel Kajian**

Populasi kajian ialah murid-murid yang belajar dalam Tahun 1 Sekolah Kebangsaan Siam Ban Khorlorgaway, Daerah Sri Sakorn, Wilayah Narathiwat, Selatan Thailand. Kelas tersebut mempunyai jumlah 143 orang murid dan mempunyai 4 bilik (Tahun 1). Seramai 80 orang yang menjadi sampel kajian (dua kelas). Di dalam kajian lapangan pengkaji menggunakan ujian diagnostik ke atas 80 orang murid Tahun 1 yang bertujuan untuk menguji dan menentukan kelompok murid-murid tersebut kepada 3 kelompok, iaitu cerdas, sederhana, dan lambat.

## 2.6 Subjek Kajian

Subjek Kajian terdiri daripada murid berbangsa Melayu kesemuanya. Murid tersebut berada dalam lingkungan umur 7 tahun yang terdiri daripada kanak-kanak yang normal dan mempunyai kebolehan berbahasa. Pemilihan murid Tahun 1 ini bersesuaian dengan kajian pemerolehan dan penguasaan bahasa, kerana pada tahap ini murid-murid telah mengalami proses perolehan bahasa yang lengkap. Dalam pemilihan subjek kajian, pengkaji dibantu oleh guru kelas untuk mengenal pasti murid yang menepati kriteria penyelidikan ini. Sebanyak 20 peratus bersamaan 30 orang pelajar yang berjumlah 143 orang daripada keseluruhan murid Tahun 1 (sesi 2010) di sebuah Sekolah Kebangsaan Siam iaitu Sekolah Ban Kholorkaway (Sekolah Bantuan Kerajaan Thailand), Daerah Sri Sakorn, Wilayah Narathiwat, Selatan Thailand, telah dijadikan subjek kajian.

Hanya 20 peratus (bersamaan 30 orang murid) yang dipilih sebagai subjek kajian kerana murid-murid yang telah dipilih mereka adalah murid-murid yang sanggup dan memberi kerjasama dengan pengkaji dalam menjalankan kajian ini dengan lancar. Terdapat masalah yang tidak terjangka antaranya terdapat sebahagian besar murid-murid Tahun 1 yang tidak memberi kerjasama dengan pengkaji apabila pengkaji menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran dan seterusnya ujian diagnostik terhadap mereka. Mereka terus lari dan menolak atas permintaan pengkaji. Pengkaji sudah cuba memujuk dan merayu subjek kajian dengan pelbagai cara, dan pengkaji mengunjung ke rumah subjek kajian tetapi mereka juga tidak memberi kerjasama dengan pengkaji. Terdapat sesetengah ibu bapa mereka tidak bersetuju

anak mereka terlibat dalam kajian ini juga merupakan halangan yang merupakan masalah yang tidak boleh mendapatkan menambahkan lagi masalah subjek kajian.

## **2.7 Kaedah Kajian**

Kajian yang dijalankan berdasar kepada kaedah kepustakaan, kaedah pemerhatian terkawal, temubual secara berstruktur dan tidak berstruktur, tinjauan, rekod pemerhatian murid, dan rekod pencapaian murid.

Pengkaji menggunakan beberapa kaedah kajian antaranya ialah kaedah kepustakaan dan kaedah kerja lapangan. Kedua-dua kaedah ini digunakan bagi mendapatkan maklumat, fakta, data serta dokumen yang berkaitan dengan kajian. Kaedah kerja lapangan atau kajian lapangan amat bersesuaian dengan tujuan dan objektif kajian ini, kerana kajian ini dilakukan di sekolah dan berkait secara langsung dengan bidang pendidikan. Perkara ini bertepatan seperti yang dinyatakan oleh Chua (2006: 141), kajian lapangan merupakan kajian yang sering digunakan dalam kajian sains sosial dan pendidikan. Menurutnya lagi, kajian lapangan membuat pemerhatian terhadap perkara-perkara yang wujud dalam keadaan semula jadi.

### **2.7.1 Kaedah Kepustakaan**

Kaedah kajian ini digunakan bagi menggumpul serta mendapatkan segala maklumat tentang kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan kajian yang akan dilakukan oleh pengkaji. Pengkaji membuat penelitian penulisan serta kajian-kajian terdahulu. Termasuklah membaca disertasi, tesis, jurnal, majalah, keratan akhbar dan sebagainya

dari dalam dan luar negara. Kaedah ini penting untuk pengkaji bagi merangka reka bentuk kajian dan menentukan objektif serta arah tuju kajian ini. Di samping itu, kaedah ini juga akan membantu pengkaji membandingkan kajian yang telah dilakukan dengan kajian yang akan dilakukan. Perkara ini amat penting, kerana dengan cara ini pengkaji dapat mengelak daripada melakukan kajian yang sama dengan pengkaji-pengkaji terdahulu.

Dalam menjalankan kajian ini, pengkaji telah melakukan tinjauan ke perpustakaan bagi mendapatkan maklumat atau data yang diperlukan. Antara bahan yang digunakan di perpustakaan yang berkaitan dengan kajian ialah buku, makalah, majalah, kertas kerja, jurnal, ensiklopedia, tesis dan juga keratan akhbar yang berkaitan dengan tajuk kajian ini. Bahan utama yang digunakan oleh pengkaji ialah bahan-bahan kajian yang berkaitan dengan pemerolehan bahasa khususnya yang berkaitan dengan asas bacaan dalam kalangan murid-murid.

Pengkaji mendapat bahan rujukan dari Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Akademi Pengajian Melayu, Perpustakaan Za'ba, Perpustakaan Negara Malaysia, Perpustakaan Sultan Abdul Samad (Universiti Putra Malaysia), Perpustakaan John F.Kenedy (Universiti Prince of Songkhla, Kampus Pattani), Perpustakaan Universiti Chulalongkorn (Bangkok, Thailand), dan lain-lain.

### 2.7.2 Kaedah Pemerhatian

Kajian yang dijalankan berdasarkan kepada kaedah pemerhatian terkawal. Sewaktu menggunakan kaedah pemerhatian terkawal, pengumpulan data berdasarkan soalan-soalan yang diuji yang pengkaji kawal secara langsung.

Pengkaji turun ke lapangan untuk membuat kajian rintis atau pemerhatian awal ke atas tempat kajian. Setelah pengkaji mendapat kelulusan daripada pentadbiran sekolah, maka pada hari ini murid Tahun 1 datang untuk pendaftaran, pengkaji telah membuat pemerhatian awal di tempat kajian. Pada peringkat ini pengkaji cuba bersama-sama dengan guru kelas masing-masing untuk mendekati murid tersebut. Pada hari seterusnya pengkaji cuba mendekati murid tersebut dengan menghadirkan diri dalam aktiviti berbaris di padang dari jam 8.30 pagi dan bersempang-sembang dengan murid-murid pada masa lapang sebelum murid-murid meneruskan proses pembelajaran di dalam kelas masing-masing. Oleh sebab kesemua murid tersebut telah menerima pendedahan suasana alam persekolahan pada peringkat Anuban (dalam bahasa Melayu ialah TADIKA) dan pra-sekolah maka komunikasi sesama mereka berjalan dengan baik. Namun demikian, masih lagi terdapat murid yang bersifat pemalu, tidak mempunyai keyakinan diri dan merasa takut untuk berbual dengan pengkaji. Bahasa yang digunakan pada pertemuan awal dengan murid adalah bahasa Thai dan bahasa Melayu dialek Pattani kerana murid tersebut sudah biasa dengan bahasa Thai dan bahasa Melayu dialek Pattani. Walau bagaimanapun, akhirnya murid tersebut mula merasa mesra setelah pengkaji melakukan beberapa siri pertemuan dengan mereka.

Untuk melihat pelaksanaan pengajaran menggunakan bahan yang telah dibina oleh Muhammad Saiful Haq bin Hussin iaitu “*Modul Asas Membaca Tahun 1 (Edisi 1)*”. Bahan pengajaran ini merupakan bahan asas bacaan awal yang isinya teratur, tajuk menarik disusun secara berperingkat-peringkat, mudah difahami, sesuai dengan tahap yang diperuntukan dalam sukanan pelajaran mereka. Bahan ini sesuai dengan tahap penerimaan murid tersebut kerana murid tersebut adalah murid yang tidak pernah belajar bahasa Melayu sebelum ini.

Pemerhatian yang dibuat meliputi:-

- i. Aktiviti pengajaran-pemelajaran di bilik darjah,
- ii. Kekuatan bahan rangsangan yang dibina untuk membantu penguasaan kemahiran yang diajar,
- iii. Respons murid melalui jawapan kepada soalan yang diberikan sama ada secara lisan atau bertulis,
- iv. Masalah memahami dan menguasai kemahiran yang telah diajar,
- v. Masa yang diperuntukan dalam proses pengajaran dan pemelajaran mata pelajaran bahasa Melayu Tahun 1,
- vi. Suasana dalam bilik darjah, kemudahan-kemuhan dan alat bantu mengajar.

Pemerhatian merupakan kaedah utama mengumpul data. Melalui pemerhatian ini pengkaji dapat mendengar pertuturan, reaksi murid-murid Tahun 1 dan melihat tingkah laku guru termasuklah teknik-teknik, kaedah yang digunakan dalam proses mengajar. Pemerhatian dilakukan ketika pengajaran bahasa Melayu. Masa pemerhatian 45 minit bagi setiap sesi. Tempoh pemerhatian adalah selama 1 minggu iaitu pada 22 Disember 2009 hingga 26 Disember 2009.

Tujuan pemerhatian ini adalah untuk melihat suasana pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas kususnya bacaan asas, tajuk pengajaran, bahan-bahan yang digunakan dalam aktiviti guru dan aktiviti bacaan murid Tahun 1. Pengkaji memungut data menggunakan senarai semak. Data yang diperoleh dapat membantu pengkaji membuat catatan yang melibatkan bentuk-bentuk perlakuan ketika proses pengajaran dan pembelajaran sedang dijalankan.

Di samping itu, sekolah ini dipilih kerana keputusan peperiksaan I-Net (*Islamic National Educational Test*) khususnya dalam mata pelajaran bahasa Melayu pada tahun 2009 didapati tidak memuaskan, iaitu 38.76 peratus (markah) dalam markah penuh 100 markah. Hal ini menunjukkan murid-murid tidak dapat menguasai mata pelajaran bahasa Melayu dengan baik berbanding dengan mata pelajaran yang lain seperti mata pelajaran Al-quran dengan markah 46.69 peratus/ markah, Al-Akhlaq 49.55 peratus/ markah, Al-Hadis ialah 43.11 peratus/ markah, Al-akidah 41.61 peratus/ markah dan sebagainya.

Keputusan peperiksaan Akhir Tahun 2009 bagi mata pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Ban Khorlogaway ialah 11 orang murid Tahun 1 gagal dalam peperiksaan akhir tahun. Hal ini merupakan masalah yang harus diselesaikan. Permasalahan penguasaan asas bacaan di kalangan murid-murid Melayu di sekolah ini merupakan suatu fenomena yang telah diperkatakan umumnya. Oleh hal yang demikian, murid-murid yang gagal dalam peperiksaan ini berpunca daripada masalah tidak boleh menguasai asas bacaan bahasa Melayu tahun 1 dengan baik.

Jadual 2.4 : Keputusan Peperiksaan Akhir Tahun 2009 bagi mata pelajaran bahasa Melayu di Sekolah Siam Ban Khorlogaway

Kelas	Bil. murid	Bil. lulus								Bil. Gagal			
		4.0	3.5	3.0	2.5	2.0	1.5	1.0	Bil.	%	O	Bil.	%
PRATHOM 1/1	35	7	20	7	-	-	-	-	34	97.14	1	1	2.86
PRATHOM 1/2	36	1	11	21	-	-	-	-	33	91.66	3	3	8.34
PRATHOM 1/3	31	-	7	20	2	-	-	-	29	93.54	2	2	6.45
PRATHOM 1/4	22	1	1	10	4	1	-	-	17	77.27	5	5	22.72
Keseluruhan	124	9	39	58	6	1	-	-	113	91.12	11	11	8.87

(Sumber : Sekolah Siam Ban Khorlogaway : 2009)

Dalam Jadual 2.3 menunjukkan pencapaian murid Tahun 1 di Sekolah Siam Ban Khorlogaway bagi mata pelajaran bahasa Melayu kurang memuaskan kerana terdapat sebanyak 11 orang murid Tahun 1 yang gagal namun, peratusan murid Tahun 1 yang lulus lebih tinggi berbanding peratusan murid yang gagal. Ini juga merupakan pencapaian yang tidak boleh dinafikan.

Keputusan peperiksaan akhir tahun 2009 bagi mata pelajaran bahasa Melayu di atas merupakan piawaian yang telah distandardkan oleh pihak sekolah. Keputusannya memuaskan dan merupakan markah yang tinggi, namun pada hakikat sebenarnya pengkaji telah meneliti soalan peperiksaan dan juga buku pelajaran bahasa Melayu yang telah diajarkan pada masa itu sangat rendah dan tidak sistematis berbanding dengan buku teks di Malaysia. Keputusan ini tidak boleh dibandingkan dengan sekolah-sekolah di Malaysia. Soalan peperiksaan juga sangat mudah dan senang. Apabila pengkaji mengukur dengan soalan diagnostik yang digunakan untuk kajian ini didapati mereka tidak dapat menjawab soalan dan tidak dapat membaca dengan baik.

Bilangan murid Tahun 1 yang ramai menyebabkan guru tidak dapat memusatkan pengajaran dan pembelajaran secara berkesan baik secara individu atau kumpulan. Murid yang lembam tidak berpeluang mengikuti pembelajaran pemulihan dengan berkesan (sebenarnya di sekolah ini tidak ada kelas pemulihan bagi murid yang lembam).

Daripada pemerhatian langsung organisasi bilik darjah, didapati keadaannya kurang memuaskan. Bilik darjah dihias dengan carta dan bahan pemelajaran yang berkaitan dengan mata pelajaran yang dipelajari oleh murid khususnya mata pelajaran akademik iaitu matematik, bahasa Thai, bahasa Inggeris, sosial, sains dan teknologi. Carta dan bahan pemelajaran yang berkaitan dengan bahasa Melayu tidak dihiaskan (oleh kerana semua guru bimbingan murid Tahun 1 yang mengandungi 4 kelas adalah guru aliran akademik iaitu guru Siam beragama Budha, dan bukan guru aliran agama). Hal ini merupakan satu masalah yang harus dititikberatkan oleh guru mata pelajaran bahasa Melayu dan harus diselesaikan masalah ini dengan cepat demi meningkatkan tahap kemahiran bahasa Melayu dalam kalangan murid Tahun 1 tersebut.

Masa yang diperuntukan bagi mata pelajaran bahasa Melayu hanya 1 jam sahaja dalam seminggu, iaitu dalam masa 40 jam untuk dua sesi (setahun), kredit pembelajaran iaitu 0.5 kredit. Hal ini merupakan masalahkekangan masa yang tidak mamadai dan mencukupi untuk penguasaan asas bacaan. Masalah masa juga merupakan masalah yang sangat besar kerana masa adalah penting dalam proses pengajaran dan pemelajaran untuk tahap ini. Tahap pra bacaan memerlukan masa yang agak banyak, paling minimum pun sepatutnya 3 jam dalam seminggu sesuai untuk tahap penguasaan pra bacaan.

### 2.7.3 Kaedah Temu bual

Dalam kaedah temu bual ini, pengkaji akan memilih informan, iaitu guru bahasa Melayu di sebuah Sekolah Siam Ban Kholorkaway (sekolah kebangsaan peringkat rendah, di daerah Sri Sakorn, wilayah Narathiwat, Selatan Thailand). Tujuan untuk memperoleh maklumat atau keterangan yang diperlukan tentang teknik, kaedah, bagi pendekatan yang digunakan dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran (P&P) mata pelajaran bahasa Melayu Tahun 1 dan membolehkan murid-murid memahami dan menguasai bahan bacaan asas dengan baik.

Seterusnya temu bual telah dijalankan dengan kesemua responden (30 orang murid yang terlibat dengan kajian ini) untuk mendapatkan pengesahan tentang perkara-perkara yang diperhatikan semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlaku.

Soalan temu bual untuk ibu bapa murid-murid juga turut dijalankan untuk mendapatkan faktor-faktor yang mendorong pada tahap penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan responden tersebut. Maklumat daripada temu bual ini dapat membantu dan mengukuhkan dapatan dan pemerhatian, soal selidik, rekod pemerhatian, dan rekod pencapaian murid.

Kaedah temu bual ini penting untuk mendapatkan:-

1. Pengesahan tentang perkara-perkara yang diperhatikan semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlaku.

2. penjelasan lanjut tentang maklumat-maklumat yang tidak diperolehai daripada instrumen kajian yang lain.

Maklumat daripada temubual ini dapat membantu dan mengukuhkan dapatan pemerhatian, soal temu bual serta rekod pencapaian murid.

#### **2.7.4 Tinjauan**

Tinjauan telah diedarkan kepada guru yang terlibat pada awal tempoh kajian dimulakan. Tinjauan ini mengandungi: (sila rujuk lampiran 7 )

Bahagian I : Latar belakang sekolah.

Bahagian II (A) : Latar belakang guru yang mengajar Bahasa Melayu.

Bahagian II (B) : Pendekatan yang digunakan oleh guru Tahun 1.

#### **2.7.5 Rekod Pencapaian Murid**

Rekod ini mengandungi data tentang pencapaian murid hasil daripada pengujian yang dijalankan. Rekod tersebut juga mencatatkan pencapaian yang dikuasai oleh murid pada setiap peringkat dan aspek pengujian. Rekod ini penting kerana pengkaji dapat menggunakan untuk cepat dapat mengetahui kebolehan dan kelemahan (tahap penguasaan) murid tersebut. Data yang dikumpulkan melalui kelima-lima cara di atas akan dianalisis untuk menentukan tahap penguasaan kosa kata asas murid Tahun 1, dan mengetahui faktor kelemahan murid dalam usaha menguasai kosa kata asas dan seterusnya mencari jalan penyelesaian bagi mengatasi masalah tersebut. Setelah data dipungut dan dikumpulkan, pengkaji menganalisis

data kajian dengan secara manual. Analisis yang dilakukan adalah berpandukan objektif kajian bagi melihat kesignifikanan hubungan pemboleh ubah dengan tahap penguasaan bacaan asas.

## 2.8 Pendekatan Kajian

Kajian yang dijalankan secara berlatih tubi, membaca secara berulang-ulang, membaca secara individu, kumpulan dan beramai-ramai dengan bimbingan pengkaji. Subjek kajian yang hendak diuji akan diajar membaca terlebih dahulu tentang kemahiran yang hendak diuji. Setelah diajar sebanyak dua kali bagi setiap kemahiran, barulah subjek kajian tersebut diuji. Dengan cara ini dapatlah subjek kajian menguasai kosa kata asas dengan mudah kerana huruf, suku kata (perkataan) dan ayat didedahkan kepada mereka diulang sekurang-kurangnya dua kali sebelum ujian dijalankan. Kemahiran yang dikuasai oleh subjek kajian dikukuhkan lagi dengan aktiviti menulis pada bahagian akhir pelajaran supaya subjek kajian dapat dilatih atau dipraktik serta difahami apa yang dibaca dan dipelajari. Dengan menulis, mereka dapat meningkatkan kemahiran penulisan kerana semasa subjek kajian dilatih secara tulisan subjek kajian akan membaca secara akaliah dan mereka akan menignkat apa yang dipelajarinya.

### 2.8.1 Alat Kajian

Alat kajian merupakan bahan yang telah dibina oleh Muhammad Saiful Haq bin Hussin iaitu “*Modul Asas Membaca Tahun 1 (Edisi 1)*” (sila lihat lampiran 9).

Pembahagiannya dibuat secara berperingkat-peringkat melalui bahagian seperti berikut:

(1)- Peringkat huruf

A. Vokal

B. Huruf besar

C. Huruf kecil

(2)- Peringkat Suku Kata

D. Suku kata terbuka + Suku kata terbuka (kv+kv)

E. Suku kata terbuka + Suku kata tertutup (kv+kvk)

F. Cantuman suku kata + Suku kata tertutup (v+kvk)

G. Suku kata tertutup + Suku kata tertutup (kvik+kvik)

(3)- Perkataan

H. Perkataan. (kvik)

I. Perkataan. (kvik+kvkk)

J. Perkataan berimbahan. (suku kata kompleks)

K. Perkataan berdiftong, vokal berganding dan konsonan bergabung.

(4)- Frasa

L. Frasa yang mengandungi 2 hingga 3 perkataan.

M. Penggunaan frasa di dalam ayat.

(5)- Ayat

N. Ayat yang mengandungi perkataan berganda.

O. Membetulkan ayat.

P. Menyusun ayat mudah.

Q. Kefahaman bacaan.

### **2.8.2 Pemaklum**

Dalam kajian penyelidikan ini, sebanyak 20 peratus bersamaan 30 orang murid-murid daripada keseluruhan murid-murid Tahun 1 dipilih. Beberapa kriteria penting dalam pemilihan pemaklum ini dijelaskan seperti yang berikut:

1. Kanak-kanak yang normal.
2. Mempunyai kebolehan berbahasa.
3. Bersekolah di dalam Tahun 1 di Sekolah rendah (Sekolah -sekolah Siam) Sekolah Bantuan Kerajaan.
4. Lelaki dan perempuan berumur dalam lingkungan 7 tahun.
5. Murid-murid yang ikhlas, rela memberi kerjasama sepenuhnya.

Pemilihan pemaklum dilakukan dengan bantuan guru kelas.

### **2.8.3 Ujian Diagnostik**

Ujian diagnostik ini mengandungi 40 soalan dan dibahagikan kepada 6 bahagian (sila rujuk lampiran 8). Kesemua soalan adalah berperingkat-peringkat. Bahagian A mempunyai soalan sebanyak 10 soalan, peringkat (huruf prabacaan) iaitu huruf abjad besar dan kecil, huruf vokal, dalam bahagian A dibahagi pula kepada dua bahagian iaitu soalan 1-4 merupakan sambung titik dan soalan 5-10 berbentuk suaikan. Bahagian B berkaitan dengan huruf vokal dan konsonan yang mengandungi soalan sebanyak 6 soalan iaitu soalan 11-16, soalannya berbentuk lengkapkan atau isikan tempat kosong. Bahagian C mengandungi soalan sebanyak 18 soalan, soalannya berbentuk suaikan, soalan bahagian C, D, dan E berkaitan dengan peringkat suku kata ialah suku kata terbuka ( $kv+kv$ ), suku kata tertutup ( $kv+kvk$ ), cantuman

suku kata ( $v+kv$ ), suku kata tertutup ( $kvk+kvk$ ). Bahagian F terdapat 6 soalan, soalan semua berkaitan peringkat frasa mengandungi frasa yang mengandungi 2 hingga 3 perkataan dan penggunaan frasa di dalam ayat. Peringkat perkataan ialah ayat yang mengandungi perkataan berganda, membentulkan, menyusun ayat mudah, dan kefahaman bacaan.

Dalam ujian diagnostik dalam soalan bahagian A, C, dan D terdapat murid-murid Tahun 1 dapat menjawab soalan walaupun mereka tidak dapat membaca kerana soalannya berbentuk suaikan. Soalan bahagian B, E, dan F mereka kebanyakannya tidak dapat menjawab soalan tersebut dengan kerana soalannya berbentuk isikan ejaan, suaikan perkataan dengan gambar, dan isikan tempat kosong.

Berdasarkan keputusan ujian diagnostik yang diperoleh pengkaji telah membahagikan murid-murid tersebut kepada 3 kumpulan iaitu kumpulan cerdas sebanyak 10 orang, kumpulan sederhana sebanyak 10 orang, dan kumpulan lambat sebanyak 10 orang daripada bilangan murid seramai 143 orang. Murid-murid yang mendapat keputusan ujian diagnostik markah 20 ke atas dikategorikan dalam kumpulan cerdas, manakala murid yang mendapat keputusan ujian diagnostik markah 16-19 dikategorikan dalam kumpulan sederhana, dan murid-murid yang mendapat markah 15 ke bawah dikategorikan dalam kumpulan lambat.

Hanya 20 peratus (bersamaan 30 orang murid) yang dipilih sebagai subjek kajian kerana murid-murid yang telah dipilih merupakan murid-murid yang sanggup dan memberi kerjasama dengan pengkaji dalam menjalankan kajian ini dengan lancar. Terdapat masalah yang tidak terjangka antaranya terdapat sebahagian besar murid-

murid Tahun 1 yang tidak memberi kerjasama dengan pengkaji apabila pengkaji menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran dan seterusnya ujian diagnostik terhadap mereka. Mereka terus lari dan menolak atas permintaan pengkaji. Hal ini merupakan masalah untuk boleh mendapatkan menambah subjek kajian. Keputusan ujian diagnostik dapat dilihat di dalam jadual 2.4 di halaman 109 seterusnya:

Jadual 2.4: Keputusan Ujian Diagnostik Subjek Kajian

Bil	Nama Murid (kod)	Markah
1	C1	25
2	C2	22
3	C3	21
4	C4	24
5	C5	20
6	C6	10
7	C7	22
8	C8	19
9	C9	22
10	C10	20
11	S1	17
12	S2	16
13	S3	17
14	S4	12
15	S5	16
16	S6	11
17	S7	25
18	S8	12
19	S9	17
20	S10	18
21	L1	14
22	L2	16
23	L3	9
24	L4	12
25	L5	15
26	L6	12
27	L7	13
28	L8	17
29	L9	15
30	L10	15

C = Subjek Kajian Kumpulan Cerdas

S = Subjek Kajian Kumpulan Sederhana

L = Subjek Kajian Kumpulan Lambat

## 2.9 Tatacara Kajian

Dalam hal ini pengkaji melakukan kajian rintis dan kajian sebenar untuk melihat masalah yang dihadapi oleh murid-murid dalam penguasaan kosa kata asas dalam bahasa Melayu. Kajian sebenar untuk mengenal pasti kawasan kajian, mengenal pasti kumpulan sasaran, pengendalian uji dan uji semula, dan untuk pengedaran kertas soal temu bual bagi mendapatkan maklumat yang cukup lengkap dan kukuh.

### 2.9.1 Kajian Rintis

Pengkaji turun ke lapangan untuk menjalankan kajian rintis. Kajian dijalankan di Sekolah Siam Ban Kholorkaway, Daerah Sri Sakorn, Wilayah Narathiwat, Selatan Thailand sesi 2009, selama seminggu iaitu mulai dari 22 Disember 2009 hingga 26 Disember 2009. Pengkaji berjumpa dengan Pengurus Sekolah En. Sulaiman Baisamok supaya meminta izin untuk menjalankan kajian di sekolah ini, dan pengkaji berjumpa dengan guru bahasa Melayu Cikgu Siti Aminah Adam yang mengajar mata pelajaran bahasa Melayu peringkat Tahub 1 (atau Prathom 1) di sekolah ini dan mendapat jadual waktu, buku mata pelajaran bahasa Melayu, dan keputusan peperiksaan akhir tahun 2009, pengkaji telah mengenal pasti waktu dan masa yang sesuai untuk menjalankan kajian rintis. Sebanyak 50 peratus bersamaan 16 orang murid daripada 32 orang murid telah dikenal pasti, mereka dipilih daripada kelas Prathom 1/1 (Tahun 1 bilik 1). Pelajar dalam kelas ini terdiri daripada pelajar yang pelbagai kebolehannya, iaitu sederhana, cerdas, dan lembam. Sekolah Siam ban Khorlogaway ini terletak di kawasan Daerah Sri Sakorn.

Kebanyakan penduduknya terdiri daripada mereka yang berstatus sosio ekonomi yang rendah, iaitu berkerja di dalam sektor pertanian, perusahaan ladang getah, sawah padi, dan kebun buah-buahan. Ada juga sebahagian kecil ibu bapa penjaga murid-murid tersebut terdiri daripada pegawai-pegawai kerajaan pada peringkat pertengahan seperti anggota polis, askar, jururawat, guru, perkerja-pekerja yang terlibat dalam bidang pentadbiran di pejabat kerajaan dan swasta, dan peniaga-peniaga kedai emas, membeli getah, dan sebagainya.

Pemilihan mereka dibuat berdasarkan kepada Ujian Diagnostik yang dijalankan oleh penyelidik. Mereka terdiri daripada murid-murid Tahun 1 sesi 2009 (lelaki dan perempuan) yang berumur lebih kurang 7 tahun. Subjek kajian dibahagikan kepada tiga kategori berdasarkan kepada tahap kebolehan dan tahap pencapaian mereka iaitu kumpulan cerdas, sederhana, dan lambat. Setiap kumpulan mengandungi 5 orang dan 6 orang subjek kajian. Jumlah semua subjek kajian ialah 16 orang bersamaan 50 peratus.

Pada peringkat ini pelbagai cara telah digunakan oleh pengkaji untuk mendekati murid tersebut. Hal ini demikian, kerana kanak-kanak memiliki sifat pemalu dan berasa takut untuk berbual dengan pengkaji. Tetapi, akhirnya murid tersebut dapat bermesra dengan pengkaji setelah pelbagai cara dilakukan melalui beberapa siri pertemuan.

Setelah pengkaji melakukan ujian diagnostik terhadap subjek kajian didapati bahawa murid-murid tersebut kebanyakannya tidak dapat menjawab soalan yang diberikan dengan baik oleh kerana murid-murid tersebut tidak mengenal huruf dan

tidak dapat menguasai bahasa Melayu dengan baik. Murid-murid tidak memahami bahasa Melayu baku mereka hanya dapat memahami bahasa Melayu dialek Pattani (DMP) sahaja oleh hal yang demikian dalam menjalankan kajian rintis pengkaji terpaksa menterjemah dan menerangkan ke dalam bahasa Thai dan bahasa Melayu dialek Pattani (DMP) bagi subjek kajian dapat menjawab soalan dengan lancar.

Keputusan ujian soalan diagnostik mendapati bahawa subjek kajian hanya dapat menjawab soalan pada peringkat huruf sahaja dan pada peringkat suku kata KV, perkataan dan kemahiran ayat mudah mereka gagal tidak dapat menjawab dengan baik pada peringkat yang lebih tinggi.

Berikut implikasi daripada kajian rintis tersebut:

- 1). Jumlah kemahiran yang hendak dikuasai oleh murid Tahun 1 adalah agak banyak, berbanding dengan jumlah peruntukan masa yang terhad dan kebolehan murid yang lambat.
- 2). Sukar menganalisis jawapan yang betul melalui latihan yang disediakan, kerana terpaksa menguasai kemahiran membaca dan menulis secara serentak dalam masa yang singkat.
- 3). Murid-murid menghadapi masalah kekangan masa sewaktu melalui proses pengajaran dan pembelajaran, terutama bagi yang lembam. Murid-murid ini berkemungkinan boleh menguasai kemahiran yang diajar sekiranya had masa yang diperuntukkan dilanjutkan.
- 4). Ada sebilangan murid yang menghadapi masalah buta huruf yakni tidak mengenal huruf abjad dengan betul dan tidak mengingati huruf abjad, ada sesetengah murid-murid menghafal huruf abjad, mereka dapat menghafal

huruf abjad sebanyak 26 huruf. Namun mereka tidak dapat mengenal huruf-huruf vokal dan huruf konsonan.

5). Gangguan bahasa Thai, apabila pengkaji memberikan kad gambar dan suku kata contohnya: mata, mereka dapat memahami bahawa ini mata (melalui kad gambar) namun hakikat sebenarnya mereka tidak boleh membaca dan mengeja dalam bahasa Melayu sedangkan mereka terus mengeja dalam bahasa Thai iaitu mor-a-ma, tor-a-ta mata (**ມ-າ-ມ**, **ຕ-າ-ຕ**) oleh kerana Muird-murid

Tahun 1 tersebut sudah dapat menguasai bahasa Thai.

6). Terdapat sesetengah murid yang tidak suka belajar dengan teknik mengeja namun, mereka lebih suka belajar membaca melalui aktiviti nyanyian sambil mengeja, mereka tidak boleh bertahan lama di kerusi mereka lebih suka belajar dalam keadaan menyanyi-nyanyi sambil menari, kerana mereka baru lepas peringkat prasekolah mereka sudah biasa dengan teknik-teknik belajar dengan muzik yang dilaksanakan proses mengajar pada peringkat prasekolah di sekolah ini.

7). Di sekolah ini tidak mempunyai alat bantu mengajar contohnya bilik makmal bahasa, LCD, dan bahan-bahan bacaan dalam bahasa Melayu.


Berdasarkan maklumat kajian rintis tersebut, pengkaji mengambil langkah yang berikut:

- 1). Memberi penekanan kepada kemahiran yang hendak diuji dan menyediakan bahan rangsangan yang berkaitan untuk memungkinkan murid menguasainya dengan cepat dalam masa singkat.
- 2). Mengadakan latih tubi daripada aspek lisan, bacaan dan tulisan bagi memantapkan ingatan dan kefahaman murid-murid.

- 3). Menyediakan bahan rangsangan khususnya bahan bahasa Melayu yang sesuai dengan tahap kebolehan murid-murid.
- 4). Mempelbagaikan alat bantu mengajar.
- 5). Mempelbagaikan aktiviti dalam proses pengajaran dan pembelajaran bacaan asas bahasa Melayu.
- 6). Menyediakan lagu-lagu, muzik-muzik yang berkaitan dengan prabacaan, contohnya mengenal huruf vokal dan konsonan, mengeja dan menggabung suku kata dalam melaksanakan proses pengajaran dan pemelajaran bahasa Melayu

## **2.10 Prosedur Kajian**

Setelah melalui langkah-langkah pengajaran dan pembelajaran yang bersistematis dan sesuai dengan keperluan pembelajaran berdasarkan jadual yang disediakan, didapati murid dapat menguasai kemahiran mengikut tahap kebolehan masing-masing. Semasa pengajaran dilakukan, pengkaji telah memperkenalkan setiap kemahiran yang hendak diuji sebanyak dua kali. Pengajaran dilakukan mengikut langkah-langkah utama bagi setiap kemahiran seperti rajah 2.4 di bawah:



Rajah 2.4: Langkah-langkah pengajaran

(Sumber : Muhammad Saiful Haq Hussin, 2008:15)

Dengan cara ini dapatlah subjek kajian menguasai kosa kata asas dengan mudah kerana huruf, suku kata (perkataan) dan ayat didedahkan kepada mereka diulang sekurang-kurangnya dua kali sebelum ujian dijalankan. Kemahiran yang dikuasai oleh murid dikukuhkan lagi dengan aktiviti menulis pada bahagian akhir pelajaran supaya murid-murid dapat melatih atau mempraktik apa yang dibaca dan dipelajari dengan secara tulisan, dapat meningkat kemahiran menulis kerana semasa murid-murid melatih secara tulisan murid-murid akan bertambah ingat dan melakukan bacaan senyap. Lazimnya bahan yang ditulis oleh murid-murid adalah berdasarkan kemahiran-kemahiran yang hendak diuji. Mengikut Muhammad Saiful Haq bin Hussin (2008:15), menjelaskan bahawa menulis semula apa yang telah dipelajari merupakan suatu aktiviti yang berkesan. Semasa melakukan proses ini, murid kelihatan membaca perkataan demi perkataan yang sesuai yang hendak ditulis. Usaha seperti ini bukan sahaja dapat meningkatkan penguasaan kemahiran membaca dalam kalangan murid, malahan juga dapat meningkatkan kemahiran mereka dalam penulisan dan sekali gus meningkatkan penguasaan murid dalam mata pelajaran bahasa Melayu.

Berdasarkan pemerhatian yang dibuat oleh pengkaji mendapati bahawa masalah-masalah yang tidak dijangkakan dalam pelaksanakan proses pengajaran dan pemelajaran bahasa Melayu telah berlaku. Umpamanya pada peringkat awal sesi pengajaran dijalankan pengkaji mendapati murid-murid tidak membawa buku Asas Membaca, alatan (kad huruf, kad suku kata, dan kad perkataan) yang diberikan kepada mereka, untuk kegunaan pembelajaran pada sesi yang seterusnya. Bagi mengatasi masalah ini pengkaji sering membekalkan kad-kad tambahan atau

mengarahkan murid-murid yang terlupa membawa alatan itu membina kad itu dengan sendiri apabila masalah ini timbul.

## 2.11 Kajian Sebenar

Kajian sebenar telah dilakukan di Sekolah Siam Ban Khorlogaway, Daerah Sri Sakorn, wilayah Narathiwat, Selatan Thailand, pada dua sesi, sesi pertama ialah pada bulan 1 Ogos 2010 hingga 9 Oktober 2010 dan sesi kedua pada 1 Disember hingga 11 Mac 2011, iaitu selama 6 bulan. Dalam sebulan pengkaji hanya dapat menjalankan kerja lapangan (menjalankan ujian diagnostik untuk mengkelaskan murid kepada tiga kumpulan iaitu cerdas, sederhana, dan lambat, ujian sebelum P&P dengan rekod pencapaian murid berdasarkan *Modul Asas Membaca Tahun 1 (Edisi 1)*, seterusnya melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran dengan menggunakan Asas Membaca Tahun 1. Akhirnya ujian selepas P&P dengan rekod pencapaian murid berdasarkan *Modul Asas Membaca Tahun 1 (Edisi 1)* untuk melihat tahap penguasaan *Modul Asas Membaca Tahun 1 (Edisi 1)* sama ada meningkat atau menurun.

Terlebih dahulu pengkaji telah mendapatkan kebenaran daripada pihak Pentadbiran Sekolah Siam Ban Khorlogaway untuk menjalankan kajian di sekolah ini. Setelah mendapat kebenaran, pengkaji menjalankan kaedah-kaedah kajian yang seterusnya mengikut prosedur yang telah ditetapkan iaitu dengan cara menjalankan kaedah tinjauan, kaedah temu bual dan kaedah pemerhatian terkawal. (sila lihat dalam lampiran 11 menerangkan plan tindakan yang dilakukan oleh pengkaji, dan lampiran 12 menerangkan aktiviti kerja lapangan sepanjang tempoh kerja lapangan di lokasi kajian).

## 2.12 Kesimpulan

Dalam bab ini, pengkaji telah menerangkan reka bentuk kajian iaitu meliputi kaedah kepustakaan dan kaedah kerja lapangan. Selain itu, pengkaji juga menerangkan kerangka teori yang digunakan dalam kajian ini. Teori yang menjadi fokus utama pengkaji ialah Teori Monitor. Walau bagaimanapun, sebelum itu pengkaji menerangkan juga dua teori yang berkait rapat dengan teori pembelajaran. Teori tersebut ialah Teori Behaviorisme dan Teori Mentalisme. Teori Monitor adalah tergolong dalam teori mentalisme. Di samping itu, pengkaji juga menerangkan faktor kejayaan Teori Monitor yang sekali gus mempunyai kaitan dengan kerangka konsep yang dibina oleh pengkaji.

Seterusnya, dalam bab ini juga pengkaji menerangkan posedur kajian yang perlu dilakukan antaranya ialah mengenal pasti lokasi kajian, mengenal pasti sampel kajian, kaedah kajian, pendekatan kajian, alat kajian serta tatacara kajian, kajian rinis, kajian sebenar. Semua prosedur ini perlu dilakukan agar penyelidikan ini berjaya menepati objektif kajian yang telah ditetapkan.

## BAB III

### PENGUASAAN KOSA KATA ASAS (PRABACAAN)

#### 3.0 Pendahuluan

Dalam bab ini, perbincangan tertumpu pada keputusan rekod pencapaian murid yang menggunakan *Modul Asas Membaca Tahun 1* (Edisi 1), sebagai alat kajian. Dalam bab ini pengkaji akan membincangkan tahap penguasaan kosa kata asas bahasa Melayu pada peringkat prabacaan (sila rujuk lampiran 9 dalam A1-A9) iaitu ujian yang pertama (ujian pra) dan ujian yang kedua (ujian pasca) proses P&P.

#### 3.1 Persempahan Dapatan Peringkat Prabacaan

Dalam persempahan dapatan peringkat prabacaan ini pengkaji akan membincangkan dapatan ujian yang pertama atau ujian pra dengan menganalisis rekod pencapaian murid terhadap tahap penguasaan kosa kata asas (pada peringkat prabacaan), dan masalah-masalah yang timbul dalam penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan murid-murid Tahun 1 di sekolah Siam Ban Khorlogaway.

Analisis yang dibuat bertujuan untuk mengenal pasti tahap penguasaan bahasa Melayu subjek kajian pada pringkat tersebut. Hasilnya didapati bahawa masalah penguasaan kosa kata asas dalam kalangan murid-murid Tahun 1 di sekolah Siam Ban Khorlogaway begitu ketara.

Di samping itu penganalisisan ini juga dilakukan untuk mengetahui keupayaan kemahiran membaca murid-murid Tahun 1, dan mengetahui kebolehan mereka memahami bahan yang dibacanya. Dalam hal ini didapati subjek kajian tidak dapat membaca dengan baik dan kebanyakan daripada mereka tidak tahu dan tidak memahami makna kosa kata yang dibaca oleh mereka.

### **3.2 Ujian Pertama**

Ujian pertama ialah ujian sebelum proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu dijalankan, pengkaji menguji subjek kajian dengan rekod pencapaian murid seorang demi seorang mengikut kumpulan iaitu kumpulan cerdas (sebanyak 10 orang murid) kumpulan sederhana (sebanyak 10 orang murid) dan kumpulan lambat (sebanyak 10 orang murid). Dalam bab ini pengkaji membincangkan peringkat prabacaan iaitu peringkat huruf, dan peringkat suku kata terbuka KV seperti berikut:

Bahagian A1: huruf abjad kecil iaitu; *a, b, c, d, e, f, g, h, i, j, k, l, m, n, o, p, q, r, s, t, u, v, w, x, y, dan z*.

Bahagian A2: huruf vokal iaitu; *a, e, e, i, o, dan u*, huruf-huruf yang sama saiznya iaitu; *c, m, n, r, s, w, z, v, dan x*, huruf-huruf bentuk panjang ke atas iaitu; *b, d, f, h, k, l* dan *t*, dan huruf-huruf yang bentuk panjang ke bawah ialah; *g, j, p, q, dan y*.

Bahagian A3 ialah aspek huruf kecil dan huruf besar yang berbeza antara satu sama lain; *Aa, Bb, Dd, Ee, Ff, Gg, Hh, Ii, Jj, Ll, Mm, Nn, Qq, Rr* dan *Tt*, dan huruf

kecil dan huruf besar bentuknya sama iaitu ; *Cc, Kk, Oo, Pp, Ss, Uu, Vv, Ww, Xx, Yy*, dan *Zz*.

Bahagian A4 ialah padanan suku kata KV, pada peringkat ini fonem-fonem sama saiz dengan gabungan bunyi konsonan dengan bunyi vokal dengan huruf *c, m, n, dan r*.

Bahagian A5 (I) ialah aspek suku kata KV iaitu gabungan bunyi konsonan dengan bunyi vokal dengan huruf *s, v, w, dan x*.

Bahagian A5 (II) ialah aspek suku kata KV iaitu gabungan bunyi konsonan dengan bunyi vokal dengan huruf “*z*”, *za, ze, ze, zi, zo*, dan *zu*.

Bahagian A6 ialah aspek suku kata KV iaitu gabungan bunyi konsonan dengan bunyi vokal dengan huruf *b, d, k, dan f, ba, be, be, bi, bo, bu, da, de, de, di, do, du, ka, ke, ke, ki, ko, ku, fa, fe, fe, fi, fo, fu*.

Bahagian A7 ialah aspek suku kata KV iaitu gabungan bunyi konsonan dengan bunyi vokal dengan huruf *h, l, dan t, ha, he, he, hi, ho, hu, la, le, le, li, lo, lu, ta, te, te, ti, to*, dan *tu*.

Bahagian A7 ialah aspek suku kata KV iaitu gabungan bunyi konsonan dengan bunyi vokal dengan huruf *g, j, p* dan *q, ga, ge, ge, gi, go, dan gu, ja, je, je, ji, jo, dan ju, pa, pe, pe, pi, po, dan pu, qa, qe, qe, qi, qo, dan qu*.

Bahagian A8 ialah aspek suku kata KV iaitu gabungan bunyi konsonan dengan bunyi vokal dengan huruf *g, j, p* dan *q, ga, ge, ge, gi, go, dan gu, ja, je, je, ji, jo, dan ju, pa, pe, pe, pi, po, dan pu, qa, qe, qe, qi, qo, dan qu.*

Bahagian A9 ialah aspek suku kata KV iaitu gabungan bunyi konsonan dengan bunyi vokal dengan huruf “*y*”, *ya ye ye yi yo* dan *yu*.

### **3.2.1 Peringkat Prabacaan Ujian Sebelum**

Hasil kajian dipaparkan dalam bentuk jadual mengikut kiraan peratusan kekerapan jumlah butiran soalan yang betul dan jumlah butiran soalan yang salah. Ia merangkumi peringkat prabacaan dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu peringkat huruf (huruf kecil mengikut urutan, huruf kecil tidak mengikut urutan, huruf besar dan huruf kecil yang tidak sama bentuknya, dan huruf besar dan huruf kecil yang sama bentuknya) dan peringkat suku kata terbuka KV (vokal bercampur huruf-huruf *c, m, n, r, s, v, w, x, dan z*, vokal bercampur huruf-huruf *b, d, k, f, l, dan t*, vokal bercampur huruf-huruf *g, j, p, q, dan y*).

Jadual 3.1: Jumlah dan peratusan pencapaian penguasaan kosa kata asas (peringkat prabacaan) ujian sebelum

Bahagian	Jumlah item	Jumlah betul	Peratus betul	Jumlah salah	Peratus salah
A 1	780	279	35.77	501	64.23
A 2	780	275	35.26	505	64.74
A 3	780	279	35.77	501	64.23
A 4	720	0	0	720	100
A 5 (1)	720	0	0	720	100
A 5 (2)	180	0	0	180	100
A 6	720	0	0	720	100
A 7	540	0	0	540	100
A 8	720	0	0	720	100
A 9	180	0	0	180	100

Dalam ujian ini tahap penguasaan kosa kata asas (pada peringkat prabacaan) dalam kalangan subjek kajian telah dianalisis. Penganalisisan yang dibuat bertujuan untuk mengenal pasti faktor berkaitan dengan masalah penguasaan tersebut. Hasilnya didapati bahawa masalah penguasaan kosa kata asas dalam kalangan subjek kajian di sekolah Siam Ban Khorlogaway begitu ketara.

Penguasaan kosa kata asas dalam kalangan subjek kajian diteliti dengan menggunakan nilai mutlak. Hasil kajian menunjukkan bahawa sebahagian besar murid tidak boleh menguasai aspek huruf, iaitu bahagian A1 menunjukkan angka 35.77 peratus (dari 780 item, jumlah betul ialah 279), bahagian A2 pula menunjukkan angka 35.26 peratus (dari 780 item, jumlah betul ialah 275) dan bahagian bahagian A3 mewakili angka 35.77 peratus (dari 780 item, jumlah betul ialah 279). Pada

peringkat ini subjek kajian tidak dapat menguasai huruf-huruf abjad kerana mereka tidak pernah belajar bahasa Melayu dan mereka hanya belajar bahasa Inggeris pada peringkat prasekolah.

Hanya sebahagian kecil sahaja subjek kajian yang boleh menguasai aspek huruf iaitu bahagian A1 menunjukkan angka 64.23 peratus (501 jumlah salah), bahagian A2 ialah 64.74 peratus (505 jumlah salah), dan bahagian A3 ialah 64.23 peratus (501 jumlah salah). Pada peringkat ujian sebelum menunjukkan bahawa subjek kajian tidak dapat menguasai huruf-huruf abjad kerana mereka tidak ada langsung asas bahasa Melayu Standard.

Dalam bahagian A4 hingga A9 iaitu aspek suku kata gabungan bunyi konsonan dengan bunyi vokal dengan huruf *c*, *m*, *n*, dan *r*, dapatan analisis data menunjukkan bahawa subjek kajian tidak dapat langsung menguasai aspek suku kata KV. Bahagian A4 dalam 720 item didapati jumlah salah ialah 720 mewakili 100 peratus subjek kajian tidak dapat menguasai aspek suku kata.

Bahagian A5 (1) aspek suku kata KV iaitu aspek suku kata gabungan bunyi konsonan dengan bunyi vokal dengan huruf *s*, *v*, *w*, dan *x*. Dapatan analisis data menunjukkan bahawa subjek kajian tidak dapat langsung menguasai aspek suku kata KV. Bahagian A5(1) dalam 720 item didapati jumlah salah ialah 720 mewakili 100 peratus.

Bahagian A5 (2) aspek suku kata KV iaitu aspek suku kata gabungan bunyi konsonan dengan bunyi vokal dengan huruf *z*. Dapatan analisis data menunjukkan

bahawa subjek kajian tidak dapat langsung menguasai aspek suku kata KV. Bahagian A5(2) dalam 180 item didapati jumlah salah ialah 180 mewakili 100 peratus.

Bahagian A6 aspek suku kata KV iaitu aspek suku kata gabungan bunyi konsonan dengan bunyi vokal dengan huruf *b*, *d*, *k*, dan *f*. Dapatan analisis data menunjukkan bahawa subjek kajian tidak dapat langsung menguasai aspek suku kata KV. Bahagian A6 dalam 720 item didapati jumlah salah ialah 720 mewakili 100 peratus.

Bahagian A7 aspek suku kata KV iaitu aspek suku kata gabungan bunyi konsonan dengan bunyi vokal dengan huruf *h*, *l*, dan *t*. Dapatan analisis data menunjukkan bahawa subjek kajian tidak dapat langsung menguasai aspek suku kata KV. Bahagian A7 dalam 540 item didapati jumlah salah ialah 540 mewakili 100 peratus.

Bahagian A8 aspek suku kata KV iaitu aspek suku kata gabungan bunyi konsonan dengan bunyi vokal dengan huruf *g*, *j*, *p* dan *q*. Dapatan analisis data menunjukkan bahawa subjek kajian tidak dapat langsung menguasai aspek suku kata KV. Bahagian A8 dalam 720 item didapati jumlah salah ialah 720 mewakili 100 peratus.

Bahagian A9 aspek suku kata KV iaitu aspek suku kata gabungan bunyi konsonan dengan bunyi vokal dengan huruf *y*. Dapatan analisis data menunjukkan bahawa subjek kajian tidak dapat langsung menguasai aspek suku kata KV. Bahagian

A9 yang mengandungi 180 item didapati jumlah salah ialah 180 mewakili 100 peratus.

Ujian pertama pada keseluruhan data menunjukkan bahawa subjek kajian tidak ada langsung asas bahasa Melayu dan hal ini menyebabkan mereka tidak dapat menguasai kosa kata asas pada peringkat prabacaan. Dalam proses kajian pada peringkat ini pengkaji telah membekalkan buku “*Modul Asas Membaca Tahun 1 (Edisi 1)*”, kad huruf abjad sebanyak 26 huruf kecil dan 26 huruf besar kepada setiap orang murid. Kad gambar sebagai bahan rangsangan juga dipamerkan.

### 3.3 Ujian Kedua

Ujian kedua merupakan ujian selepas proses pengajaran dan pembelajaran berlaku, iaitu selepas pengkaji menguji ujian yang pertama. Subjek kajian diajar membaca dengan menggunakan buku *Modul Asas Membaca Tahun 1(Edisi 1)* yang telah diedarkan kepada murid-murid Tahun 1 (subjek kajian). Pengkaji mengajar terlebih dahulu sekurang-kurangnya sebanyak dua kali kemudian pengkaji akan menjalankan ujian kali kedua.

### 3.3.1 Peringkat Prabacaan Ujian Selepas

Jadual 3.2 : Jumlah dan peratusan pencapaian penguasaan kosa kata asas (peringkat prabacaan) ujian selepas

Bahagian	Jumlah item	Jumlah betul	Peratus betul	Jumlah salah	Peratus salah
A 1	780	669	85.77	111	14.23
A 2	780	675	86.54	105	13.46
A 3	780	669	85.77	111	14.23
A 4	720	557	77.36	163	22.64
A 5 (1)	720	532	73.89	188	26.11
A 5 (2)	180	128	71.11	52	28.89
A 6	720	530	73.61	190	26.39
A 7	540	405	75.00	135	25.00
A 8	720	437	60.69	283	39.31
A 9	180	128	71.11	52	28.89

Pada bahagian A1 iaitu huruf abjad setelah murid diajar dan didedahkan kepada semua 26 huruf yang diwakili huruf vokal dan huruf konsonan, iaitu *a, b, c, d, e, f, g, h, i, j, k, l, m, n, o, p, q, r, s, t, u, v, w, x, y, dan z*. Mengikut jadual 3.2 di atas didapati 85.77 peratus (jumlah betul 669) subjek kajian dapat menguasai aspek huruf. 14.23 peratus (jumlah salah 111) subjek kajian tidak dapat menguasai aspek huruf. Hal ini menunjukkan bahawa hanya sebahagian kecil sahaja subjek kajian yang tidak dapat menguasai aspek huruf dan angka peratusan pada peringkat ini (ujian selepas) menunjukkan peningkatan berbanding ujian sebelumnya. Jumlah betul peningkatannya sebanyak ialah 390 item bersama dengan 50 peratus (daripada jumlah semua item ialah 780 item namun, ujian sebelumnya ialah sebanyak 279 item bersama 35.77 peratus).

Masalah pertama yang timbul ialah masalah gangguan ayat bahasa Thai. Dapati ada murid yang tidak boleh menyebut huruf "j", dan "z" dengan betul kerana murid-murid tersebut sudah biasa dengan bahasa Thai. Oleh sebab itu mereka tidak boleh menyebut huruf "j" dan huruf "z" dengan betul dan huruf "j" mereka menyebutnya sebagai "c" dan huruf "z" mereka menyebut sama dengan huruf "s".

Masalah kedua ialah murid-murid tidak dapat membezakan di antara huruf "m" dan "n" ada sebahagian murid menyebut huruf "m", dan "n", bunyinya sama iaitu kedua-dua huruf bunyi sama dengan huruf "m".

Masalah ketiga ialah murid-murid sukar untuk bezakan huruf kecil yang hampir sama seperti (o-a), (c-e), (n-m), (n-h), (i-j), dan (f-t). Huruf terbalik ialah (n-u), (m-w), dan (g-b). Huruf songsang (b-d), (q-p) dan (b-p). Dapatan ini menunjukkan bahawa murid-murid keliru dengan bentuk huruf tersebut, dan masalah yang sama akan berlanjutan sama ada huruf tersebut tunggal atau berada dalam perkataan.

Bahagian A2, iaitu aspek huruf, huruf-huruf yang dikelompokkan, iaitu huruf vokal; a, e, e, i, o, dan u, huruf-huruf yang sama saiznya iaitu ; c, m, n, r, s, w, z, v, dan x, huruf-huruf bentuk panjang ke atas iaitu; b, d, f, h, k, l dan t, dan huruf-huruf yang bentuk panjang ke bawah ialah ; g, j, p, q, dan y. Tujuannya ialah memudahkan murid membuat pengecaman terhadap huruf tersebut. Hasil kajian menunjukkan bahawa bahagian A2 subjek kajian dapat menguasai aspek huruf iaitu mewakili angka 86.54 peratus (jumlah betul 675 item). Hanya sebahagian kecil sahaja murid-murid Tahun 1 yang tidak dapat menguasai aspek huruf pada peringkat bahagian A2 iaitu

14.23 peratus (jumlah salah 111). Jumlah betul peningkatannya sebanyak ialah 400 item bersamaan dengan 51.28 peratus (dari jumlah item semua ialah 780 item namun, ujian sebelumnya ialah sebanyak 275 item bersamaan 35.26 peratus).

Dalam bahagian ini masih ada dalam kalangan subjek kajian yang tidak dapat menguasai “*e pepet*” dan “*e taling*”. Ada sebahagian subjek kajian tidak dapat membezakan di antara “*e pepet*” dan “*e taling*”. Oleh itu, walaupun subjek kajian diberikan rangsangan melalui gambar untuk memudahkan mereka mamahami dan menguasai huruf vokal, namun subjek kajian tersebut masih gagal memahami dan menguasai huruf-huruf vokal dengan mantap.

Bahagian A3 ialah aspek huruf kecil dan huruf besar yang berbeza antara satu sama lain; *Aa, Bb, Dd, Ee, Ff, Gg, Hh, Ii, Jj, Ll, Mm, Nn, Qq, Rr* dan *Tt*, dan huruf kecil dan huruf besar bentuknya sama iaitu ; *Cc, Kk, Oo, Pp, Ss, Uu, Vv, Ww, Xx, Yy*, dan *Zz*. Hasil kajian menunjukkan bahawa pada peringkat ini subjek kajian dapat menguasai aspek huruf kecil dan huruf besar ialah 85.77 peratus (jumlah betul 669) dan hal ini dapat membuktikan tahap pencapaian yang semakin meningkat berbanding ujian sebelum. Subjek kajian yang tidak dapat menguasai pada peringkat ini ialah 14.23 peratus (jumlah salah 111). Jumlah betul peningkatannya sebanyak ialah 390 item bersamaan dengan 50 peratus (dari jumlah item semua ialah 780 item sebaliknya ujian sebelum ialah sebanyak 279 item bersamaan 35.77 peratus).

Bahagian A4, padanan suku kata KV, pada peringkat ini fonem-fonem sama saiz dengan huruf vokal, aspek suku kata gabungan bunyi konsonan dengan bunyi vokal dengan huruf *c, m, n*, dan *r* dipadankan. Dapatkan analisis data menunjukkan

bahawa subjek kajian dapat menguasai aspek suku kata KV dengan agak baik iaitu 77.36 peratus (jumlah betul 557). Sebahagian kecil sahaja subjek kajian yang masih tidak dapat menguasai aspek suku kata KV, dan didapati 22.64 peratus (jumlah salah 163) jumlahnya. Jumlah betul peningkatannya sebanyak ialah 557 item bersama dengan 77.36 peratus (dari jumlah item semua ialah 720 item sebaliknya ujian sebelum ialah sebanyak 0 item bersamaan 0 peratus).

Bahagian A5 (1) aspek suku kata KV, iaitu aspek suku kata gabungan bunyi konsonan dengan bunyi vokal dengan huruf *s*, *v*, *w*, dan *x*. Dapatan analisis data menunjukkan bahawa subjek kajian dapat menguasai aspek suku kata KV iaitu gabungan huruf vokal dan huruf *s*, *v*, *w*, dan *x* membuktikan dengan angka 73.89 peratus (jumlah betul 532). Sebaliknya, subjek kajian yang masih tidak dapat menguasai pada peringkat ini ialah hanya 26.11 peratus (jumlah salah 188). Jumlah betul peningkatannya sebanyak ialah 532 item bersama dengan 73.89 peratus (dari jumlah item semua ialah 720 item sebaliknya ujian sebelum ialah sebanyak 0 item bersamaan 0 peratus).

Bahagian A5 (2) aspek suku kata KV iaitu aspek suku kata gabungan bunyi konsonan dengan bunyi vokal dengan huruf “*z*”, *za*, *ze*, *ze*, *zi*, *zo*, dan *zu*. Dapatan analisis data menunjukkan bahawa subjek kajian dapat menguasai aspek suku kata KV ialah 71.11 peratus (jumlah betul 128), manakala 28.89 peratus (jumlah salah 52) menunjukkan bahawa subjek kajian dapat menguasai pada peringkat aspek suku kata KV. Dalam bahagian ini ada sebahagian subjek kajian yang tidak boleh menyebut huruf “*z*” apabila mereka mengeja dan menyebut “*za*, *ze*, *ze*, *zi*, *zo*, dan *zu*”. Bunyi yang dihasilkan ialah “*sa*, *se*, *se*, *si*, *so*, dan *su*”. Masalah yang sering

berlakunya ialah masalah *e pepet* dan *e taling* bagi subjek kajian kebanyakan mereka menyebut bunyi *e pepet* dan *e taling* sama. Mereka selalu menyebut bunyi *e pepet* sahaja. Perkara ini berlaku kerana subjek kajian tidak boleh membezakan di antara huruf vokal *e pepet* dan *e taling*, dan satu lagi gangguan bahasa Thai mempengaruhi subjek kajian dalam menguasai asas bacaan dengan tepat dan betul. Jumlah betul peningkatannya sebanyak ialah 128 bersama dengan 71.11 peratus (dari jumlah item semua ialah 180 item sebaliknya ujian sebelum ialah sebanyak 0 item bersamaan 0 peratus).

Bahagian A6 aspek suku kata KV iaitu aspek suku kata gabungan bunyi konsonan dengan bunyi vokal dengan huruf *b, d, k*, dan *f, ba, be, be, bi, bo, bu, da, de, de, di, do, du, ka, ke, ke, ki, ko, ku, fa, fe, fe, fi, fo, fu*. Dapatan analisis data menunjukkan bahawa subjek kajian dapat menguasai aspek suku kata KV ialah 73.61 peratus (jumlah betul 530). Sebaliknya, sebahagian kecil sahaja subjek kajian yang tidak dapat menguasai pada peringkat ini. 26.39 peratus (jumlah salah 190) mewakili kumpulan ini. Jumlah betul peningkatannya sebanyak ialah 530 item bersamaan dengan 73.61 peratus (dari jumlah item semua ialah 720 item sebaliknya ujian sebelum ialah sebanyak 0 item bersamaan 0 peratus).

Bahagian A7 aspek suku kata KV, iaitu aspek suku kata gabungan bunyi konsonan dengan bunyi vokal dengan huruf *h, l, t*, dan *t, ha, he, he, hi, ho, hu, la, le, le, li, lo, lu, ta, te, te, ti, to, dan tu*. Dapatan analisis data menunjukkan bahawa subjek kajian dapat menguasai aspek suku kata KV agak baik, iaitu 75.00 peratus (jumlah betul 405) dan sebahagian kecil sahaja subjek kajian tidak dapat menguasai pada peringkat ini sebanyak 25.00 peratus (jumlah salah 135). Jumlah betul

peningkatannya sebanyak ialah 405 item bersama dengan 75 peratus (dari jumlah item semua ialah 540 item sebaliknya ujian sebelum ialah sebanyak 0 item bersamaan 0 peratus).

Bahagian A8 aspek suku kata KV iaitu aspek suku kata gabungan bunyi konsonan dengan bunyi vokal dengan huruf *g, j, p* dan *q, ga, ge, ge, gi, go, dan gu, ja, je, je, ji, jo, dan ju, pa, pe, pe, pi, po, dan pu, qa, qe, qe, qi, qo, dan qu*. Dapatkan analisis data menunjukkan bahawa subjek kajian dapat menguasai aspek suku kata KV 60.69 peratus (jumlah betul 437). Ada sebahagian kecil subjek kajian yang masih tidak dapat menguasai peringkat ini sebanyak 39.31 peratus (jumlah salah 283). Dalam bahagian ini didapati masalah subjek kajian tidak dapat menyebut huruf “*g*”. Mereka menyebut huruf “*g*” sebagai huruf “*k*” dan mereka menyebut huruf “*j*” sebagai huruf “*c*” contohnya ; *ja, je, je, ji, jo, dan ju* mereka membunyikan sebagai *ca, ce, ce, ci, co, dan cu*. Huruf “*g*” *ga, ge, ge, gi, go, dan gu* mereka membunyi sebagai *ka, ke, ke, ki, ko, dan ku*. Jumlah betul peningkatannya sebanyak ialah 437 item bersama dengan 60.69 peratus (dari jumlah item semua ialah 720 item sebaliknya ujian sebelum ialah sebanyak 0 item bersamaan 0 peratus).

Bahagian akhir di dalam bab ini ialah bahagian A9 aspek suku kata KV iaitu aspek suku kata gabungan bunyi konsonan dengan bunyi vokal dengan huruf *y, ya ye ye yi yo* dan *yu*. Dapatkan analisis data menunjukkan bahawa subjek kajian dapat menguasai aspek suku kata KV sebanyak 71.11 peratus (jumlah betul 128), dan ada sebahagian kecil subjek kajian yang masih tidak dapat menguasai pada peringkat ini sebanyak 28.89 peratus (jumlah salah 52). Dalam bahagian ini subjek kajian terdapat sebahagian kecil yang mereka tidak dapat membunyi huruf “*y*” dan mereka

membunyikan hanya sama dengan huruf “w”, contohnya  $y+a = ya$ , ada murid-murid yang menyebut  $y+a = wa$ . Hal ini juga merupakan satu masalah murid tidak dapat membezakan bunyi-bunyi huruf abjad. Jumlah betul peningkatannya sebanyak ialah 128 item bersama dengan 71.11 peratus (dari jumlah item semua ialah 180 item sebaliknya ujian sebelum ialah sebanyak 0 item bersamaan 0 peratus).

### 3.4 Perbandingan Pencapaian Murid Sebelum dan Selepas Ujian

Rekod pencapaian murid juga dipaparkan untuk menunjukkan pencapaian murid tersebut sebelum ujian dijalankan dan selepas mereka menjalani ujian. Paparan dibuat mengikut kelompok cerdas, sederhana, dan lambat. Untuk melihat perbezaan rujuk jadual 3.3

Jadual 3.3: Perbandingan Pencapaian Murid Ujian Pra dan Ujian Pasca

Kelompok	Ujian Pra	Ujian pasca	Perbezaan
Cerdas	0 (0%)	7 (23.33%)	+7 (23.33%)
Sederhana	0 (0%)	20 (66.67%)	+20 (66.67%)
Lambat	30 (100%)	3 (10.00%)	- 27 (90.00%)

Ternyata bahawa pencapaian subjek kajian dalam menguasai kosa kata asas (pada peringkat prabacaan) telah menunjukkan peningkatan yang ketara apabila dibandingkan pencapaian sebelum ujian dijalankan dengan selepas ujian dijalankan. Peningkatan ini dapat diperhatikan melalui perbezaan peratus dalam jadual 3.3 di atas.


Kumpulan cerdas didapati meningkat sebanyak 23.33 peratus iaitu bersamaan 7 orang murid. Angka ini menunjukkan perbezaan yang paling ketara dan baik,

kumpulan sederhana pula meningkat pertambahannya sebanyak 66.67 peratus bersamaan 20 orang murid, dan kumpulan akhirnya ialah lambat menunjukkan penurunan sebanyak 90 peratus, iaitu bersamaan dengan 27 orang murid. (Lihat Carta 3.1).

Berdasarkan dapatan di atas maka dapatlah disimpulkan bahawa murid hanya dapat mengingati sesuatu kemahiran yang diajar itu hanya dalam masa yang singkat. Buktinya setelah sekian lama, mereka tidak dapat mengingati kemahiran yang telah dipelajari untuk menjawab soalan ujian yang dijalankan. Ini membuktikan bahawa murid-murid menghadapi masalah mengingat, dan tidak dapat menumpukan perhatian. Keadaan fizikal yang lemah, murid-murid tidak ada motivasi terhadap bahasa Melayu, dan faktor-faktor sosio ekonomi, keluarga murid-murid, ibu bapa tidak mengambil berat tentang pembelajaran anak-anak, ibu bapa mereka tidak ada asas pelajaran bahasa Melayu menyebabkan ibu bapa mereka tidak dapat membantu pembelajaran anak-anak mereka. Terdapat tiga orang anak yatim yang bapa mereka menjadi mangsa keadaan tidak stabil di wilayah bergolak dan dua orang lagi daripadanya menjadi mangsa penceraian ibu bapa tinggal bersama-sama penjaga (emak saudara dan kakak). Faktor yang paling mempengaruhi subjek kajian ini ialah faktor bahasa Thai dan bahasa Melayu dialek Pattani. Kadang-kadang mereka mengeja mengikut kad gambar. Mereka terus mengeja dalam bahasa Thai, dan masalah ini sering berlaku apabila pengkaji meminta murid-murid mengeja. Contohnya : kad gambar “Mata” mereka mengeja bunyinya (sama dengan bunyi dalam bahasa Thai) “*mor + a = ma, tor+ a= ta, mata*” (*ມ້ອ + ອ = ມາ, ຖ້ອ + ອ = ຕາ, ມາຕາ*).

Masalah kekangan masa juga merupakan masalah yang besar menyebabkan murid-murid tidak cukup masa dalam menguasai dan perolehan kosa kata asas dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu di peringkat Tahun 1 ini kerana masa untuk kelas bahasa Melayu hanya satu jam seminggu dan setahun hanya 40 jam sahaja. Mengikut Krashen (1981), masa adalah amat penting dalam melaksanakan proses perolehan dan penguasaan bahasa, murid-murid perlukan masa yang cukup untuk mempraktis, mengulang kaji pelajaran atau membuat latihan yang diberikan oleh guru.

Semua faktor yang disebutkan itu telah mempengaruhi tahap penguasaan kosa kata asas (peringkat prabacaan) bahasa Melayu dalam kalangan murid-murid Tahun 1 di sekolah Siam Ban Khorlogaway, daerah Sri Sakorn, Wilayah Narathiwat, Selatan Thailand.



Carta 3.1 : Peratus Pencapaian Murid Ujian Pra dan Selepas Pasca

### 3.5 Kesimpulan

Hasil kajian membuktikan bahawa subjek kajian dapat menguasai kosa kata asas dalam bahasa Melayu pada peringkat prabacaan iaitu peringkat huruf abjad, vokal, konsonan dengan memuaskan. Apabila melihat jadual sebelum dan selepas ujian didapati subjek kajian kumpulan cerdas, sederhana, dan lambat kesemuanya menunjukkan peningkatan yang memuaskan pada peringkat ini. Ada sebilangan subjek kajian (kumpulan lambat) apabila sampai ke bahagian suku kata KV, yakni suku kata terbuka didapati sebahagian kecil yang masih tidak dapat menguasai lagi.

Bagi subjek kajian yang tidak dapat menguasai kosa kata asas (peringkat prabacaan) ini faktor-faktor yang mempengaruhi dan membataskan perolehan dan penguasaan mereka adalah murid-murid yang berasal dari keluarga yang kurang dari segi pendapatan ibu bapa. Ibu bapa mereka hanya bekerja sebagai petani (menoreh getah), mengusahakan sawah padi dan ibu bapa mereka tidak ada asas pembelajaran yang tinggi. Ibu bapa mereka tidak mengambil berat tentang pembelajaran anak-anak mereka, mereka hanya berharap kepada guru-guru di sekolah untuk menjaga dan mengajar anak-anak mereka. Masalah ini merupakan masalah yang paling besar, dan anak-anak perlu diberi perhatian tentang pelajaran mereka, dan kasih sayang mesra daripada ibu bapa mereka. Ibu bapa juga perlu memberi masa untuk pendedahan di rumah supaya murid dapat mengulangkaji pembelajaran mereka dan menyiapkan kerja sekolah yang diberikan oleh guru. Walaupun ibu bapa mereka tidak berpelajaran tinggi tetapi ibu bapa mestilah mengambil tahu dengan memeriksa kerja sekolah anak-anak mereka. Terdapat sesetengah ibu bapa mereka yang menelefon guru bertanyakan kerja sekolah anak-anak mereka. Hal ini menunjukkan bahawa ibu

bapa mereka sangat prihatin dan dapat membantu tahap penguasaan dalam kalangan anak-anak dengan lebih berkesan.

Subjek kajian kumpulan lambat, memandangkan tahap sikap dan motivasi terhadap diri mereka sendiri yang rendah kerana mereka tidak suka mengulang kaji, menyiapkan kerja sekolah, tidak berani, tidak bekerjasama dalam proses pengajaran dan pembelajaran, dan tidak boleh memberi perhatian kepada proses pengajaran dan pembelajaran. Mereka hanya suka menyanyi lagu, menari, dan bermain-main sambil belajar. Perkara-perkara yang telah diterangkan di atas merupakan masalah besar yang tidak boleh dinafikan dan masalah tersebut dapat menjaskan tahap penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan subjek kajian kumpulan lambat dengan secara langsung.

## BAB IV

### KEPUTUSAN DAN PERBINCANHAN PENGUASAAN KOSA KATA ASAS PERINGKAT PRABACAAN, PERKATAAN, DAN AYAT MUDAH

#### 4.0 Pendahuluan

Dalam bab ini, perbincangan tertumpu pada keputusan rekod pencapaian murid yang menggunakan *Modul Asas Membaca Tahun 1(Edisi 1)* sebagai alat kajian. Dalam bab ini pengkaji akan membincangkan tahap penguasaan kosa kata asas bahasa Melayu pada peringkat prabacaan, perkataan, dan ayat mudah dalam pelajaran 1 hingga pelajaran 10. Ia merupakan ujian kali pertama (ujian pra) dan ujian kali kedua (ujian pasca) antara item-item diuji. Sila lihat dalam A10-A19 berikut:

Bahagian A10 (pelajaran 1) fonem vokal iaitu /a/ = ayam, /ə/ = emak, /e/ = epal, /i/ = ikan, /o/ = oren, dan /u/ = ular.

Bahagian A11 (pelajaran 2) gabungan bunyi konsonan dengan bunyi vokal yang membentuk suku kata KV iaitu /n/ suku kata /ni/, /na/, /ne/, /ne/, /no/, dan /nu/. Di antara perkataan ialah /ini ani/, /ini ana/, /ini nini/, /ini nani/, /ini nomi/, dan /ini nanu/.

Bahagian A12 (pelajaran 3) gabungan bunyi konsonan dengan bunyi vokal yang membentuk suku kata KV iaitu /m/ suku kata ialah /mi/, /ma/, /me/, /me/, /mo/, dan /mu/. Antara perkataan ialah /ini mimi/, /ini mama/, /ini mona/, /ini mi mimi/, /ini mina/, dan /ini mi mama/.

Bahagian A13 (pelajaran 4) gabungan bunyi konsonan dengan bunyi vokal yang membentuk suku kata KV iaitu /b/ suku kata ialah /bi/, /ba/, /be/, /be/, /bo/, dan /bu/. Antara perkataan ialah /ubi/, ibu/, /bubu/, /bibi/, /abu/, /bobo/, babu/, baba/, dan ayat mudah ialah /nama mimi amimi/, /mimi ada mi/, /mimi ada ubi/, /ini ibu mimi/, /nama mama mona/, /mama ada mi/, /mama ada bubu/, /ini bubu mama/, dan /ini babu mama/.

Bahagian A14 (pelajaran 5) gabungan bunyi konsonan dengan bunyi vokal yang membentuk suku kata KV iaitu /d/ suku kata ialah /di/, /da/, /de/, /de/, /do/, dan /du/. Antara perkataan ialah /dada/, /dadu/, /budu/, dan /baba/. Ayat mudah ialah /mimi ada dadu/, /uda ada dada/, /adi ada dadu/, /dada uda ada debu/, mama ada ana/, /uda ada dadu/, /uda ada dadu/, /adi ada dada/, dan /dada adi ada debu/.

Bahagian A15 (pelajaran 6) gabungan bunyi konsonan dengan bunyi vokal yang membentuk suku kata KV iaitu /k/ suku kata ialah /ki/, /ka/, /ke/, /ke/, /ko/, dan /ku/. Antara perkataan ialah /aki/, kaki/, kuku/, /koko/, /aku/, kaku/, /daki/, dan /kodi/. Ayat mudah ialah /kuku kaki/, kaki aku/, /kaki aki kaku/, /kaki aki ada kaki/, /kaki aki/, /kaki aki aki/, /kiki kaki aki aku/, dan /kaki aki aku kaku/.

Bahagian A16 (pelajaran 7) gabungan bunyi konsonan dengan bunyi vokal yang membentuk suku kata KV iaitu /s/ suku kata ialah /si/, /sa/, /se/, /se/, /so/, dan /su/. Antara perkataan dan ayat mudah ialah /ini Isa/, /Isa ada kaki/, /ini kaki Isa/, /ini aki/, /aki ada kaki/, /ini kaki aki/, /ini nasi/, /ini nasi Isa/, /nasi di sisi Isa/, /ini susu/, /ini susu aki/, dan /susu di sisi adi/.

Bahagian A17 (pelajaran 8) gabungan bunyi konsonan dengan bunyi vokal yang membentuk suku kata KV iaitu /y/ suku kata ialah /yi/, /ya/, /ye/, /ye/, /yo/, dan /yu/. Antara perkataan dan ayat mudah ialah /ini bayi/, /nama bayi ini yaya/, /bayi ini bayi mama/, /yaya ada susu/, /di mana susu yaya?/, /susu yaya di sisi yaya/, /saya ada susu/, dan /susu saya di sana/.

Bahagian A18 (pelajaran 9) gabungan bunyi konsonan dengan bunyi vokal yang membentuk suku kata KV iaitu /p/ suku kata ialah /pi/, /pa/, /pe/, /pe/, /po/, dan /pu/. Antara perkataan ialah /api/, /pipi/, papaya/, dan /paya/. Ayat mudah ialah /ini apa?/, /ini papaya/, /ini papaya siapa?/, /ini papaya sepupu saya/, /siapa?/, /nama sepupu saya sopi/, /sopi di mana?/, dan /sopi di paya/.

Bahagian A19 (pelajaran 10) gabungan bunyi konsonan dengan bunyi vokal yang membentuk suku kata KV iaitu /c/ suku kata ialah /ci/, /ca/, /ce/, /ce/, /co/, dan /cu/. Antara perkataan ialah /cucu/, /cuci/, /pacu/, /picu/, dan ayat mudah ialah /ini beca/, /ini beca pak usu/, /beca pak usu di mana?/, /beca pak usu di sana/, /cuba cuci beca pak usu/, /pak usu ada cucu/, /cucu pak usu di mana?/, /cucu pak usu di sana/, dan /nama cucu pak usu umi/.

#### **4.1 Persembahan Dapatan (Peringkat Prabacaan, Perkataan, dan Ayat Mudah)**

Dalam persembahan dapatan peringkat ini pengkaji akan membincangkan dapatan ujian yang pertama dengan menggunakan rekod pencapaian murid supaya dapat dianalisis data-data. Tahap penguasaan kosa kata asas (pada peringkat prabacaan, perkataan, dan ayat mudah), dan masalah-masalah yang timbul dalam

penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan murid-murid Tahun 1 di Sekolah Siam Ban Khorlogaway.

Penganalisisan yang dibuat bertujuan untuk mengenal pasti faktor berkaitan dengan masalah penguasaan tersebut. Hasilnya didapati bahawa masalah penguasaan kosa kata asas dalam kalangan murid-murid Tahun 1 di Sekolah Siam Ban Khorlogaway begitu ketara.

Di samping itu, penganalisisan ini juga dilakukan untuk mengetahui keupayaan kemahiran membaca murid-murid Tahun 1, dan mengetahui kebolehan mereka memahami bahan yang dibacanya. Dalam hal ini didapati murid-murid tidak dapat membaca dengan baik dan kebanyakannya subjek kajian tidak tahu dan tidak memahami makna kosa kata dan ayat yang dibaca oleh mereka.

#### **4.2 Ujian Pertama**

Ujian pertama ialah ujian sebelum proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu dijalankan. Pengkaji menguji subjek kajian dengan mencatatkan dalam rekod pencapaian murid seorang demi seorang mengikut kumpulan iaitu kumpulan cerdas (sebanyak 10 orang murid) kumpulan sederhana (sebanyak 10 orang murid) dan kumpulan lambat (sebanyak 10 orang murid). Dalam bab ini pengkaji membincangkan pada peringkat prabacaan, perkataan, dan ayat mudah peringkat ini lebih tinggi daripada peringkat prabacaan yang telah dibincang di dalam bab III. Pada peringkat ini ia melibatkan pembelajaran bacaan pada peringkat suku kata, kosa kata dan ayat mudah.

#### 4.2.1 Peringkat Prabacaan, Perkataan, dan Ayat Mudah Pelajaran 1 hingga pelajaran 10

Hasil kajian dipaparkan dalam bentuk jadual mengikut kiraan peratusan kekerapan jumlah butiran soalan yang betul dan jumlah butiran soalan yang salah merangkumi peringkat prabacaan, perkataan, dan ayat mudah.

Jadual 4.1 ialah keputusan kebolehaan penguasaan kosa kata asas dari ujian rekod pencapaian murid Tahun 1 ujian yang dicatatkan pada kali yang pertama iaitu ujian sebelum pada peringkat prabacaan, perkataan, dan ayat mudah pelajaran 1 hingga pelajaran 10 di halaman seterusnya.

Jadual 4.1: Jumlah dan peratusan pencapaian penguasaan kosa kata asas (peringkat prabacaan, perkataan, dan ayat mudah) dalam ujian sebelum

Bahagian	Jumlah item	Jumlah betul	Peratus betul	Jumlah salah	Peratus salah
PELAJARAN 1	360	109	30.28	251	69.72
PELAJARAN 2	360	0	0.00	360	100.00
PELAJARAN 3	360	0	0.00	360	100.00
PELAJARAN 4	720	0	0.00	720	100.00
PELAJARAN 5	540	0	0.00	540	100.00
PELAJARAN 6	660	0	0.00	660	100.00
PELAJARAN 7	540	0	0.00	540	100.00
PELAJARAN 8	420	0	0.00	420	100.00
PELAJARAN 9	540	0	0.00	540	100.00
PELAJARAN 10	570	0	0.00	570	100.00

Mengikut Jadual 4.1 di atas ialah keputusan keseluruhan ujian sebelum rekod pencapaian murid Tahun 1 (subjek kajian) ujian pada tahap ini adalah ujian sebelum mereka (subjek kajian) didedahkan dengan proses pengajaran dan pembelajaran asas bacaan yang menggunakan “*Modul Asas Membaca Tahun 1 (Edisi 1)*”. Ujian sebelum atau ujian pra ini keputusannya didapati bahawa subjek kajian ini tidak dapat menguasai langsung pada peringkat ini hanya pada peringkat Pelajaran 1 sahaja yang subjek kajian dapat menguasai bacaan tetapi itu pun hanya pada tahap 30.38 peratus (jumlah betul iaitu 109 item) pada peringkat ini subjek kajian yang dapat menguasai pelajaran 1 adalah subjek kajian kumpulan cerdas sahaja, kumpulan sederhana dan lambat langsung tidak boleh menyebut suku kata, perkataan, dan ayat mudah. Subjek kajian yang tidak dapat menguasai pada peringkat ini didapati sebanyak 69.72 peratus (jumlah salah 251).

Pada peringkat pelajaran 2 hingga pelajaran 10 didapati bahawa subjek kajian tidak dapat menguasai kosa kata asas langsung dengan diwakili angka 100 peratus yakni subjek kajian tidak ada asas bacaan pada peringkat tersebut dan mereka tidak boleh menyebut langsung pada peringkat suku kata, perkataan, dan ayat mudah.

#### **4.3 Ujian Kedua**

Ujian kedua merupakan ujian selepas proses pengajaran dan pembelajaran berlaku, selepas pengkaji menguji ujian untuk kali yang pertama, subjek kajian diajar membaca dengan menggunakan buku *Modul Asas Membaca Tahun 1(Edisi 1)* yang telah diedarkan kepada subjek kajian. Langkah yang sama pada masa sebelumnya diikuti dengan cara mengajar terlebih dahulu sebanyak dua kali kemudian pengkaji akan menjalankan ujian untuk kali yang kedua.

#### 4.3.1 Peringkat Prabacaan, Perkataan, dan Ayat Mudah Pelajaran 1 hingga pelajaran 10

Jadual 4.2 Jumlah dan peratusan pencapaian penguasaan kosa kata asas (peringkat prabacaan, perkataan, dan ayat mudah) dalam ujian Pasca.

Bahagian	Jumlah item	Jumlah betul	Peratus betul	Jumlah salah	Peratus salah
PELAJARAN 1	360	350	97.22	10	2.78
PELAJARAN 2	360	266	73.89	94	26.11
PELAJARAN 3	360	321	89.17	39	10.83
PELAJARAN 4	720	421	58.47	299	41.53
PELAJARAN 5	540	299	55.37	241	44.63
PELAJARAN 6	660	433	65.61	227	34.39
PELAJARAN 7	540	278	51.48	262	48.52
PELAJARAN 8	420	205	48.81	215	51.19
PELAJARAN 9	540	273	50.56	267	49.44
PELAJARAN 10	570	312	54.74	258	45.26

Pada bahagian pelajaran 1 (Lampiran A10) fonem vokal iaitu /a/ = *ayam*, /e/ = *emak*, /e/ = *epal*, /i/ = *ikan*, /o/ = *oren*, dan /u/ = *ular*. Pelajaran 2 (lampiran A11) gabungan huruf konsonan /n/ dengan huruf vokal, suku kata /ni/, /na/, /ne/, /ne/, /no/, dan /nu/. Di antara perkataan ialah /ini ani/, /ini ana/, /ini nini/, /ini nani/, /ini noni/, dan /ini nanu/.

Setelah subjek kajian diajar sebanyak dua kali, dan didedahkan kepada semua suku kata, perkataan, dan ayat mudah mengikut jadual di atas didapati 97.22 peratus (jumlah betul 350 item semua item 360 item) yang dapat membuktikan bahawa subjek kajian dapat menguasai pada peringkat pelajaran 1 dengan amat baik dan memuaskan.

2.78 peratus (jumlah salah iaitu 10 item) mewakili subjek kajian yang tidak dapat menguasai kosa kata pada peringkat ini.

Jumlah betul peningkatannya ialah sebanyak 241 item bersamaan dengan 66.94 peratus daripada jumlah semua item ialah 360 item namun, ujian sebelumnya ialah sebanyak 109 item(halaman 137) bersamaan 30.28 peratus.

Pada peringkat pelajaran 1 terdapat masalah ialah subjek kajian tidak dapat membezakan huruf vokal “e-pepet” dan “e-taling” mereka membunyi vokal “e pepet” dan “e taling” sama sahaja iaitu mereka selalu menyebut bunyi (e) sebagai ( $\varepsilon$ ) contohnya; /ikan/ = [ike], /ayam/ = [aye], /epal/ = [epo] , dan /emak/ = [me?].

Pada bahagian pelajaran 2 (lampiran A11) gabungan bunyi konsonan dengan bunyi vokal dengan huruf /n/ suku kata /ni/, /na/, /ne/, /ne/, /no/, dan /nu/. Perkataannya ialah /ini ani/, /ini ana/, /ini nini/, /ini nani/, /ini noni/, dan /ini namu/. Analisis data menunjukkan bahawa subjek kajian dapat menguasai kosa asas pada peringkat ini sebanyak 73.89 peratus (jumlah betul 266 item daripada semua item 360 item) peratusan yang dipaparkan menunjukkan tahap penguasaan yang memuaskan berbanding dengan ujian sebelum ini yang subjek kajian tidak dapat menguasai langsung tahap ini. Subjek kajian yang boleh menguasai kosa kata asas pada peringkat ini didapati meningkat berbanding ujian sebelumnya. Subjek kajian yang tidak dapat menguasai pada peringkat ini adalah 26.11 peratus (jumlah salah ialah 94 item).

Jumlah betul didapati mengikut dengan jumlah sebanyak 266 item bersamaan dengan 73.89 peratus (daripada jumlah kesemuaan item iaitu sebanyak 360 item namun, ujian sebelumnya ialah sebanyak 0 item bersamaan 0 peratus).

Pada peringkat pelajaran 3 (lampiran A12) gabungan bunyi konsonan dengan bunyi vokal dengan huruf /m/ suku kata ialah /ni/, /na/, /ne/, /ne/, /no/, dan /nu/. Perkataannya ialah /ini mimi/, /ini mama/, /ini mona/, /ini mi mimi/, /ini mina/, dan /ini mi mama/. Dapatan analisis data menunjukkan bahawa subjek kajian dapat menguasai sebanyak 89.17 peratus (jumlah betul pada peringkat ini ialah sebanyak 321 item, daripada kesemuaan item iaitu sebanyak 360 item), dan subjek kajian yang tidak dapat menguasai kosa kata asas pada peringkat ini ialah 10.83 peratus (jumlah item salah sebanyak 39 item). Pada peringkat ini sebahagian kecil sahaja subjek kajian yang masih tidak dapat menguasai kosa kata asas.

Jumlah betul meningkat sebanyak 321 item bersamaan dengan 89.17 peratus (daripada jumlah item kesemuanya ialah 360 item namun, ujian sebelumnya ialah sebanyak 0 item bersamaan 0 peratus).

Pelajaran 4 (lampiran A13) gabungan bunyi konsonan dengan bunyi vokal dengan huruf /b/ suku kata ialah /bi/, /ba/, /be/, /be/, /bo/, dan /bu/. Perkataannya ialah /ubi/, /bu/, /bubu/, /bibib/, /abu/, /bobo/, /babu/, /baba/, dan ayat mudah ialah /nama mimi amimi/, /mimi ada mi/, /mimi ada ubi/, /ini ibu mimi/, /nama mama mona/, /mama ada mi/, /mama ada bubu/, /ini bubu mama/, dan /ini babu mama/. Hasil analisis data menunjukkan bahawa subjek kajian dapat menguasai sebanyak 58.47 peratus (jumlah betul 421 item, daripada kesemua item 720 item) pada

peringkat ini. Subjek kajian yang masih tidak dapat menguasai kosa kata asas pada peringkat ini agak banyak berbanding pada peringkat pelajaran 1, 2, dan 3. Angka yang mewakilinya sebanyak 41.53 peratus (jumlah salah 299 item).

Jumlah betul meningkat sebanyak 421 item bersamaan dengan 58.47 peratus (daripada jumlah kesemua item sebanyak 720 item namun, ujian sebelumnya ialah sebanyak 0 item bersamaan 0 peratus).

Pada peringkat ayat mudah yang mempunyai 3 perkataan dalam satu ayat kebanyakan subjek kajian tidak dapat menguasainya kerana ayatnya ayat panjang bagi subjek kajian namun subjek kajian hanya dapat menguasai peringkat suku kata, dan perkataan sahaja. Terdapat juga subjek kajian yang masih keliru semasa menyebut dan membatang suku kata yang diwakili oleh “*e-pepet*” dan “*e-taling*” dalam suku kata KV /be/ (mewakili *e-pepet*) ada juga subjek kajian yang menyebut sebagai suku kata [be] (mewakili *e-taling*). Terdapat juga sebahagian subjek kajian yang masih keliru dengan huruf “*b*” dan mereka menyebut sebagai huruf “*d*”, huruf “*n*” dengan huruf “*m*”, huruf “*u*” dengan huruf “*n*”, dan huruf “*i*” dengan huruf “*l*”, huruf “*c*” dengan huruf “*e*”, dan huruf “*q*” dengan huruf “*p*”.

Pelajaran 5 (lampiran A14) gabungan bunyi konsonan dengan bunyi vokal dengan huruf /d/ suku kata ialah /di/, /da/, /de/, /de/, /do/, dan /du/. Perkataannya ialah /dada/, /dadu/, /budu/, dan /baba/. Ayat mudah ialah /mimi ada dadu/, /uda ada dada/, /adi ada dadu/, /dada uda ada debu/, mama ada ana/, /uda ada dadu/, /uda ada dadu/, adi ada dada/, dan /dada adi ada debu/. Subjek kajian yang dapat

menguasai kosa kata asas pada peringkat ini ialah sebanyak 55.37 peratus (jumlah betul sebanyak 299 item, daripada kesemua item iaitu sebanyak 540 item), dan subjek kajian yang tidak dapat menguasai kosa kata asas pada peringkat ini ialah sebanyak 44.63 peratus (jumlah salah 241 item).

Jumlah betul didapati meningkat sebanyak 299 item bersamaan dengan 55.37 peratus (daripada jumlah item kesemua iaitu sebanyak 540 item namun, ujian sebelumnya ialah sebanyak 0 item bersamaan 0 peratus).

Pada peringkat ini ada sebahagian subjek kajian yang masih keliru dengan fonem huruf vokal “*e pepet*” dan “*e taling*” lagi mereka membunyikan /de/ (*e pepet*) dan /de/ (*e taling*) adalah sama. Dalam suku kata KV /de/, terdapat juga subjek kajian yang membatang dan menyebutnya dengan sebutan dialek Melayu Pattani (lebih kurang sama dengan dialek Melayu Kelantan) dengan membunyikan fonem /e/ untuk *e-taling* sebagai /de/. Subjek kajian tersebut juga didapati tidak dapat membatang dan membaca ayat-ayat mudah yang mengandungi 3 hingga 4 perkataan dalam satu ayat. Namun demikian, keputusan secara keseluruhannya pada peringkat ini menunjukkan peningkatan penguasaan yang baik iaitu sebanyak jumlah 299 item bersamaan 55.37 peratus.

Pelajaran 6 (lampiran A15) gabungan bunyi konsonan dengan bunyi vokal dengan huruf /k/ suku kata ialah /ki/, /ka/, /ke/, /ke/, /ko/, dan /ku/. Perkataannya ialah /aki/, *kaki*/, *kuku*/, /koko/, /aku/, *kaku*/, /daki/, dan /kodi/. Ayat mudah ialah /kuku kaki/, *kaki aku*/, /kaki aki kaku/, /kaki aki ada kaki/, /kaki aki/, /kaki aki aku/, /kiki kaki aki aku/, dan /kaki aki aku kaku/.

Pada peringkat ini data-data membuktikan bahawa subjek kajian dapat menguasai sebanyak 65.61 peratus (jumlah betul 433 item, daripada semua item 660 item). Pada tahap ini subjek kajian lebih senang dan dapat menguasai dengan agak baik kerana ada perkataan yang mereka sudah biasa mendengarnya dan ada juga perkataan yang mereka tidak biasa didengar contohnya /kodi/, /kaku/, dan /aki/. Subjek kajian yang masih tidak dapat menguasai pada pelajaran 6 ialah sebanyak 34.39 peratus (jumlah salah ialah 227 item).

Jumlah betul didapati meningkat sebanyak 433 item bersamaan dengan 65.61 peratus (daripada jumlah kesemua iaitu 660 item namun, ujian sebelumnya ialah sebanyak 0 item bersamaan 0 peratus).

Pelajaran 7 (lampiran A16) gabungan bunyi konsonan dengan bunyi vokal dengan huruf /s/ suku kata ialah /si/, /sa/, /se/, /se/, /so/, dan /su/. Perkataannya dan ayat mudahnya ialah /ini Isa/, /Isa ada kaki/, /ini kaki Isa/, /ini aki/, /aki ada kaki/, /ini kaki aki/, /ini nasi/, /ini nasi Isa/, / nasi di sisi Isa/, /ini susu/, /ini susu aki/, dan /susu di sisi adi/. Mengikut jadual menunjukkan bahawa subjek kajian dapat menguasai kosa kata asas pada peringkat ini mewakili angka 51.48 peratus (jumlah betul 278 item, daripada kesemua item 540 item), sebaliknya subjek kajian yang tidak dapat menguasai pelajaran 7 sebanyak 48.52 peratus (jumlah salah sebanyak 262 item). Pada peringkat ini ada didapati perkataan yang mereka tidak pernah dengar contohnya; /sisi/, dan /aki/.

Jumlah betul meningkat sebanyak 278 item bersamaan dengan 51.48 peratus (daripada jumlah kesemua iaitu 540 item namun, ujian sebelumnya ialah sebanyak 0 item bersamaan 0 peratus).

Pelajaran 8 (lampiran A17) gabungan bunyi konsonan dengan bunyi vokal dengan huruf /y/ suku kata ialah /yi/, /ya/, /ye/, /ye/, /yo/, dan /yu/. Perkataannya dan ayat mudahnya ialah */ini bayi/, /nama bayi ini yaya/, /bayi ini bayi mama/, /yaya ada susu/, /di mana susu yaya?/, /susu yaya di sisi yaya/, /saya ada susu/, dan /susu saya di sana/*.

Mengikut jadual didapati bahawa subjek kajian dapat menguasai pada peringkat pelajaran 8 sebanyak 48.81 peratus merupakan jumlah peratusan yang amat sedikit tidak yakni sampai setengah iaitu 50 peratus berbanding pelajaran yang lain semua dari pelajaran 1 hingga 10, pelajaran 8 didapati memaparkan peratusan yang rendah berbanding pada pelajaran lain.

Sebaliknya subjek kajian yang tidak dapat menguasai kosa kata asas pada peringkat ini sebanyak 51.19 peratus (jumlah salah 215 item). Hal ini menunjukkan bahawa pelajaran ini agak susah bagi subjek kajian, ayat mudah merupakan ayat terlalu panjang hal ini didapati mengelirukan murid-murid. Pada peringkat ini didapati perkataan yang mereka tidak pernah dengar contohnya; */bayi/* mereka lebih biasa dengar perkataan budak kecil atau kanak kanak.

Jumlah betul didapati meningkat sebanyak 205 item bersamaan dengan 48.81 peratus (daripada kesemua jumlah sebanyak iaitu 420 item namun, ujian sebelumnya ialah sebanyak 0 item bersamaan 0 peratus).

Pelajaran 9 (lampiran A18) gabungan bunyi konsonan dengan bunyi vokal dengan huruf /p/ suku kata ialah /pi/, /pa/, /pe/, /pe/, /po/, dan /pu/. Perkataan dan ayat mudahnya ialah /api/, /pipi/, papaya/, dan /paya/. Ayat mudah ialah /ini apa?/, /ini papaya/, /ini papaya siapa?/, /ini papaya sepupu saya/, /siapa?/, /nama sepupu saya sopi/, /sopi di mana?/, dan /sopi di paya/. Mengikut jadual di atas membuktikan bahawa subjek kajian dapat menguasai kosa kata asas pada peringkat ini sebanyak 50.56 peratus (jumlah betul sebanyak 273 item, daripada kesemua jumlah iaitu 540 item). Subjek kajian yang tidak dapat menguasainya pada peringkat ini ialah sebanyak 49.44 peratus (jumlah salah sebanyak 267 item). Terdapat perkataan yang subjek kajian tidak pernah mendengarnya langsung iaitu /papaya/, dan /paya/ mereka mengenalnya sebagai /betik/ dan /kolam/.

Jumlah betul didapati meningkat sebanyak 273 item bersamaan dengan 50.56 peratus (daripada jumlah item semua iaitu 540 item namun, ujian sebelumnya ialah sebanyak 0 item bersamaan 0 peratus).

Pelajaran 10 (lampiran A19) gabungan bunyi konsonan dengan bunyi vokal dengan huruf /c/ suku kata ialah /ci/, /ca/, /ce/, /ce/, /co/, dan /cu/. Perkataan dan ayat mudahnya ialah /cucu/, /cuci/, /pacu/, /picu/, dan ayat mudah ialah /ini beca/, /ini beca pak usu/, /beca pak usu di mana?/, /beca pak usu di sana/, /cuba cuci beca pak usu/,

/pak usu ada cucu/, /cucu pak usu di mana?/, /cucu pak usu di sana/, dan /nama cucu pak usu cumi/.

Jadual 4.2 membuktikan bahawa subjek kajian dapat menguasai pada peringkat ini ialah sebanyak 54.74 peratus (jumlah betul sebanyak 312 item, daripada kesemua item sebanyak 570 item). Subjek kajian yang masih tidak dapat menguasainya sebanyak 45.26 peratus (jumlah salah 258 item), pada peringkat ini sebahagian subjek kajian (15 orang) yang masih keliru dengan e-pepet dan e-taling. Di antara perkataan yang mereka tidak pernah mendengarnya ialah /beca/, dan /pacu/ mereka mengenalnya sebagai “Sam-lor” ialah dalam bahasa Thai (ສາມລ່ອ) dan /laju/ atau /deras/.

Jumlah betul meningkat sebanyak 312 item bersamaan dengan 54.74 peratus (daripada jumlah item kesemua sebanyak 570 item namun, ujian sebelumnya ialah sebanyak 0 item bersamaan 0 peratus).

Secara keseluruhan semua pelajaran 1 hingga pelajaran 10 didapati bahawa pelajaran 1 subjek kajian dapat menguasai kosa kata asas dengan baik dan memuaskan dengan mewakili (tahap pengausaan) sebanyak 97.22 peratus. Tahap penguasaan pelajaran yang paling rendah ialah sebanyak 48.81 peratus pada pelajaran 8 bahagian ini juga merupakan tahap yang paling susah bagi subjek kajian untuk menguasai kosa kata asas.

#### 4.4 Perbandingan Pencapaian Murid Ujian Pra dan Ujian Pasca

Rekod pencapaian murid juga dipaparkan untuk menunjukkan pencapaian murid tersebut sebelum pengajaran dan pembelajaran (seterusnya P&P) dijalankan dan selepas mereka menjalani P&P. Paparan dibuat mengikut kelompok cerdas, sederhana, dan lambat. Untuk melihat perbezaan pencapaian pada peringkat prabacaan, suku kata, perkataan dan ayat mudah sila rujuk jadual 4.3 di bawah :


Jadual 4.3: Perbandingan Pencapaian Murid dalam Ujian Pra dan Ujian Pasca pada Peringkat prabacaan, suku kata, perkataan dan ayat mudah.

Kelompok	Ujian Pra	Ujian Pasca	Perbezaan
Cerdas	0 (0%)	4 (13.33%)	+4 (13.33%)
Sederhana	0 (0%)	16 (53.33%)	+16 (53.33%)
Lambat	30 (100 %)	10 (33.33%)	-20 (66.67%)

Ternyata bahawa pencapaian subjek kajian dalam menguasai kosa kata asas (pada peringkat prabacaan, perkataan, dan ayat mudah) telah menunjukkan peningkatan yang ketara apabila dibandingkan pencapaian sebelum P&P dijalankan dengan selepas P&P dijalankan. Peningkatan ini dapat diperhatikan melalui perbezaan peratus dalam jadual 4.3 di atas.

Kumpulan cerdas didapati meningkat pertambahannya sebanyak 13.33 peratus bersamaan 4 orang murid angka ini menunjukkan perbezaan yang paling ketara dan baik, kumpulan sederhana pula meningkat pertambahannya sebanyak 53.33 peratus bersamaan 16 orang murid, dan kumpulan akhirnya ialah lambat menunjukkan

menurun sebanyak 66.67 peratus bersamaan dengan 20 orang murid. (Lihat Carta 4.1).



Carta 4.1 : Peratus Pencapaian Murid dalam Ujian Pra dan Ujian Pasca

Berdasarkan dapatan di atas maka dapatlah disimpulkan bahawa murid hanya dapat mengingati sesuatu kemahiran yang diajar itu hanya dalam masa yang singkat. Buktinya setelah sekian lama, mereka tidak dapat mengingati kemahiran yang telah dipelajari untuk menjawab soalan ujian yang dijalankan. Peringkat ini merupakan peringkat yang lebih tinggi daripada peringkat huruf dan suku kata, peringkat ini merupakan peringkat perkataan dan ayat mudah. Subjek kajian didapati tidak dapat menguasai peringkat prabacaan dan ini akan menyebabkan mereka juga tidak dapat menguasai peringkat perkataan dan ayat mudah, khususnya kumpulan lambat.

Pada peringkat perkataan dan ayat mudah mereka langsung tidak dapat membatangkan perkataan dan ayat-ayat mudah itu. Sebaliknya kumpulan cerdas dan

sederhana didapati dapat menunjukkan tahap yang meningkat dan sangat memuaskan khususnya 3 orang subjek kajian yang dapat menguasai “*Modul Asas Membaca Tahun 1(Edisi 1)*” mereka dapat menguasai dan memahami apa yang dibaca dengan baik. 10 peratus bersamaan 3 orang subjek kajian dapat markah yang tertinggi. Hal ini merupakan kejayaan kajian ini, kenyataan ini dapat membuktikan bahawa subjek kajian dapat menguasai *Modul Asas Membaca Tahun 1(Edisi 1)* dengan baik dan bahan ini sangat baik dan sesuai pada tahap peringkat Tahun 1.

Sebaliknya, bahasa bahasa Melayu yang diajarkan di Sekolah Siam bukanlah diajarkan sebagai bahasa pertama namun, bahasa Melayu adalah sebagai bahasa asing yang kedua selepas bahasa Inggeris, yang pentingnya bahasa Melayu adalah bahasa asing pilihan yang akan dimuatkan dalam peperiksaan O-NET, A-NET, dan juga I-NET.

#### **4.5      Kesimpulan**

Hasil dapatan analisis data pada peringkat prabacaan, perkataan, dan ayat mudah ini membuktikan bahawa murid dapat menguasai kosa kata asas dalam bahasa Melayu pada peringkat huruf dengan memuaskan, tetapi apabila sampai ke tahap bahagian suku kata, bahagian kosa kata, bahagian frasa dan seterusnya bahagian ayat didapati penguasaan murid-murid tersebut menjadi lemah dan lebih bermasalah. Masalah ini dapat dilihat dalam usaha mereka menguasai kemahiran yang melibatkan suku kata tertutup (*kvk*) berbanding dengan kefahaman mereka terhadap suku kata terbuka (*kv*). Ada juga murid yang dapat memahami dan menguasai bahagian tersebut dengan baik.

Kajian membuktii bahawa subjek kajian dapat menguasai kosa kata asas pada peringkat ini sangat baik dan memuaskan. Hal ini menunjukkan bahawa pemahaman subjek kajian terhadap *Modul Asas Membaca Tahun 1*. Subjek kajian juga dapat memahami apa yang dibaca jika mereka dapat menguasai bacaan dengan baik. Sebaliknya, kalau mereka tidak dapat membatang dan membaca bahan yang dibaca maka tahap kebolehan dalam memahami bahan yang dibaca juga gagal kerana objektif membaca ialah apabila seseorang murid dapat menguasai membaca dan juga dapat memahami apa yang dibaca.

## BAB V

### KESIMPULAN

#### 5.0 Pendahuluan

Dalam bab kesimpulan ini, pengkaji akan merumuskan tentang implikasi dapatan penyelidikan, faktor yang berkaitan dengan masalah penguasaan kosa kata asas bahasa Melayu, dapatan kajian, serta cadangan kepada pihak-pihak tertentu bagi menambah baik penguasaan kosa kata asas bahasa Melayu dalam kalangan murid-murid Tahun 1. Segala rumusan atau kesimpulan dari awal hingga akhir bab akan dibincangkan oleh pengkaji dalam bab ini.

#### 5.1 Ringkasan Kajian

Kajian ini telah dijalankan di Sekolah Siam Ban Khorlogaway, daerah Sri Sakorn, wilayah Narathiwat, Selatan Thailand. Pengkaji telah menetapkan empat objektif kajian antaranya, untuk menganalisis kosa kata asas bahasa Melayu dalam kalangan murid Tahun 1. Objektif yang kedua ialah untuk mengetahui level kemahiran membaca murid Tahun 1. Objektif yang ketiga ialah untuk memahami apa yang dibaca oleh murid Tahun 1. Akhir sekali untuk mengenal pasti faktor-faktor yang berkaitan dengan masalah penguasaan kosa kata asas murid Tahun 1.

Dalam kaedah kajian pula pengkaji telah menjalankan kaedah kajian kepustakaan, kaedah pemerhatian, kaedah temu bual, tinjauan, dan rekod pencapaian

murid telah digunakan bagi menjayakan penyelidikan ini. Pengkaji juga menggunakan dua jenis alat kajian bagi mendapatkan data daripada sampel kajian. Alat kajian terdiri daripada soalan ujian diagnostik yang digunakan untuk mendapatkan keputusan tahap kebolehan dalam penguasaan kosa kata asas bahasa Melayu dalam kalangan murid Tahun 1 bagi tujuan memilih sampel/ subjek kajian, dan yang kedua ialah pengkaji menggunakan *Modul Asas Membaca Tahun 1 (Edisi 1)* dalam proses pengutipan (ujian sebelum dan ujian selepas proses P&P) data dengan menggunakan rekod pencapaian murid. Selain itu, pengkaji juga ingin melihat sama ada teori barat iaitu Teori Monitor yang digunakan dalam kajian ini boleh diaplikasikan dalam kajian bahasa Melayu.

Semua populasi murid-murid Tahun 1 di sekolah Siam Ban Khorlogaway sebanyak 143 orang dari 4 bilik darjah. Sebanyak 80 orang yang terpilih dari 2 bilik yang menjadi sampel kajian seramai 80 orang. Mereka merupakan murid-murid yang normal, sihat, mempunyai kebolehan berbahasa, dan sukarela untuk bekerjasama dalam menjalankan kajian ini. Sampel kajian terdiri daripada murid Tahun 1 yang belajar pada sesi tahun 2010 di sekolah tersebut (sebenarnya di sekolah Siam mulai masa belajar dari jam 8.30 pagi hingga jam 3.30 petang tidak ada sesia pagi/ petang sama dengan sekolah-sekolah di Malaysia). Sampel kajian merupakan murid berketurunan Melayu, berbahasa dialek Melayu Pattani dalam berkomunikasi di rumah dan kebanyakan mereka lebih selesa berbahasa Thai di sekolah dan dengan rakan-rakan sebaya mereka. Hal ini demikian kerana dasar bahasa Thai yang diamalkan oleh Kerajaan Thailand.

Subjek kajian terdiri daripada murid Tahun 1, mereka berada dalam lingkungan umur 7 tahun terdiri daripada kanak-kanak yang normal dan mempunyai kebolehan berbahasa. Sebanyak 20 peratus iaitu bersamaan 30 orang murid telah dijadikan subjek kajian, kerana pengkaji mengalami masalah yang tidak dijangkakan. Antara masalah penting ialah masalah murid-murid Tahun 1 tidak memberi kerja sama dengan pengkaji mereka tidak memberi peluang langsung kepada pengkaji semasa belajar. Mereka suka mengikuti pelajaran tetapi apabila pengkaji menjalankan ujian mereka terus ponteng kelas manakala yang hadir kelas pula mereka akan melarikan diri dan macam-macam alasan yang mereka berikan kepada pengkaji. Hal ini merupakan masalah yang sangat besar dan pengkaji sudah melakukan berbagai-bagai cara untuk meminta serta merayu mereka memberi kerja sama dalam menjalankan kajian ini akhirnya pengkaji mendapat hanya 30 orang murid Tahun 1 yang sudi hadir dan memberi kerja sama dengan pengkaji dalam menjalankan kajian ini dengan lancar.

Data-data kajian pula dianalisis dengan secara manual (peratusan). Antaranya ialah ujian sebelum dan ujian selepas (proses P&P) berasaskan *Modul Asas Membaca Tahun 1* dengan menggunakan senarai semak untuk mencatat data-data ke dalam borang rekod pencapaian murid. Data-data yang diperoleh melalui ujian sebelum dan selepas (proses P&P) dengan menggunakan *Modul Asas Membaca Tahun 1 (Edisi 1)*, kemudian dirumus berdasarkan objektif kajian.

## 5.2 Dapatan Kajian

Kajian ini telah berjaya menganalisis tahap penguasaan kosa kata asas bahasa Melayu dalam kalangan murid Tahun 1 yang terdiri daripada murid-murid berketurunan Melayu. Pengkaji juga berjaya mengetahui kebolehan kemahiran membaca dan memahami apa yang dibaca dalam kalangan murid Tahun 1. Pemahaman mereka berdasarkan kepada kebolehan mereka menguasai kosa kata asas dalam *Mudul Asas Membaca Tahun 1(Edisi 1)*. Selain itu, pengkaji cuba mengenal pasti faktor-faktor yang berkaitan dengan masalah penguasaan kosa kata asas dalam kalangan murid Tahun 1.

Dapatan kajian menunjukkan tahap penguasaan kosa kata asas bahasa Melayu dalam kalangan murid Tahun 1 dibahagikan kepada dua peringkat iaitu peringkat pertama ialah peringkat prabacaan, dan peringkat kedua ialah peringkat pengulangan prabacaan, perkataan, dan ayat mudah.

### 5.2.1 Penguasaan dan Kefahaman Kosa Kata Asas Bahasa Melayu

#### Pada Peringkat Prabacaan

Hasil daripada analisis data kajian dalam bab tiga iaitu penguasaan kosa kata asas bahasa Melayu pada peringkat prabacaan, didapati bahawa subjek kajian kelompok cerdas sebanyak 0 peratus bersamaan 0 orang subjek kajian pada ujian pencapaian murid sebelum, manakala ujian selepas sebanyak 23.33 peratus bersamaan 7 orang sunjek kajian. Subjek kajian dapat meningkat kemahiran mereka selepas proses P&P berlaku, yakni subjek kajian kumpulan cerdas dapat meningkat sebanyak

23.33 peratus bersamaan 7 orang subjek kajian, hal ini menunjukkan peningkatan yang amat baik dan memuaskan. Subjek kajian kumpulan sederhana pula sebanyak 0 peratus bersamaan 0 orang subjek kajian tahap kebolehan penguasaan kosa kata asas bahasa Melayu ujian sebelum (proses P&P), dan sebanyak 66.67 peratus bersamaan 20 orang subjek kajian pada peringkat ujian selepas (proses P&P) menunjukkan peningkatan sebanyak 66.67 peratus bersamaan 20 orang subjek kajian, tahap kebolehan penguasaan kosa kata asas bahasa Melayu mereka sangat baik dan memuaskan. Akhirnya subjek kajian kumpulan lambat sebanyak 100 peratus bersamaan 30 orang subjek kajian pada peringkat ujian sebelum (proses P&P) tahap kebolehan penguasaan kosa kata asas bahasa Melayu sangat rendah, manakala ujian selepas (proses P&P) sebanyak 10.00 peratus bersamaan 3 orang subjek kajian. Subjek kajian kumpulan lambat dapat meningkatkan tahap kebolehan dan penguasaan kosa kata asas bahasa Melayu, mereka menunjukkan peratus perbezaan menurun sebanyak 90.00 peratus bersamaan 27 orang subjek kajian, hal ini merupakan tahap penguasaan meningkat dengan baik dan memuaskan.

Pada peringkat prabacaan subjek kajian daripada kumpulan cerdas, sederhana, dan lambat, didapati kesemuanya dapat menguasai item yang diuji dan ada peningkatan dalam penguasaan dan kefahaman kosa kata asas dengan baik dan memuaskan. Penjelasan lanjut dapat diteliti dalam jadual 5.1.

Jadual 5.1: Perbandingan Pencapaian Murid dalam Ujian Pra dan Ujian Pasca peringkat prabacaan basa Melayu dalam kalangan murid Tahun 1.

Kelompok	Ujian Pra	Ujian Pasca	Perbezaan
Cerdas	0 (0%)	7 (23.33%)	+7 (23.33%)
Sederhana	0 (0%)	20 (66.67%)	+20 (66.67%)
Lambat	30 (100%)	3 (10.00%)	- 27 (90.00%)

Berdasarkan jadual di atas, ternyata bahawa pencapaian subjek kajian dalam menguasai kosa kata asas (pada peringkat prabacaan) telah menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan bila dibandingkan pencapaian ujian pra dijalankan dengan ujian pasca dijalankan. Peningkatan ini dapat diperhatikan melalui perbezaan peratus dalam jadual 5.1 di atas.

Didapati kumpulan cerdas meningkat pertambahannya sebanyak 23.33 peratus bersamaan 7 orang murid angka ini menunjukkan perbezaan yang paling ketara dan baik, kumpulan sederhana pula meningkat pertambahannya sebanyak 66.67 peratus bersamaan 20 orang murid, dan kumpulan akhirnya ialah lambat menunjukkan menurun sebanyak 90 peratus bersamaan dengan 27 orang murid.

Pada peringkat prabacaan ini didapati subjek kajian tidak dapat membezakan huruf vokal “*e pepet*” dan “*e taling*”, mereka juga tidak dapat membezakan bunyi huruf /j/, /g/ mereka menyebut sebagai bunyi huruf /c/, serta bunyi huruf /y/ mereka menyebut sebagai /y/ dan /w/. Contohnya; /ya/ dibaca /wa/, dan bunyi huruf /z/ mereka menyebut sebagai bunyi /s/. Huruf-huruf yang lain didapati subjek kajian keliru dan tidak dapat membezakannya ialah di antara huruf /m/ dan /n/ ada

sebahagian murid mereka menyebutnya sebagai huruf /m/, dan /n/, dengan bunyi yang sama iaitu kedua-dua bunyi huruf tersebut disebut sebagai huruf /m/.

Subjek kajian sukar juga untuk membezakan huruf kecil yang hampir sama seperti (o-a), (c-e), (n-m), (n-h), (i-j), dan (f-t). Huruf terbalik pula ialah (n-u), (m-w), dan (g-b). Huruf songsang pula (b-d), (q-p) dan (b-p). Dapatan ini menunjukkan bahawa subjek kajian keliru dengan bentuk huruf tersebut, dan masalah yang sama akan berlanjutan sama ada huruf tersebut menunggal atau berada dalam perkataan. Subjek kajian juga lemah untuk mencari maklumat dalam bahan bergambar walaupun dalam soalan bahagian vokal telah disediakan gambar sebagai bahan rangsangan untuk meningkatkan lagi tahap kefahaman mereka.

### **5.2.2 Penguasaan Kosa Kata Asas Bahasa Melayu Pada Peringkat Perkataan dan Ayat Mudah**

Penguasaan kosa kata asas bahasa Melayu pada peringkat prabacaan, perkataan dan ayat didapati kesemua kumpulan telah menunjukkan peningkatan yang baik apabila dibandingkan pencapaian sebelum ujian dijalankan dengan selepas ujian dijalankan. Untuk melihat perbezaan pencapaian pada peringkat prabacaan, suku kata, perkataan dan ayat mudah sila rujuk jadual 5.2

Jadual 5.2: Perbandingan Pencapaian Murid dalam Ujian Pra dan Ujian Pasca pada peringkat perkataan dan ayat.

Kelompok	Ujian Pra	Ujian Pasca	Perbezaan
Cerdas	0 (0%)	4 (13.33%)	+4 (13.33%)
Sederhana	0 (0%)	16 (53.33%)	+16 (53.33%)
Lambat	30 (100 %)	10 (33.33%)	-20 (66.67%)

Berdasarkan jadual di atas, ternyata bahawa pencapaian subjek kajian dalam menguasai kosa kata asas (pada peringkat prabacaan, perkataan, dan ayat mudah) telah menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan apabila dibandingkan pencapaian sebelum P&P dijalankan dengan selepas P&P dijalankan. Peningkatan ini dapat diperhatikan melalui perbezaan peratus dalam jadual 5.2 di atas.

Didapati kumpulan cerdas meningkat pertambahannya sebanyak 13.33 peratus bersamaan 4 orang murid angka ini menunjukkan perbezaan yang paling ketara dan baik, kumpulan sederhana pula meningkat pertambahannya sebanyak 53.33 peratus bersamaan 16 orang murid, dan kumpulan akhirnya ialah lambat menunjukkan menurun sebanyak 66.67 peratus bersamaan dengan 20 orang murid.

Berdasarkan dapatan di atas (peringkat prabacaan, perkataan dan ayat) maka dapat disimpulkan bahawa murid hanya dapat mengingati sesuatu kemahiran yang diajar itu hanya dalam masa yang singkat. Buktinya setelah sekian lama masa, mereka tidak dapat mengingati kemahiran yang telah dipelajari tambahan pula murid-murid tersebut didedahkan pelajaran bahasa Melayu hanya 1 waktu (50 minit) dalam seminggu. Masa untuk mempelajari didapati sangat sedikit untuk murid-murid

mengingati sesuatu kemahiran. Ini membuktikan murid-murid ini menghadapi masalah masa, masalah sukar untuk mengingat, tidak dapat menumpukan perhatian. Pengaruh bahasa Thai sangat mengganggu mereka dalam penguasaan kosa kata asas bahasa Melayu dalam kalangan murid-murid Tahun 1, kerana didapati bunyi-bunyi huruf yang mereka tidak dapat membunyikan dengan betul contohnya; huruf /g/, /j/, /x/, dan /z/ ini dipengaruhi melalui sesuatu fonem dalam bahasa Thai iaitu fonem /g/ dan /j/ sama dengan /ə/ (yakni sama dengan fonem /c/) manakala, fonem /z/ pula sama dengan fonem /a/ (sama dengan fonem /s/).

Hasil kajian membuktikan bahawa murid dapat menguasai kosa kata asas dalam bahasa Melayu pada peringkat prabacaan huruf dengan sangat memuaskan, tetapi apabila sampai ke bahagian suku kata, bahagian kosa kata, bahagian frasa dan seterusnya bahagian ayat didapati penguasaan murid tadi menjadi lebih bermasalah. Masalah ini juga dapat dilihat dalam usaha mereka menguasai pada peringkat kemahiran yang melibatkan suku kata tertutup (*kvk*) berbanding dengan kefahaman mereka terhadap suku kata terbuka (*kv*).

Hal ini demikian kerana subjek kajian tersebut tidak dapat menyebut, memahami dan menulis suku kata yang mengandungi suku kata tertutup (*kvk*). Hal ini membuktikan bahawa subjek kajian hanya dapat mengenali, memahami dan menulis pada peringkat huruf sahaja. Pada peringkat yang lain subjek kajian gagal memahami dan menguasai kosa kata yang abstrak sifatnya. Oleh sebab itu didapati subjek kajian hanya mampu menguasai kosa kata yang dianggap mudah, senang dan bersifat konkrit untuk dikuasai oleh mereka. Perolehan kosa kata dalam bahasa

Melayu tidaklah berlaku dengan sewenang-wenang. Dalam proses perolehan dan penguasaan ini, murid selalu menggunakan strategi simplifikasi (pemudahan) bagi menggambarkan makna yang telah dikuasai oleh mereka. Namun kosa kata ini belum lagi mantap dalam pengetahuannya, lebih-lebih lagi tanpa dibantu dengan bahan rangsangan.

Pada peringkat perkataan juga didapati murid agak lemah untuk menguasai perkataan yang mengandungi suku kata tertutup (*kvk+kvkk*) dan perkataan yang mengandungi lebih daripada dua suku kata. Tetapi pencapaianya agak lebih baik dalam menguasai kosa kata yang mengandungi diftong, vokal berganding dan gugusan kosongan. Hal ini demikian kerana perkataanya diwakili oleh perkataan yang konkret dan dibantu dengan gambar sebagai bahan rangsangan.

Namun demikian terdapat tiga orang murid yang dapat menguasai kosa kata asas bahasa Melayu pada peringkat prabacaan dan juga pada peringkat perkataan dan ayat dengan baik. Tiga orang murid dalam kumpulan cerdas dapat membuktikan kajian ini telah berjaya kerana tiga orang (mewakili 10 peratus) subjek kajian yang dapat menguasai *Modul Asas Membaca Tahun 1(Edisi 1)* dengan baik dan mereka dapat memahami apa yang dibaca dengan amat baik (subjek kajian dapat markah penuh 100 peratus pada ujian selepas proses P&P semua peringkat yang dimuatkan di dalam Modul Asas Membaca Tahun 1 (Edisi 1). Memandangkan motivasi dan sikap, faktor keluarga yang mengambil berat tentang pelajaran anak-anaknya, sikap mereka yang rajin mengulang kaji pembelajaran dan mengambil berat tentang pelajaran yang didedahkan. Namun dalam kajian ini pengkaji juga tidak mengkaji tentang sikap dan

motivasi, akan tetapi hal ini juga dapat mendorong penguasaan kosa kata bahasa Melayu dengan lebih berkesan dan baik.

### 5.2.3 Implikasi Dapatan Penyelidikan

Melalui Hipotesis Teori Mentalis didapati kaedah pengajaran membaca berdasarkan kaedah kata, kaedah frasa, dan kaedah ayat yang berkONSEPkan cerakinan dan analisis membolehkan subjek kajian menguasai asas bacaan. Kebolehan mereka menguasai asas bacaan berasaskan kepada aspek pemerolehan dan pemahaman dari aspek mengenal huruf, mengenal pasti suku kata terbuka dan suku kata tertutup, menyebut dan menulis berasaskan suku kata, menguasai kefahaman bacaan. Dalam hal ini pemahaman tentang makna kata dapat dikesan dengan jelas semasa subjek kajian membina dan menyebut pada peringkat pembentukan kata dan pembentukan ayat.

Melalui Hipotesis Teori Mentalis juga didapati pembelajaran yang berlaku ke atas subjek kajian berlaku secara ‘pemerolehan’ atau ‘pembelajaran’. Mereka juga mempelajari asas bacaan melalui peniruan secara tidak sedar dan melalui kaedah yang dirancang secara sistematik.

Melalui Hipotesis Monitor (*pemantau*) menerangkan pembelajaran hanya mempunyai satu fungsi sahaja iaitu sebagai pemantau (monitor). Pada asasnya, perolehan-perolehan merupakan hasil yang diperolehi melalui komunikasi dan monitor berperanan mengubah suai perolehan-perolehan tersebut supaya menepati ciri-ciri sesuatu bahasa sasaran. Pengetahuan sedar tentang peraturan bahasa tidak

membantu perolehan. Pengetahuan sedemikian sekadar membolehkan individu mengilap struktur bahasa yang diperolehnya melalui komunikasi. Pengajaran bahasa sepatutnya berorientasikan komunikasi bukannya pembelajaran tentang peraturan bahasa. Dalam hal ini, monitor bertindak sebagai penyunting bahasa yang dikawal secara sedar. Monitor boleh mengubah pertuturan yang dihasilkan melalui perolehan. Krashen (1981: 3) juga menekankan bahawa bagi memastikan pemantauan berjaya, pelajar perlu mempunyai masa yang cukup (*must have time*) untuk menyemak dan mengulangkaji pelajaran, memberi tumpuan (*focused on form*) kepada bahan yang dipelajari dan memahami peraturan (*needs to know the rule*) seperti rumus tatabahasa yang diajarkan di dalam kelas.

Dalam hal ini subjek kajian menghadapi masalah berkenaan masa, kerana masa yang diperuntukan bagi mata pelajaran bahasa Melayu dalam kalangan mereka hanya 1 waktu seminggu (setiap waktu mempunyai masa sebanyak 50 minit). Hal ini menyebabkan subjek kajian tidak cukup masa untuk menyemak dan mengulangkaji pelajaran, dan seterusnya memberi tumpuan (*focused on form*) kepada bahan yang dipelajari dalam hal ini ada sebahagian subjek kajian yang tidak dapat menumpukan perhatian dalam proses P&P dengan baik, dan memahami peraturan (*needs to know the rule*) dalam hal ini pula masih terdapat subjek kajian yang tidak dapat memahami peraturan dan rumus tatabahasa bahasa Melayu dengan baik. Namun dalam kajian ini terdapat juga subjek kajian yang dapat menguasai bacaan dan memahami kosa kata asas dengan lancar dan sangat memuaskan.

Melalui Hipotesis Masukan atau '*the Input Hypothesis*' menjelaskan persoalan bagaimana seseorang memperoleh bahasa kedua. Mereka yang

mempelajari bahasa kedua dianggap mengalami perkembangan daripada tahap i (keupayaan sekarang) menuju ke tahap  $i + 1$ . Untuk mencapai tahap  $i + 1$  ini, mereka perlu mengetahui dan memahami unsur yang dimasukkan dalam kemahiran yang sedia ada untuk menjadikan  $i + 1$ . Unsur yang dimasukkan itu mestilah bersesuaian dengan tahap keupayaan mereka dalam penguasaan bahasa kedua. Dalam konteks kajian ini, subjek kajian yang hanya mengetahui dan mengingati huruf abjad A-Z dengan secara menghafal sahaja (subjek kajian tersebut sudah belajar semasa prasekolah dalam mata pelajaran bahasa Inggeris tanpa mengetahui huruf-huruf abjad dan huruf vokal dalam bahasa Melayu, cara mengeja, menggabungjalin suku kata, perkataan, frasa, dan ayat yang betul) berada pada tahap i. Apabila guru mengajarkan tahap prabacaan (iaitu mengenal huruf abjad kecil dan huruf besar, huruf vokal, perkataan, frasa, dan ayat) kepada subjek kajian tersebut dengan betul dan subjek kajian tersebut akan dapat menguasai bacaan asas, memahami apa yang dibaca terhadap bahan bacaan asas tersebut, maka subjek kajian tersebut telah pun mencapai tahap  $i + 1$ .

*Modul Asas Membaca Tahun 1(Edisi 1)* adalah bahan yang sistematik telah membolehkan subjek kajian menguasai item-item ujian yang dibina dengan begitu baik sekali. Subjek kajian mempelajari item dalam modul secara seronok dan tidak membebankan mereka. Proses latih tubi bacaan berasaskan bahan modul berlaku secara tanpa disedari oleh subjek kajian. Modul Asas Membaca Tahun 1 (Edisi 1) telah bertindak balas dengan LAD mereka untuk diproses dan menghasilkan kecekapan berbahasa.

## **5.2.4 Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Penguasaan Kosa Kata Asas Bahasa Melayu Pada Peringkat Tahun 1**

### **5.2.4.1 Pendedahan Penguasaan Kosa Kata Asas Bahasa Melayu**

Pendedahan Modul Asas Membaca Tahun 1 (Edisi 1) yang telah diberikan kepada subjek kajian telah membolehkan mereka menguasai kosa kata asas kerana alat pemerolehan bahasa (*Language Acquisition Device* atau LAD) mereka mendapat bahan untuk diproses. Mengikut Chomsky (1965: 47-59), manusia bukan sahaja memperoleh rangsangan lalu memberikan tindak balas, bahkan sejak lahir lagi manusia dilengkapi dengan LAD yang membezakan manusia dengan haiwan. LAD juga merupakan satu ciri khas dalam minda manusia yang tidak ada pada jenis makhluk lain. LAD juga mampu memperkirakan struktur bahasa. Oleh sebab itu, banyak ciri tatabahasa tidak perlu dipelajari dengan secara sedar. Dapatan kajian membuktikan bahawa subjek kajian dapat menguasai kosa kata asas bahasa Melayu dengan begitu memuaskan.

### **5.2.4.2 Peranan Ibu Bapa dan Penjaga**

Pendedahan ibu bapa murid-murid semasa mereka berada di rumah, ibu bapa mereka juga perlu memainkan peranan dalam meningkatkan kebolehan penguasaan bacaan dalam kalangan anak-anak mereka, ibu bapa perlu mengambil tahu serta mengambil berat tentang kerja sekolah anak-anak mereka, pendedahan untuk anak-anak mereka mengulangkaji, ibu bapa perlu membantu anak-anak mereka dengan secara langsung dan tidak langsung, walaupun terdapat sebahagian kumpulan ibu

bapa murid-murid yang tidak berpelajaran tinggi tetapi ibu bapalah yang akan dapat mendorong dan memberi motivasi terhadap anak-anak mereka supaya anak –aanak mereka bermotivasi tinggi terhadap pembelajaran.

Ibu bapa juga didapati memainkan peranan penting untuk membantu penguasaan kosa kata asas dalam kalangan subjek kajian, ibu bapa perlu mengambil berat tentang pelajaran anak-anak mereka. Ibu bapa yang dapat menguasai bahasa Melayu semestinya dapat membantu anak-anak mereka dalam penguasaan kosa kata asas bahasa Melayu dengan baik.

#### **5.2.4.3 Bimbingan Rakan Sebaya**

Rakan sebaya juga didapati memainkan peranan penting untuk membantu penguasaan kosa kata asas dalam kalangan subjek kajian, terutamanya golongan yang agak lambat menguasai tahap-tahap pemelajaran. Subjek kajian yang lebih awal menguasai item dalam modul diminta supaya membimbing dan mengajar kemahiran-kemahiran yang ditentukan kepada subjek kajian yang belum menguasainya. Mereka berasa seronok apabila dapat mengajar dan berjaya membimbing rakan-rakan mereka serta dapat belajar bersama-sama.

#### **5.2.4.4 Masa**

Masa adalah faktor yang paling penting dalam memdedahkan proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan murid Tahun 1. Tempoh atau masa P&P juga memainkan peranan dalam proses penguasaan sesuatu

bahasa. Teori Monitor menyatakan sekiranya seseorang memperuntukkan masa yang lebih banyak untuk mempelajari sesuatu bahasa maka lebih banyak input akan diperolehi. Dalam kajian ini, membuktikan bahawa tempoh P&P untuk memberi input, penerangan, pendedahan dan pengajaran kosa kata asas terdapat hanya 1 waktu seminggu untuk kelas bahasa Melayu dalam kalangan murid Tahun 1, waktu untuk mendedahkan input kepada mereka sangat singkat untuk dipelajarinya, mengulangkaji, mempraktis bahasa Melayu ini, oleh sebab itu peningkatan dalam penguasaannya hanya sederhana sahaja. Sekiranya tempoh P&P dilanjutkan, pasti peningkatan penguasaan kosa kata asas akan meningkat lebih tinggi.

#### **5.2.4.5 Faktor Persekitaran**

Persekitaran bilik darjah yang amat menarik perhatian murid-murid untuk mempelajari bahasa Melayu dengan lebih berkesan. Persekitaran di perpustakaan di sekolah dengan mengadakan buku buku cerita, komik, kartun, buku bacaan tambahan dalam bahasa Melayu, hal ini dapat menarik minat membaca dalam kalangan murid Tahun 1 dan juga murid di sekolah untuk membaca dalam bahasa Melayu.

Persekitaran sekolah di kantin, di padang permainan, di bangunan-bangunan di dalam sekolah haruslah mempaparkan pepatah-pepatah dalam bahasa Melayu, mengadakan papan pembelajaran untuk mata pelajaran bahasa Melayu demi meningkatkan bahasa Melayu dalam kalangan murid di sekolah seperti yang diadakan di sekolah contohnya; papan pembelajaran mata pelajaran matematik, bahasa Thai, bahasa Inggeris, Ilmu Sains yang telah disediakan.

#### 5.2.4.6 Pengaruh Bahasa Thai dan Bahasa Ibunda

Bahasa Thai merupakan bahasa rasmi dan bahasa pengantar dalam aliran akademik. Bahasa Thai sangat mempengaruhi dalam kalangan subjek kajian. Hal ini demikian kerana subjek kajian yang baru lepas pembelajaran pada peringkat prasekolah, sudah dapat menguasai bahasa Thai pada peringkat kosa kata asas bahasa Thai dengan baik. Kajian ini mendapati bahawa subjek kajian tidak dapat menyebut bunyi fonem dalam bahasa Melayu dengan betul contohnya; fonem /j/ disebutnya sebagai /c/, fonem /g/ disebutnya sebagai /c/, fonem /z/ disebutnya sebagai /s/. Hal ini merupakan masalah gangguan bahasa Thai menyebabkan subjek kajian tidak dapat membunyikan fonem dengan betul. Manakala pengaruh bahasa ibunda ialah bahasa Melayu dialek Pattani (hampir serupa bahasa Melayu dialek Kelantan) kadang-kadang murid lebih selesa membaca dalam bahasa ibunda contohnya; /ayam/ mereka disebutnya sebagai /aye/, /ikan/ disebutnya sebagai /ike/, /ular/ disebutnya sebagai /ula/, /makan/ disebutnya sebagai /make/, dan sebagainya. Pada hakikatnya masalah ini telah mengganggu proses penguasaan bahasa Melayu Standard subjek kajian.

#### 5.2.4.7 Sikap dan Motivasi

Sikap dan motivasi sangat memainkan peranan penting bagi seorang murid dalam mendorong kebolehan penguasaan kosa kata asas bahasa Melayu dengan lebih baik dan berkesan. Sikap dan motivasi murid, mereka bersifat ingin tahu, suka menyoal jika didapati tidak memahami isi pelajaran, mereka yang rajin dan bersungguh-sungguh mengulangkaji, mempraktis bahasa Melayu, menyiapkan kerja sekolah, minat mereka terhadap mata pelajaran bahasa Melayu, kesemuanya adalah

dapat membantu murid-murid Tahun 1 dapat membaca dan menguasai kosa kata asas serta memahami apa yang dibaca dengan baik dengan berkesan. Masalah yang sebaliknya akan timbul sekiranya subjek kajian tidak bersikap dan bermotivasi tinggi terhadap bahasa Melayu.

### **5.3 Cadangan dan Saranan Kepada Pihak-pihak Tertentu**

Setelah kajian dijalankan, didapati bahawa masih terdapat sebilangan subjek kajian yang terdiri daripada murid-murid Tahun 1 yang tidak dapat menguasai kosa kata asas bahasa Melayu. Perkara ini perlu diambil perhatian oleh semua pihak supaya masalah penguasaan kosa kata asas bahasa Melayu dalam kalangan murid-murid Tahun 1 yang tidak dapat menguasai secara membatang dan membaca kosa kata asas dalam bahasa Melayu dapat diatasi segera. Pengkaji ingin mencadangkan beberapa langkah yang difikirkan sesuai bagi mengatasi masalah ini. Antara pihak yang boleh memainkan peranan ialah pihak Kementerian Pelajaran Thailand, Jabatan Pendidikan Asas, sekolah, guru, ibu bapa dan pelajar.

#### **5.3.1 Kementerian Pelajaran Thailand**

Kementerian Pendidikan Thailand hendaklah memartabatkan kedudukan pendidikan bahasa Melayu bermula dari sekolah rendah hingga ke peringkat menara gading. Kementerian Pendidikan Thailand seharusnya memperkenalkan bahasa Melayu di peringkat prasekolah untuk mengembalikan kegembilangan dunia bahasa Melayu. Kementerian Pendidikan Thailand perlu menghargai bahasa Melayu itu

sebagai warisan budaya yang harus diperturunkan kepada generasi pelamis melalui kaedah pengajaran dan pembelajaran yang berkesan.

Pihak Kementerian Pendidikan Thailand melalui Pusat Perkembangan Kurikulum Thailand perlu menyemak dan menyusun semula Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu peringkat Tahun 1. Sukatan Pelajaran yang lebih menjurus kepada menguasai kemahiran asas bahasa iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis perlu diperincikan. Ini kerana sukanan pelajaran yang ada sekarang terlalu tinggi arasnya serta terlalu umum penerangannya. Oleh hal yang demikian agak sukar bagi guru untuk mencapai objektif pembelajaran.

Selain sukanan pelajaran, buku teks peringkat Tahun 1 juga perlu diteliti dan ditulis semula. Ini kerana buku teks yang digunakan sekarang kurang sesuai untuk dijadikan bahan rujukan utama murid dan guru. Bahan pengajaran dan rujukan dalam buku tersebut amatlah terhad dan membosankan terutama dalam aspek pembelajaran tatabahasa.

Pihak Kementerian Pendidikan Thailand perlu menambahkan masa untuk kelas bahasa Melayu dari 1 waktu seminggu menambahkan kepada 2 atau 3 waktu seminggu bagi membolehkan murid-murid dapat mengulangkaji dan mempraktis bahasa Melayu dengan lebih baik dan berkesan. Kerana bahasa Melayu adalah penting bagi orang Melayu di Selatan Thai dan juga penting bagi negara Asean dan bahasa Melayu juga sebagai bahasa perantara negara Nusantara.

Pihak Kementerian Pendidikan Thailand perlu merancangkan kursus perguruan demi memartabatkan guru bahasa Melayu contohnya melatih guru bahasa Melayu melalui kursus bahasa Melayu yang lebih standard supaya guru bahasa Melayu mengetahui pelbagai kaedah, teknik, dan strategi dalam pélaksanaan pengajaran bahasa yang lebih berkesan dan demi meningkatkan bahasa Melayu di Selatan Thailand.

### **5.3.2 Jabatan Pendidikan Asas**

Selain pihak Kementerian Pelajaran Thailand, pihak Jabatan Pendidikan Asas juga memainkan peranan dalam usaha untuk menangani masalah penguasaan kosa kata bahasa Melayu dalam kalangan murid Tahun 1. Antara usaha yang boleh dilakukan ialah dengan membuat pemantauan dan lawatan ke sekolah-sekolah. Pegawai-pegawai dari Jabatan Pendidikan Asas hendaklah ‘turun padang’ melihat sendiri masalah yang dihadapi oleh pihak sekolah. Justeru bantuan, sokongan dan idea perlu dihulurkan bagi membantu mengurangkan masalah penguasaan kosa kata asas bahasa Melayu dalam kalangan murid Tahun 1.

Selain itu, pihak Jabatan Pendidikan Asas juga boleh menganjurkan program-program latihan (kaedah P&P khas) kepada guru-guru bahasa Melayu Tahun 1. Program sebegini amat penting bagi meningkatkan tahap pengetahuan pedagogi guru dalam proses meningkatkan mutu P&P kelas peralihan. Guru-guru perlu didedahkan dengan kaedah P&P yang betul dan terkini supaya mereka dapat menangani masalah penguasaan kosa kata asas bahasa Melayu dalam kalangan murid Tahun 1.

### 5.3.3 Sekolah

Sekolah merupakan institusi yang berperanan penting untuk menggerakkan kelas, agar kelas tersebut dapat berjalan dengan teratur dan berkesan. Pihak pentadbiran sekolah iaitu pengetua dan guru-guru penolong kanan perlu memainkan peranan utama bagi menentukan kejayaan kurikulum bagi setiap kelas. Justeru, pihak pentadbiran sekolah perlu mengambil langkah proaktif dalam menangani masalah penguasaan kosa kata asas bahasa Melayu dalam kalangan murid Tahun 1.

Masalah penguasaan kosa kata asas bahasa Melayu dalam kalangan murid Tahun 1 hendaklah dipandang serius kerana, jika masalah ini tidak dibendung daripada peringkat awal, pasti ia akan berlanjutan sehingga murid-murid ini berada di tingkatan enam dan apabila pelajar-pelajar ini gagal dalam Peperiksaan Pendidikan Islam Nasional Thailand (I-NET), bukan hanya prestasi sekolah, tetapi apa yang lebih penting ialah prestasi akademik dan masa depan pelajar turut terjejas.

Langkah yang boleh diambil ialah melantik guru-guru bahasa Melayu yang berpengalaman untuk mengajar peringkat Tahun 1. Guru-guru yang berpengalaman selalunya dapat menguasai ilmu pedagogi dan yang paling penting dapat mengawal kelas agar pelajar memberi perhatian semasa guru mengajar.

Bilangan pelajar di dalam kelas juga perlu diambil perhatian. Bilangan pelajar yang terlalu ramai akan menjelaskan proses P&P kelas peralihan. Disebabkan kelas peringkat Tahun 1, bilangan murid yang difikirkan sesuai ialah tidak melebihi 20

orang. Sekiranya bilangan murid melebihi 20 orang, guru sukar untuk mengawal dan memberi perhatian serta tumpuan kepada murid.

Pihak pentadbiran sekolah juga perlu mengadakan program-program khas seperti perjumpaan bersama ibu bapa murid Tahun 1, kelas tambahan bahasa Melayu dan lawatan ke rumah murid yang bermasalah. Aktiviti atau program seperti ini sedikit sebanyak akan memberi kesan dalam usaha untuk menambah baik penguasaan bahasa kosa kata asas Melayu dalam kalangan murid Tahun 1.

#### **5.3.4 Guru**

Guru merupakan individu yang memainkan peranan paling penting dalam usaha untuk mengatasi masalah penguasaan kosa kata asas bahasa Melayu dalam kalangan murid Tahun 1. Guru yang mengajar Tahun 1 hendaklah bermotivasi tinggi, mempunyai minat yang mendalam serta mempunyai ilmu psikolinguistik yang mantap. Ini kerana, cabaran untuk mengajar kelas Tahun 1 amat hebat. Kebanyakan murid-murid tidak memahami bahasa Melayu Standard (baku), mereka sukar mendengar arahan guru, tambahan pula, tingkah laku mereka yang berada di tahap baru lepas peringkat prasekolah amat menuntut kesabaran guru. Sekiranya guru yang tidak berminat, kurang ilmu pedagogi, tidak dapat mengawal kelas, kurang kreatif dan tidak dapat menarik perhatian pelajar, ditugaskan serta diamanahkan untuk mengajar murid-murid Tahun 1, pastinya masalah penguasaan kosa kata asas bahasa Melayu dalam kalangan murid Tahun 1 sukar untuk diatasi.

Selain itu, guru juga perlu menggunakan kaedah-kaedah pengajaran yang terkini. Contohnya penggunaan multimedia dalam pengajaran, agar dapat menarik minat murid-murid untuk menguasai kosa kata asas bahasa Melayu. Di samping itu, penggunaan bahan maujud dan mewujudkan suasana sebenar seperti aktiviti main peranan, aktiviti jual beli, aktiviti menyanyi, aktiviti senaman, aktiviti teka teki, dan pertandingan membaca dan mengeja, menyanyi sambil menari semasa proses P&P bahasa Melayu.

Selain penggunaan kaedah-kaedah pengajaran terkini, guru yang merupakan rujukan utama murid perlu sentiasa menggunakan bahasa Melayu baku yang betul apabila berbual dengan murid Tahun 1. Ini kerana proses pemerolehan bahasa bawah sedar iaitu semasa perbualan yang tidak formal lebih memberi kesan yang mendalam kepada pemerolehan bahasa pelajar. Justeru guru perlu sentiasa menggunakan bahasa yang betul dan membetulkan bahasa murid semasa berbual yakni di luar waktu pembelajaran.

### **5.3.5 Ibu Bapa**

Ibu bapa juga boleh memainkan peranan untuk membantu meningkatkan penguasaan kosa kata asas bahasa Melayu dalam kalangan murid Tahun 1. Antara yang boleh dilakukan oleh ibu bapa ialah bersikap prihatin dan selalu bertanya tentang perkembangan pelajaran anak-anak. Keprihatinan ibu bapa ini perlu bermula sejak dari murid berada di peringkat prasekolah lagi.

Ibu bapa juga perlu mengambil inisiatif untuk berjumpa dengan guru apabila mengetahui anak mereka menghadapi masalah untuk menguasai kosa kata asas bahasa Melayu. Selain itu, ibu bapa juga perlu menyediakan bahan-bahan dan suasana yang dapat membantu anak-anak mereka menguasai dan mendalami bahasa Melayu seperti menyediakan bahan-bahan bacaan berbahasa Melayu, membeli buku cerita bahasa Melayu, menonton rancangan-rancangan televisyen berbahasa Melayu dan cuba berbual dalam bahasa Melayu apabila bersama anak-anak di rumah.

### **5.3.6 Murid-Murid**

Murid perlu bermotivasi dalam pembelajaran iaitu motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik, kerana motivasi intrinsik lebih berkesan mendorong pelajar dalam belajar. Namun bukan bermakna bahawa motivasi ekstrinsik perlu dihindari sama sekali. Motivasi ekstrinsik dapat memancing timbulnya motivasi intrinsik. Banyak pelajar yang termotivasi secara ekstrinsik dapat berjaya dengan baik dalam belajar. Motivasi intrinsik pula dikaitkan dengan naluri ingin tahu dan dorongan mencapai kecekapan seseorang. (Bruner, 1966). Apabila murid-murid ingin tahu ingin belajar dengan sendiri (yakni bermotivasi tinggi tentang pembelajaran dan memikir positif tentang pembelajaran) tanpa paksa maka proses pembelajaran akan berlaku dengan lancar dan lebih berkesan dan murid-murid juga dapat menguasai apa yang telah dipelajarinya.

Muridlah sebenarnya yang perlu memainkan peranan penting dalam usaha untuk mengatasi masalah penguasaan kosa kata asas bahasa Melayu dalam kalangan

murid Tahun 1. Jikalau murid tersebut benar-benar ingin menguasai kosa kata asas bahasa Melayu, mereka akan berusaha untuk menguasainya tanpa paksaan daripada mana-mana pihak.

Justeru, murid perlu memberikan tumpuan yang sepenuhnya semasa guru mengajar di dalam kelas. Di samping itu, masa untuk mengulangkaji pelajaran terutama mata pelajaran bahasa Melayu perlu ditambah semasa pelajar berada di rumah, jika selalunya sejam, mereka perlu menambahkannya kepada dua jam sehari. Seterusnya mereka perlu cuba berbual (menggunakan bahasa Melayu) bersama rakan-rakan di sekolah atau bersama keluarga semasa di rumah.

Kesemua cadangan di atas amat berkait rapat dengan motivasi dan kemahuan diri seseorang. Hipotesis Saringan Affektif dalam Teori Monitor, menyatakan jika seorang individu itu memiliki motivasi diri yang rendah, kurang keyakinan diri dan kurang kemahuan, mereka dikatakan telah membina satu tembok penghalang dalam minda yang menyebabkan mereka sukar untuk menguasai bahasa terutama bahasa kedua.

Justeru, murid-murid sendiri perlu mempertingkatkan motivasi diri dan melipatgandakan usaha untuk menguasai kosa kata asas bahasa Melayu. Apabila mereka dapat menguasai kosa kata asas bahasa Melayu barulah mereka dapat menguasai mata pelajaran-mata pelajaran lain iaitu mata pelajaran aliran agama Islam yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar seperti mata pelajaran Al-Akhlaq, Al-Fiqh, Al-Akidah, Al-Tafsir, dan Al-Hadis.

#### 5.4 Saran Kajian Lanjut

Agak kurangnya pengkaji tempatan yang melakukan kajian berkaitan dengan penguasaan kosa kata asas bahasa Melayu Tahun 1 di sekolah-sekolah Siam di Thailand. Pengkaji berharap penyelidikan mengenai penguasaan kosa kata asas bahasa Melayu Tahun 1 di sekolah-sekolah Siam ini diteruskan dalam kajian yang selanjutnya untuk mendapatkan maklumat yang lebih berkesan di dalam menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu khususnya dalam bidang bacaan bacaan asas, serta menghasilkan penemuan baharu yang dapat memanfaatkan bidang penguasaan bacaan bahasa Melayu.

#### 5.5 Kesimpulan

Sebagai kesimpulan, kajian ini mengkaji penguasaan kosa kata asas dalam kalangan murid Tahun 1 di Sekolah Siam Ban Khorlogaway, daerah Sri Sakorn, wilayah Narathiwat, Selatan Thailand. Setelah kajian dilakukan, didapati bahawa subjek kajian dapat mengusai kosa kata asas dan item-item dalam *Modul Asas Membaca Tahun 1 (Edisi 1)*. Peningkatan penguasaan kosa kata asas berlaku selepas mereka melalui proses P&P. Keseluruhan keputusan kajian menunjukkan dan membuktikan bahawa sebahagian besar subjek kajian boleh menguasai kosa kata asas pada peringkat prabacaan dengan amat baik. Namun pada peringkat perkataan dan ayat didapati sebahagian kecil subjek kajian dapat menguasai kosa kata asas dengan agak baik. Namun demikian usaha yang bersungguh-sungguh di samping bahan yang sesuai dengan tahap kecerdasan dan kemahiran mereka adalah diperlukan.

Bagi subjek kajian sebahagian besar yang masih tidak dapat menguasai kosa kata asas pada peringkat perkataan dan ayat, adalah diharapkan usaha yang berterusan dilakukan dan diulangi langkah-langkah pengajaran yang diberikan kepada mereka, kerana rata-rata subjek kajian tersebut telah dapat menyebut dan membatang sebahagian besar daripada suku kata, kosa kata, perkataan dan ayat mudah yang terkandung di dalam *Modul Asas Membaca Tahun 1(Edisi 1)* yang telah diedarkan kepada semua subjek kajian.

Bahan *Modul Asas Membaca Tahun 1(Edisi 1)* sangat memberangsangkan dalam menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran asas bacaan bahasa Melayu khususnya konteks kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji, dalam kajian ini *Modul Asas Membaca Tahun 1(Edisi 1)* telah membuktikan bahawa sesuai dan cukup sistematik bagi murid-murid Tahun 1 khususnya murid-murid yang tidak pernah belajar bahasa Melayu, mereka tidak ada langsung asas bahasa Melayu. Kajian ini membuktii bahawa bahan *Modul Asas Membaca Tahun 1(Edisi 1)* ini, subjek kajian dapat menguasai dan mengikuti dengan baik dan memuaskan.

*Modul Asas Membaca Tahun 1(Edisi 1)* sebagai tunjang @ akar dalam proses penguasaan asas bacaan bahasa Melayu dalam kalangan murid Tahun 1 kerana tanpa bahan yang dibina secara terancang dan sistematik akan menjelaskan masalah kepada mental dan pemikiran pelajar yang terpaksa belajar dengan cara bercelaru. Masalah ini juga akan mewujudkan kekacauan atau kecelaruan dalam proses pemerolehan dan penguasaan asas bacaan pelajar.

Diharapkan semua pihak yang terlibat dalam permasalahan ini, khususnya Kementerian Pendidikan Thailand melakukan pemantauan yang bertetusan untuk mendapatkan manfaat yang semaksimum mungkin daripada segala perbelanjaan yang dikeluarkan untuk tujuan menyelesaikan masalah tidak boleh membaca dalam kalangan murid.

## BIBLIOGRAFI

- Abdullah Hassan. 1989 . *Masalah Intrabahasa Dalam Pengajaran Bahasa: Dengan Terapan Kepada Bahasa Malaysia*. In Azman Wan Chik (Ed.), *Mengajar Bahasa Malaysia* (Vol. 1, pp. 13-34). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Aziz Abdul Talib. 1993 . *Menguji Kemahiran Bahasa Prinsip, Teknik dan Contoh*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdulroya Panaemalae. 1995. *Kedudukan dan Kewibawaan Bahasa Melayu di Wilayah Sempadan Selatan Thailand: Renungan Sejarah Silam dan Ramalan Arah Tuju Masa Depan Dalam Kongress Bahasa Melayu Sedunia* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Aesoh @ Aisyah. 2008 . *Penguasaan Morfologi Bahasa Melayu Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Bamrung Islam Pattani*. Kertas Projek Ijazah Sarjana: Akademi Pengajian Melayu, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Ahmad Omar Chapakia. 2000 . *Politik Thai dan Masyarakat Islam di Selatan Thailand*. Pustaka Darul Salam Sdn.Bhd. : Rmi Multimedia Publishing.
- Atan bin Long. 1963 . *Psikologi Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- \_\_\_\_\_. 1970 . *Satu Penyiasatan Berhubung Dengan Pengajaran Bacaan Muri-Murid Melayu Yang Normal Yang berumur Di Antara Enam Dengan Tujuh Tahun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- \_\_\_\_\_. 1971 . *Satu Penyiasatan Perbendaharaan Kata Asas Kanak-Kanak Melayu Di Dalam Darjah Satu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- \_\_\_\_\_. 1980 . *Pedagogi Kaedah Am Mengajar*. Kuala Lumpur : Penerbit Fajar Bakti Sdn.Bhd.

- Bloomfield , L. 1961 . *Language*. London : Geoge Allen and Unwin Ltd.
- Chall, J.S. 1967 . *Learning to Read : The Great Debate*. New York : Macmillan.
- Chomsky, N. 1957 . *Syntactic Structures*. The Hague: Mauton.
- Chomsky, N. 1965 . *Aspects of the Theory of Syntax*. Cambridge, Mass.: Harcourt, Brace & World, Inc.
- Chomsky, N. 1968 . *Language and Mind*. New York: Harcourt, Brace & World, Inc.
- Chomsky, Noam. 1957 . *Syntactic Structure*. The Hague. Mouton and Company.
- \_\_\_\_\_. 1957 . *Review of B.F. Skinner's Verba Behaviour: Language*. The Hague. Mouton and Company.
- \_\_\_\_\_. 1959 . *Theories About Language Development*. The Hague. Mouton and Company.
- Chua Yan Piaw. 2006 . *Kaedah Penyelidikan Buku 1*. Kuala Lumpur: McGraw Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Ellis, R. 1985 . *Understanding Second Language Acquisition*. Oxford: Oxford University Press.
- Flesch, R. 1965 . *The ABC of Style: A Guide to Plain English*. New York : Harper and Row Publishers.
- Gray, L. 1963 . *Teaching Children to Read (3rd ed.)*. New York : The Ronald Press.
- Halliday. M.A.K. 1975 . *Learning How To Mean : Exploration in the Development of Language*. London : Edward Arnold.

Ishak Haron dan Koh Boh Boon. 1982 . *Asas-Asas Dalam Amalan Pedagogi*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn.Bhd.

*Kamus Dewan Edisi Ketiga* 1999 . Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Khamis Maarof. 1984 . *Satu Percubaan Untuk Mengukur Kebolehan Membaca Murid-Murid Di Peringkat Darjah Dua*. Disertasi Sarjana, Fakulti Pendidikan, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Klein, W. 1986 . *Second Language Acquisition*. Cambridge: Cambridge University Press.

Krashen, S. 1981 . *Second Language Acquisition and Second Language Learning* Oxford: Pergamon Press Ltd.

Krashen, S. 1982 . Accounting For Child-Adult Differences In Second Language Rate Attainment. In Robin C. Scarcella, Stephen D. Krashen & Michael H. Long (Eds.), *Child-Adult Differences In Second Language Acquisition* (pp. 202-227). Rowley: Newbury House Publishers, Inc.

Lim Chong Hin. 2007 . *Penyelidikan Pendidikan Pendekatan Kuantitatif dan Kualitatif*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill (Malaysia) sdn. Bhd.

Mangantar Simanjuntak. 1987 . *Pengantar Psikolingustik Moden*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Muhammad Saiful Haq bin Hussin dan Noor Aina bin Dani. 2008 . *Penguasaan dan Penyelidikan Bahasa*. Kuala Lumpur : Gateway Publishing House Sdn.Bhd.

Muhammad Saiful Haq bin Hussin. 2006 . *Amalan Psikolinguistik dalam Pemahaman Bahan Bacaan Asas Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Muda*. Tesis Doktor Falsafah : Sekolah Pengajian Siaswazah, Kuala Lumpur: Universiti Putra Malaysia.

Muhammad Saiful Haq bin Hussin dan Noor Aina bin Dani. 2008 . *Penguasaan dan Penyelidikan Bahasa*. Kuala Lumpur : Gateway Publishing House Sdn.Bhd.

Muhammad Saiful Haq Hussin. 2010 . *Penguasaan Bahasa Melayu di Kalangan Pelajar Sekolah Rendah Tahun Satu*. Kuala Lumpur: Gateway Publishing House Sdn Bhd.

Nik Abdul Rakib bin Nik Hassan. 2003 . *Siamisasi Penduduk Melayu : Kajian Kes di kampung Duku, Daerah Bacok, Wilayah Narathiwat*. Tesis Sarjana, Akademi pengajian Melayu, Kuala Lumpur : Universiti Malaya.

Nik Hassan Basri bin Nik Ab.Kadir. 2003 . *Teori Bahasa Implikasi Terhadap Pengajaran Tatabahasa*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Sultan Idris.

R.Bahous and N.Bacha. 2004 . *Materials Development for ELS/EFL Classes dalam Shameem Rafik-Galea (ed.) : ELT Teaching Materials : Theory and Practice*. Petaling Jaya: Sasbadi Sdn.Bhd.

Sofiah bte Hamid. 1981 . *Perbandingan Dua Pendekatan Mengajar Bacaan Bahasa Di Peringkat Darjah Satu Sekolah Kebangsaan*. Disertasi Sarjana, Fakulti Pendidikan, Kuala Lumpur : Universiti Malaya.

Sofiah Hamid. 1983 . *Pendekatan Mengajar Bacaan Bahasa Malaysia di peringkat Sekolah Rendah*. Kuala Lumpur : Utusan Publication.

Shahrir Mohammad Zain. 2002 . *Berakhiri Sakti Melayu*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Whitney, William Dwight. 1875 . *The life and Growth of Language*. New Delhi : Asian Publication Services Creprinted in 1977.

Worawit Baru @ Ahmad Idris. 1998 . “*Pendidikan Pondok di Negara Thailand : Satu Sistem Pendidikan ke Arah Keseimbangan Insan,*” Kertas kerja perbentangan Persidangan Antara bangsa Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu. York Hotel, Nanyang, Singapura, 17-18 Julai 1998.

Worawit Baru @ Ahmad Idris. 1999 . *Dasar Kerajaan dan Kesannya Terhadap Bahasa Melayu di Negara Thai.* Tesis Dokter Falsafah, Akademi Pengajian Melayu, Kuala Lumpur : Universiti Malaya.

Zaidah Bt.Otman. 1978 . *Satu Kajian Mengenai Kemahiran Asas Bacaan Murid-murid Darjah II Dari Segi Huruf, Suku Kata dan Gabungan Bunyi-Bunyi Suku Kata.* Disertasi Sarjana, Fakulti Pendidikan, Kuala Lumpur : Universiti Malaya.

Zulkefly Hamid. 2000 . *Bahasa, Konsep, Fungsi dan Penguasaannya oleh Penutur.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

## JURNAL

Abdul Aziz Abd.Talib. “*Jean Piaget dan Teori Perkembangan Bahasa*” dalam Jurnal Dewan Bahasa, September 1995, halaman 57-60.

Atan bin Long “*Masalah Kelemahan Pelajaran Bacaan Di Sekolah Kebangsaan dan Cadangan Mengatasinya. Masalah Pendidikan*”, Vol.2, no,1, September 1969/1970, hlm 288-297.

Mangantar Simanjuntak “*Pertumbuhan dan Perkembangan Bahasa dan Kanak-Kanak Melayu*”. Jurnal Dewan Bahasa, Oktober 1987, halaman. 692-703.

## INTERNET

Azizah Bt. Zain. (*on-line*) "Penggunaan Bacaan Berulang Dapat Mempertingkatkan Kelancaran dan Kefahaman Dalam Kalangan Kanak-Kanak Prasekolah". Diperoleh April 18, 2011 <http://www.File.upi.edu>.

Latar Belakang Daerah Sri Sakorn. Diperoleh Mei 5,2009 daripada  
<http://www.amphoe.com>

Latar Belakang Selatan Thailand. Diperoleh Mei, 20, 2009 daripada  
<http://www.Wikipedia.com>.

Latar Belakang Wilayah Narathiwat. Diperoleh Mei, 5, 2009 daripada  
<http://www.narathiwat.go.th>. dan <http://www.pocnara.go.th>

Jumlah Penduduk di Wilayah Narathiwat. Diperoleh Mei, 5,2009 daripada  
<http://www.dopa.go.th> dan <http://www.narathiwat.nso.go.th>

Motivasi Pembelajaran Kanak-kanak. Diperoleh Jun, 15, 2010 daripada  
<http://www.scribd.com>

Pengertian Bahasa Melayu, Ensiklopedia bebas. Diperoleh Jun, 19, 2009 daripada  
<http://www.Wikipedia.com>.

Peta Daerah Sri Sakorn. Diperoleh Mei, 5, 2009 daripada  
<http://www.amphoe.com>

Peta Selatan Thailand. Diperoleh Mei, 20, 2009 daripada  
<http://www.pooklook.netfirms.com>

Peta Wilayah narathiwat. Diperoleh Mei, 5, 2009 daripada  
<http://www.panyathai.or.th>.

Roziah Bt.Abd. Hamid. (*on-line*) "Meningkatkan Kemahiran Membaca Murid-muird Tahun 1 dengan Latih-tubi Menggunakan Suku Kata dan Kad Gambar".

Diperoleh Aprill 18, 2011 <http://www.ipbl.edu.my>.

## LAMPIRAN

halaman

